



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 40

Khamis

22 November 2018

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 7)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2019	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.1 hingga B.9 dan B.40	(Halaman 38)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 36)
Usul Anggaran Pembangunan 2019	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P. 6 dan P.7	(Halaman 38)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA

Khamis, 22 November 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kerajaan dalam pengumuman Belanjawan 2019 telah menyatakan bahawa akan memberi subsidi minyak secara bersasar. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program ini pada suku kedua (Q2) tahun 2019. Selepas pengumuman tersebut, Menteri telah memaklumkan bahawa pihak kementerian sedang mengambil kira pandangan dan pendapat daripada semua pihak untuk melaksanakan subsidi bersasar. Apakah hasil libat urus yang telah dilaksanakan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Untuk makluman rakan saya Yang Berhormat Merbok dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sejurus selepas pengumuman pelaksanaan subsidi bersasar diumumkan dalam pembentangan bajet dan kementerian ini diberi tanggungjawab sebagai kementerian pelaksana, kita telah mengadakan beberapa sesi *engagement*, dengan izin dengan pelbagai pihak termasuklah Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, syarikat-syarikat minyak, pengusaha-pengusaha stesen minyak, badan-badan NGO dan persatuan-persatuan pengguna. Hasil daripada *engagement* tersebut Tuan Yang di-Pertua dengan izin, kita telah dapat mengenal pasti apakah yang diharapkan daripada pelaksanaan program ini.

Yang pertama, sistem pelaksanaan subsidi bersasar RON95 apa kala dilaksanakan nanti mestilah berlangsung atau berjalan dalam keadaan *seamless*, licin dan lancar, tidak patut ada gangguan.

Yang kedua, *engagement* ini memberikan isyarat bahawa sistem yang nantinya bila dipilih, ianya mesti ada keupayaan untuk kita melakukan satu proses yang dianggap *scalable*. Makna kita boleh *expand* untuk tujuan dan penggunaan maksud lain. Kalau nantinya kita hendak laksanakan program subsidi bersasar untuk item pengguna yang lain, kita masih boleh mengguna pakai sistem yang sama. Sistem subsidi bersasar ini juga nanti harus selamat, *secured*, tidak boleh ada unsur-unsur pencerobohan dari sudut keselamatan sistem dan ianya apabila dimuktamadkan nanti, bila berjalan dia harus *applicable* untuk semua stesen-stesen minyak.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan yang menguruskan perolehan telah pun mengeluarkan tender terbuka pada hari Isnin yang lepas, *request for proposal* (RFP) dan tender mencadang, mengkaji, mereka bentuk, membangun, membekal, memasang, menguji dan mentauliah serta mengoperasi perkakasan perisian dan aplikasi untuk sistem subsidi secara bersasar bagi petrol RON95 telah pun dimulakan prosesnya. Apabila nanti syarikat pembekal terpilih, ianya dilakukan secara kompetitif untuk mendapatkan yang terbaik dari segi kecekapan, pelaksanaan sistem dan dari segi kos. Kita harap apabila itu dimuktamadkan, maka kementerian ini boleh melakukan langkah yang berikutnya. Terima kasih.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih, soalan saya mudah saja seterusnya. Apakah kementerian yakin bahawa program subsidi bersasar ini boleh dilaksanakan pada suku tahun kedua 2019 nanti?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, setakat kerja-kerja persiapan yang sedang kita susun dan sedang kita lakukan ini, saya optimis bahawa bila sampai kepada garis masa pelaksanaannya iaitu separuh kedua pada suku kedua pada tahun hadapan, *insya-Allah* kita akan dapat laksanakan mengikut jadual. Kalau nanti kita laksanakan, kita berharap kita dapat laksanakan ia secara berperingkat, bukannya satu *roll out* senafas, sekali sahaja. Kita harap kita boleh lakukan dulu secara berperingkat atau *gradual*, secara *trial run* dan supaya hendak menyediakan masyarakat dan orang ramai. Ini kerana bila dilaksanakan nanti Tuan Yang di-Pertua, akan ada yang layak dapat, akan ada yang tidak layak dapat. Jadi biar ada *adjustment* atau penyesuaian itu sempat dilakukan.

■1010

Kita juga faham bahawa harga minyak ini ia sangat sensitif dengan indeks harga pengguna. Itu juga aspek yang sedang kita teliti bagi memastikan pelaksanaan berperingkat akan membolehkan orang ramai lebih bersiap sedia bagi menerima sistem baharu ini. Kementerian mengambil kira semua sudut pandang sebelum melaksanakan secara menyeluruh.

Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berapa jumlah subsidi RON95 setiap bulan sebelum pelaksanaan subsidi bersasar ini? Kemudian, di Sabah dan Sarawak ada yang masih menggunakan generator, bagaimana subsidi untuk mereka? Begitu juga subsidi untuk nelayan, bagaimana subsidi untuk nelayan akan diteruskan? Satu lagi, satu rumah kadang-kadang bukan hanya ada satu kereta. Sebuah rumah ada dua keluarga. Bagaimana perkara-perkara itu perlu dilihat oleh kementerian? Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya dari Pontian. Sekarang ini, Yang Berhormat Pontian, setiap bulan penggunaan petrol di negara kita jumlahnya 1.2 bilion liter petrol RON95 dan RON97. Penggunaan RON95 ini ialah 90 peratus daripada 1.2 bilion. Jadi kalau kita hendak tahu kiraan setiap bulan, kita kena kira 90 peratus daripada 1.2 bilion, kita kalikan pula dengan harga minyak semasa.

Kira-kiranya pun saya faham Yang Berhormat Pontian tahu, ia berdasarkan kepada *automatic pricing mechanism* (APM). Saya ada jawapan ini. Saya akan bagi jawapan bertulis. Itu lebih mudah sahabat saya dari Pontian untuk meneliti. Saya tahu dia obses dengan angka, saya tahu. Saya boleh bacakan setiap bulan di sini angkanya tetapi kiraannya ialah 1.2 bilion liter, 90 peratus adalah RON95 dan ia berubah mengikut harga minyak mentah.

Masa pengumuman dibuat oleh Menteri Kewangan, harga minyak mentah dunia ialah USD80. Sedang saya menjawab ini harga minyak mentah dunia adalah USD64. Jadi kalau trend menurun ini berterusan dan bila kita laksanakan dalam tempoh dua tiga bulan nanti, bila kita bagi subsidi 30 sen, dia mungkin yang menikmati subsidi itu tidak bayar dengan harga RM2.20 sekarang, dia mungkin bayar dengan harga RM1.80 atau RM1.90. Jadi kalau trend sekarang berterusanlah. Kalau trend minyak mencanak balik USD100, itu sifirnya berubah. Jadi 1.2 bilion liter petrol sebulan, 90 peratus adalah RN95 yang harganya berubah mengikut turun naik harga minyak mentah dan kira-kiranya adalah mengikut *automatic price mechanism*. Terima kasih.

2. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan langkah segera kementerian menyelesaikan masalah penggantungan siaran televisyen digital MYTV yang sedang berlaku di beberapa negeri sejak awal November.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gangguan perkhidmatan tersebut disebabkan oleh beberapa isu komersial yang masih dalam rundingan di antara pihak MYTV Broadcasting Sdn. Bhd. dan Telekom Malaysia Berhad. MYTV telah memajukan cadangan penyelesaian untuk pertimbangan pihak Telekom Malaysia. Pihak KKMM telah mengarahkan MCMC untuk memudah cara rundingan di antara MYTV dan TM dalam usaha untuk kita mengatasi masalah tersebut dengan seberapa segera. MCMC kini sudah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan kedua-dua belah pihak ke arah menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, rakyat masih boleh menonton rancangan-rancangan TV yang disediakan oleh perkhidmatan televisyen percuma di platform analog. SKMM sedang memantau secara rapi, Yang Berhormat, gangguan siaran ujian perkhidmatan, *digital terrestrial television* atau DTT yang berlaku secara berperingkat sejak 11 Oktober yang lalu. Siaran ujian perkhidmatan DTT, Tuan Yang di-Pertua, di bawah jenama *myFreeview* menyiarkan 13 saluran TV dan empat saluran radio secara percuma oleh penyiar kerajaan dan swasta yang terdiri daripada RTM, Media Prima Berhad, *Bernamea TV*, *TV Al-Hijrah* dan juga *Channel W*. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyatakan bahawa program *analogue switch off* (ASO) ini merupakan suatu perkara yang disambut baik oleh masyarakat di luar bandar kerana ia memberikan peluang untuk orang-orang kampung menikmati siaran secara digital.

Jadi dalam situasi yang agak kelam kabut sehari dua ini, saya nampak Yang Berhormat Menteri pun menghadapi tekanan yang sangat kuat. Saya hendak tahu, bilakah tempoh masa yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk menamatkan kemelut ini? Juga, apakah langkah segera yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan pergaduhan di antara dua gergasi ini dapat ditamatkan? Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Pasir Mas. Saya setuju perkara ini memang satu perkara yang telah pun dibangkitkan oleh ramai khususnya kepada saya melalui *Twitter*.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun mengarahkan SKMM supaya cuba untuk menyelesaikan masalah ini melalui rundingan di antara MYTV dan juga TM. Saya dimaklumkan bahawa proses rundingan itu adalah proses yang telah pun menunjukkan hasil di mana kemungkinan perkara ini dapat diselesaikan dalam seminggu dua ini. Walau bagaimanapun, saya cukup setuju dengan Yang Berhormat Pasir Mas, apa yang diperlukan ialah satu penetapan had masa. Jadi dalam keadaan tersebut, saya harap bahawa penyelesaian ini boleh dicapai dalam minggu depan. Kalau tidak, maka saya selaku Menteri akan cuba untuk jumpa kedua-dua pihak supaya kita tengok bagaimana masalah ini dapat diselesaikan dan kita boleh maju ke depan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas.

3. Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai] minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah kes yang telah didakwa ke mahkamah dan disabit kesalahan di bawah seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 setiap tahun sejak 2013, statistik berkenaan kemalangan jalan raya yang melibatkan pemandu yang diuji positif dadah dan/atau alkohol melebihi had dan sejauh manakah usaha kementerian dalam menangani gejala *driving under influence* yang menyebabkan kematian orang awam hampir setiap minggu di negara ini.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Salam sejahtera, selamat pagi dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Merujuk Laporan Perangkaan Kemalangan Jalan Raya yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM), bilangan ataupun jumlah kes yang terlibat untuk kesalahan pemandu di bawah pengaruh alkohol ataupun melebihi had alkohol sejak tahun 2013 ialah seperti berikut:

Tahun	Bilangan (Kes)
2013	327
2014	333
2015	420
2016	461
2017	212

Manakala untuk jenis kesalahan di mana pemandu yang terlibat dengan kemalangan di bawah pengaruh dadah sejak tahun 2013 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan (Kes)
2013	14
2014	10
2015	6
2016	6
2017	5

Kementerian komited dalam menjalankan penguatkuasaan di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan bersama Polis Diraja Malaysia dan advokasi mengenai larangan memandu semasa sedang mabuk oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya kepada orang awam. Program advokasi seperti Program *Drunk Driving* dijalankan meliputi hebahan di radio tempatan, bahan poster infografik dan advokasi berfokus di kawasan *hotspot* atau kerap kemalangan akibat pemandu atau penunggang yang mabuk.

■1020

Dimaklumkan bahawa agensi yang boleh menguatkuasakan seksyen 44, Akta Pengangkutan Jalan adalah pegawai polis sebagai mana yang dinyatakan di bawah subseksyen 45F(2) dan seksyen 45G, Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Namun begitu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tetap menjalankan operasi secara menempatkan pegawai JPJ di setiap terminal bas utama negeri bersama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Antara tugas pegawai JPJ bersama AADK di terminal bas ialah memeriksa *urine* ataupun air kencing pemandu pertama dan kedua sebelum bas tersebut memulakan perjalanan ke destinasi. Jika hasil ujian air kencing oleh AADK terhadap pemandu ini positif, maka JPJ akan menahan CDL dan PFP dan pemandu dilarang memandu bas dengan serta-merta. Jika pemandu tersebut disahkan positif dadah oleh makmal perubatan, pihak JPJ akan menggantung CDL pemandu tidak kurang daripada dua tahun sebagai mana yang dinyatakan di bawah subseksyen 36(1), Akta Pengangkutan Jalan 1987. Terima kasih.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberikan jawapan padat dan berisi. Untuk soalan kedua, bagaimanakah kita hendak *educate* dengan izin, mereka tidak melakukan gejala-gejala yang tidak sihat oleh pemandu memandangkan pemandu ini adalah orang-orang yang menyumbang ekonomi negara. Merekalah yang membawa barang-barang dari satu tempat ke satu tempat dan juga mereka perlu diberi perhatian yang serius. Saya berharap pihak kementerian melalui TV ataupun melalui radio setiap hari ingatkan mereka tidak terlibat dengan gejala-gejala tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk Yang Berhormat Padang Serai, seperti yang saya telah katakan tadi, memang program kesedaran dan program provokasi dijalankan setiap masa dan kita akan menambah baik kempen-kempen kesedaran ini. Memang kempen-kempen kesedaran yang telah dibuat selama ini akan kita kaji balik sejauh mana keberkesanannya dan kita akan cuba meletakkan pendekatan-pendekatan yang lebih baharu supaya kempen-kempen ini dapat diterapkan oleh pemandu-pemandu.

Memang saya sedar bahawa kita nak menyerapkan satu kempen ataupun satu kesedaran kepada pemandu-pemandu terutamanya pemandu-pemandu kenderaan berat, pemandu-pemandu bas pengangkutan awam dan sebagainya kerana mereka mempunyai tanggungjawab yang cukup besar apabila mereka membawa bas ataupun lori. Ini kerana apabila

kenderaan berat itu berada di atas jalan raya, ia cukup membahayakan orang ramai sekiranya mereka memandu di bawah pengaruh yang tidak baik.

Jadi, kempen ini akan kita sentiasa tambah baik dan kita cuba sedaya upaya kita untuk memastikan bukan saja setakat kempen tetapi penguatkuasaannya. Kita akan lihat bagaimana kita meletakkan syarat kepada syarikat-syarikat pengendali pengangkutan awam ataupun syarikat-syarikat lori ini supaya mereka juga perlu membuat saringan terhadap pemandu-pemandu mereka. Jadi, pendekatan itu sedang kita kaji dan kita cuba harap kita dapat melaksanakannya dalam tahun depan. Terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian akan melaksanakan polisi di mana mensyaratkan supaya semua kenderaan berat atau kenderaan awam untuk memasang kamera CCTV? Juga baru-baru ini kita lihat telah berlaku satu insiden kemalangan di mana mereka apabila makan di tepi jalan, telah berlaku kemalangan sehingga ada yang meninggal dunia. Jadi, apakah kementerian akan mengambil tindakan yang lebih tegas untuk mengelak perkara sedemikian berlaku lagi? Terima kasih

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan CCTV, memang beberapa hari yang lepas saya telah mengumumkan bahawa bermula tahun 2020, semua bas termasuklah bas ekspres, bas persiaran, bas berhenti-henti, untuk bas-bas yang baru didaftarkan mereka perlu memasang CCTV. Akan tetapi cadangan daripada Yang Berhormat Kota Melaka tadi untuk dilanjutkan kepada lori-lori dan kenderaan berat, ini sesuatu yang kita perlu pertimbangkan dengan lebih lanjut kerana ia melihat kepada *practicality*, juga kosnya dan sebagainya. Akan tetapi apa-apa pun, apa-apa cadangan yang dapat menambah baik untuk memastikan keselamatan orang ramai dapat dijamin, kita akan cuba laksanakan.

Untuk kes-kes tertentu seperti yang terlibat beberapa hari yang lepas, memang kes itu akan kita hadapkan ke mahkamah. Kita akan pastikan setiap kes yang terlibat dengan kemalangan ataupun pemandu-pemandu itu cuai, kita akan mengambil tindakan yang tegas. Ini terutamanya melibatkan syarikat-syarikat pengendali pengangkutan awam ataupun syarikat-syarikat lori. Kalau apa-apa kes yang melibatkan kemalangan maut, kita akan lihat kalau kes itu serius, kita akan gantung lesen mereka dan kita akan minta mereka memberikan surat tunjuk sebab dan mengaudit sejauh mana syarikat tersebut menjalankan keselamatan mereka terhadap pemandu-pemandu itu.

Akan tetapi mesej yang paling utama yang saya nak sampaikan kepada orang ramai ialah bahawa *we never take safety for granted*. Kita akan membuat yang terbaik untuk memastikan semua syarikat ataupun pemandu yang terlibat dengan pengangkutan awam dan juga kenderaan berat perlulah mematuhi segala undang-undang dan peraturan jalan raya dan memastikan keselamatan orang ramai sentiasa terjamin. Kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang paling tegas ke atas mereka yang terlibat dengan apa-apa kemalangan. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan perancangan kementerian pengurusan sisa pepejal dengan konsep "*satu negeri, satu incinerator*".

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Zuraida binti Kamaruddin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, alhamdulillah.* Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu kerana mengajukan soalan mengenai pelupusan sisa pepejal. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kota Kinabalu, KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara berhasrat untuk melaksanakan sekurang-kurangnya satu *waste-to-energy plant* loji di setiap negeri dalam masa jangka dua tahun ini.

Jadi, bila kita berpindah kepada sistem pelupusan sisa pepejal ini kepada satu yang lebih *mechanical* ataupun lebih berteknologi tinggi, kita mengharapkan agar dengan adanya loji-loji *waste-to-energy* ini akan mengurangkan kekotoran, lebih mesra alam dan mengurangkan kebakaran dan juga licin di jalan-jalan. Untuk itu, kita juga sedang dalam perancangan sekarang. KPKT sedang dalam perancangan melalui JPSPN untuk *study*, mengkaji dan menyelidik, menyemak tempat-tempat yang sesuai untuk kita bina loji-loji ini di negeri-negeri tertentu. Ini berdasarkan daripada kapasiti sisa pepejal itu sendiri dan keduanya adalah dari segi lokasi dan jarak daripada satu tempat ke satu tempat.

Dengan adanya sistem loji WTE ini, KPKT berharap akan dapat menjimatkan kewangan kementerian kerana sistem ini akan dilaksanakan mengikut model *build, operate and transfer*. Jadi dengan ini, kita harap loji tersebut akan dapat melaksanakan pelupusan sampah yang lebih efisien. Walaupun begitu, kita masih lagi memerlukan kawasan *landfill*. Jadi untuk melupuskan sisa-sisa terakhir daripada *waste-to-energy* ini. Jadi dengan adanya loji *waste-to-energy* ini kita akan dapat menjimatkan tanah kerana loji *waste-to-energy* ini memerlukan kawasan tanah yang kecil, lebih jauh lebih kecil daripada *landfill*. Juga dengan adanya ini, kita akan dapat menjimatkan tanah dan boleh menggunakan tanah-tanah ini untuk program atau projek-projek yang lain.

Selain daripada itu juga, KPKT juga maklum tentang budaya masyarakat Malaysia yang kita dapati bahawa hampir 60 peratus masyarakat Malaysia masih belum lagi mampu untuk membuang sampah di dalam tong sampah. Jadi ini juga adalah satu perkara yang kita juga harus merancang agar ada dua *symbiotic* perancangan atau *symbiotic* aktiviti yang mana rakyat itu sendiri harus tahu mana hendak buang sampah. Kita belum lagi juga hendak ke depan lagi, *separation at source*, kebolehan rakyat untuk mengasingkan sampah dan apatah lagi untuk

membuat organik *landfill* ataupun organik sisa pelupusan, sisa pembinaan, sisa plastik dan juga sisa makanan.

■1030

Jadi ini antara fasa-fasa yang kita akan laksanakan dan tetapi kita bermula dengan membina loji-loji *waste-to-energy*. Terima kasih.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Menteri, untuk *past record*, untuk rekod-rekod yang pada masa kerajaan yang terdahulu ada beberapa *incinerator* atau loji *waste-to-energy* sudah dibina di Langkawi, Cameron Highlands, Pulau Tioman, Pulau Pangkor dan RDF *plant* dengan *incinerator* di Semenyih, Kajang dan dikatakan semua loji ini menghadapi masalah kos operasi yang tinggi sampai pihak berkuasa tempatan pun tidak hantar sampah sarap pergi ke tapak-tapak tersebut dan masih teruskan dengan cara *landfill*.

So, adakah KPKT akan mempertimbangkan alternatif kepada *incinerator* atau *waste-to-energy* seperti *engineered sanitary landfill* seperti di Bukit Dagang? Terima kasih.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih Kota Kinabalu, kami amat maklum tentang isu *incinerator* yang telah dilaksanakan di Langkawi, Cameron Highlands, Pulau Tioman, Pangkor dan juga Semenyih. Memang saya dapati ketika itu apabila kerajaan lama memilih satu-satu sistem *incinerator* ini adalah satu sistem yang belum matang lagi ketika itu.

Jadi, kemungkinan ketika itu masih lagi di peringkat awal jadi mereka tidak dapat lagi menjangkakan jenis-jenis ataupun merancang jenis-jenis sampah yang akan dilupuskan dalam *incinerator* ini. Jadi, kapasitinya masih kecil lagi ketika itu dan juga sistem yang dipilih tidak membolehkan untuk kita melupuskan sisa pepejal basah iaitu makanan.

Akan tetapi ketika ini *insya-Allah* kita telah mengkaji balik sistem WTE yang boleh melupuskan semua sampah bersekali dengan skala yang besar, jadi *insya-Allah* kes-kes Langkawi, Cameron Highlands dan juga ini tidak melibatkan kewangan kerana ianya adalah disebut *build, operate, transfer*. Akan tetapi walau bagaimanapun ianya memberikan sedikit masalah kerana tempat hendak melupuskan sampah itu harus kita cari yang lain dan ianya seperti di Langkawi melibatkan *overflow of the landfill* tapi isu di Langkawi itu kita telah selesaikan dan juga *incinerator* yang tidak berfungsi itu *insya-Allah* kita akan kaji balik dan kita akan buat satu *replanning* untuk kawasan-kawasan ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bila bercakap tentang pengurusan sisa pepejal ini, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, berbanding dengan sistem *landfill* bagaimanakah kos efektifnya? Berapa mahalunya perkara ini berbanding dengan *landfill*? Bagaimana tentang pencemaran dan pengeluaran karbon dioksida dan juga kalau satu negeri satu *incinerator* cukup kah? Contohnya di negeri Perak yang begitu luas. Saya juga minta Yang Berhormat Menteri bantulah di Daerah Kerian terutamanya Bagan Serai. *Landfill* nya, sistem pelupusan pepejal *landfill* ini dah melebihi 30 tahun dan telah tinggi seperti gunung. Gunung sampah. Terima kasih.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Yang Berhormat Bagan Serai, terima kasih. Yang Berhormat Bagan Serai, pada peringkat awalnya *target* kita sasaran kita adalah sekurang-kurangnya dalam masa dua tahun ini satu loji WTE di setiap negeri.

Walau bagaimanapun saya faham seperti di Johor sudah tentu saya perlukan dua, satu utara dan satu selatan begitu juga di Perak. Jadi, itu akan dipertingkatkan bila masanya sampai ya. Cuma mengenai kos efektif sudah tentu loji *incinerator* ini lebih kos efisien kerana ianya modul *business* nya ialah modul *business build, operate, transfer* dan kaedah yang kita ambil, kita kata tidak boleh dengan izin, *charge tipping fees, cannot be more than what we are paying now, using the landfill's system. So*, tetapi oleh kerana teknologi sudah maju dan sebagainya banyak syarikat-syarikat yang telah membentangkan *business* modul mereka adalah kos *tipping fees* itu adalah lebih murah daripada *tipping fees* yang kita adakan sekarang ini.

Jadi, berdasarkan kerajaan yang ada sekarang hendak berjimat cermat dan sebagainya, kami amat berhati-hati dari segi mengeluarkan tender, dari segi melantik agar hendak memastikan bahawa tidak ada wang yang lebih daripada apa yang diperuntukkan dibelanjakan dan kita amat berhemah. Jadi, *insya-Allah* kita akan pastikan bahawa negara kita akan maju dari segi pelupusan sistem pepejal ini kerana ianya harus ditackle dengan tuntas kerana seperti saya sebut perkara yang asasnya masyarakat kita masih lagi, tidak pandai lagi buang sampah dalam tong sampah.

Jadi banyak yang harus kita *go back to basic* untuk memastikan bahawa *at the end* kita menyediakan sistem pelupusan yang tuntas *and at the end* kita juga membuat satu program-program kesedaran awam agar mereka faham tentang kepentingan untuk menjaga negara ini agar negara ini bersih dan kepentingannya untuk memastikan sistem pepejal kita adalah dirawat dengan satu sistem yang lebih efektif. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum saya memberi soalan pertanyaan tambahan yang seterusnya, saya ingin memaklumkan soalan nombor 2, 6 dan 9 Ahli Yang Berhormat tidak dapat hadir. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Kuala Krau untuk menanyakan soalan tambahan yang ketiga.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak sangka juga diberi peluang, terima kasih. Saya yakin bahawa Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa hasrat untuk kita membina setiap negeri satu *incinerator*. Cuma saya hendak tahu kos yang terlibat untuk membina satu *incinerator* dan adakah mana-mana pihak swasta yang menawarkan atau tampil berjumpa dengan kementerian untuk menawarkan perkhidmatan membina dan secara PFI mereka menggunakan dana sendiri untuk membina *incinerator* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Zuraida binti Kamaruddin: Yang Berhormat Kuala Krau sudah tentu sistem ini lebih efektif seperti yang saya sebut adalah dalam modul *build, operate, transfer* yang mana dia dalam kaedah *private finance initiative* (PFI). Jadi, setiap syarikat yang akan berkecimpung dalam membina loji ini dan menguruskan loji ini mereka harus mengeluarkan *investment* mereka dahulu dan kita berikan mereka satu tempoh masa.

Memang banyak syarikat yang datang dan kita akan buat ini secara *open tender*. So, selepas kita *identify*, mengenal pasti lokasi kita akan buka tender dan syarikat yang memberikan tawaran yang terbaik itu yang kita akan terima untuk mengendalikan loji-loji ini *insya-Allah*. Terima kasih.

3. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah segera yang diambil untuk menangani pengangguran belia terutamanya graduan yang serius. Menurut MIDF Research, pengangguran belia pada 2017 mencecah 10.8 peratus sementara graduan sahaja mencatat 204,000 orang atau 40.5 peratus dari jumlah pengangguran belia.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kiraan sebenar pengangguran belia yang terkini untuk tahun 2018 adalah untuk pengangguran belia adalah sebanyak 516,400 orang. Peratusan pengangguran graduan pula ialah 27.3 peratus iaitu didefinisi belia adalah di antara umur 15 tahun sehingga 24 tahun. Ini bermakna graduan yang menganggur pada tahun 2018 ialah seramai 140,977 orang.

Berdasarkan laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menunjukkan iaitu kira-kira 45 peratus kadar pengangguran di Asia Pasifik adalah di kalangan belia. Bilangan pengangguran yang tinggi adalah dalam lingkungan yang berumur 15 hingga 24 tahun. Situasi ini menunjukkan pengangguran belia bukan eksklusif kepada Malaysia sahaja tetapi dihadapi oleh setiap negara membangun dan maju.

Sebagai perbandingan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menerusi penglibatan *Global Employment Trends for Youth 2017* menganggarkan kadar pengangguran belia di peringkat global berada pada paras 13.1 peratus pada tahun 2017 dan 2018 meningkat berbanding 13 peratus pada tahun 2016. Jumlah ini mewakili seramai 71 juta belia penganggur di seluruh dunia. Kadar pengangguran belia di negara membangun dan maju antaranya adalah berikut:

Negara	Peratus (%)
China	12.4
India	9.7
New Zealand	14.4
Norway	10.1
Australia	13.5

Kadar pengangguran di atas menunjukkan keadaan yang lebih tinggi atau setara dengan kadar pengangguran belia di Malaysia. Soalan mengenai cara mengurangkan kadar pengangguran belia di negara ini.

■1040

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menyediakan portal perkhidmatan pekerjaan JobsMalaysia yang memberi kemudahan kepada pencari kerja termasuk belia untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja;

- (ii) menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya dan temu duga terbuka diadakan dari semasa ke semasa bagi memadankan pencari kerja dengan majikan yang sepadan. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2018, Program Penempatan Pekerjaan telah berjaya menempatkan seramai 95,387 orang pencari kerja melibatkan golongan siswazah dan bukan siswazah;
- (iii) mewujudkan Pusat Seheni menggabungkan agensi seperti JobsMalaysia, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di UTC bagi menyediakan khidmat nasihat profesional untuk mendapatkan pekerjaan dan latihan; dan
- (iv) memperkemas dan memperluas Program Perantis dan latihan industri yang bertujuan meningkatkan tahap kebolehpasaran belia khususnya graduan melalui latihan *soft skill* dan *on the job training*. Program-program seperti ini telah menunjukkan kejayaan di mana lebih dari 90 peratus belia yang mengikuti program tersebut mendapat pekerjaan.

Kesimpulannya, kerajaan yakin semua langkah-langkah yang telah dilaksanakan dijangka dapat membantu belia mendapatkan pekerjaan dan mengurangkan lagi kadar pengangguran belia negara. Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Setiawangsa ingin bertanya, sebelum ini pengalaman ketika saya di Kerajaan Negeri Selangor pun bersama dengan JobsMalaysia dan pihak kementerian adalah sangat baik. Kerjasama yang mereka berikan, kita dapat buat banyak Program Jom Kerja ataupun *job fair* di negeri Selangor ketika itu.

Jadi saya nak tanya adakah wujud sebarang perancangan untuk menambah cawangan-cawangan JobsMalaysia yang saya difahamkan ada sekitar 80 yang aktif tetapi memandangkan masalah pengangguran di kalangan belia termasuk graduan ini adalah serius, jadi adakah wujud sebarang perancangan di peringkat kerajaan untuk menambah lagi cawangan supaya lebih mudah untuk anak-anak muda khususnya pergi ke JobsMalaysia untuk memohon pekerjaan.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih kepada soalan tersebut. Yang Berhormat, saya hendak beritahu bahawa JobsMalaysia ini *online*. Bermakna di mana-mana di seluruh Malaysia atau seluruh dunia pun kita boleh akses untuk mendapatkan kerja atau *matching*. Setakat ini tidak ada dasar atau tidak ada apa-apa untuk meningkatkan lagi pejabat-pejabat yang sedia ada tetapi saya rasa cadangan itu boleh diambil kira. Akan tetapi yang sedang dikaji oleh kementerian adalah adakah JobsMalaysia ini perlu diubah dan diletakkan di agensi lain supaya ia lebih *open* dan lebih aktif. Itu adalah yang terkini mengenai perkara tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sebelum saya panggil soalan tambahan, saya minta Menteri ada sedikit pengumuman.

Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya nak sebut masa saya menjawab soalan tetapi disebabkan Tuan Yang di-Pertua minta saya sebut sekarang. Kita mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar daripada Universiti Putra Malaysia, Serdang dan Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu, Kedah. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada andaian atau *assumption* di kalangan orang muda bahawa salah satu sebab ada pengangguran di negara kita ini, di kalangan belia adalah disebabkan pekerjaan-pekerjaan yang dikategorikan sebagai 3D iaitu *dangerous*, *dirty* dan *difficult* dengan izin dan tidak menarik minat mereka sebab gaji yang terlalu rendah. Mereka kata ramai rakyat Malaysia sanggup untuk buat pekerjaan 3D ini di Singapura. Ada yang sampai pergi ke Australia untuk kutip epal, ceri dan sebagainya disebabkan gaji yang tinggi.

Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri bahawa andaian ini betul bahawa satu hari nanti apabila kita dapat menaikkan gaji minimum kepada RM1,500 dan sebagainya, belia kita boleh mengisi pekerjaan 3D ini ataupun 3D ini memang untuk pekerja asing sahaja? Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih kepada soalan tersebut. Tidak ada andaian. Itu adalah benar bahawa ramai antara anak-anak kita bekerja di luar negara walaupun terlibat dengan 3D. Ini kerana pendapatan mereka di sana lumayan. *So, there is a mismatch* dan persepsi itu salah. Jika kita meningkatkan bayaran gaji mereka, kemungkinan besar ramai antara mereka akan bekerja di negara kita. Akan tetapi pada masa sekarang, satu di antara usaha adalah kita nak meningkatkan produktiviti dan itu bukan satu perkara yang senang kerana kita perlu mengajar kepada pihak-pihak yang bekerja sebagai buruh untuk meningkatkan produktiviti mereka supaya boleh untuk mendapat gaji yang lebih.

Saya setuju bahawa satu di antara *benchmark* ataupun *test* yang saya selalu katakan yang ramai mungkin tidak setuju adalah kenapa kita ramai di antara rakyat Malaysia bekerja di Singapura atau di Australia. Bekas Menteri pun tahu kerana bayaran di sana lumayan. Satu antaranya adalah apakah inisiatif yang kita ada untuk membawa mereka bekerja di sini. Itu adalah usaha yang sedang dibuat dan dikaji. Kita rasa tidak lama lagi kita boleh usahakan.

Kita ada *problem*. *Problem* kita adalah *full employment* di mana *you can't balance it*, di mana *at one stage, the full employment* menjadi bagus kerana untuk satu negara yang maju menunjukkan bahawa ada *full employment* tetapi bila kita ada *full employment*, ramai di antara pekerja menjadi sangat *choosy* sehingga dia rela untuk menjadi penganggur hingga mendapat satu kerja yang lumayan.

3D adalah saya rasa satu fokus yang bagus yang kita perlu memberi lebih perhatian kerana lebih dari—dekat 2 juta warga asing sedang bekerja dalam arena tersebut. Jika gaji dinaikkan dan lain-lain inisiatif atau insentif diberi, saya percaya ramai yang ingin bekerja di luar negara boleh dan mungkin bekerja di negara ini. Terima kasih.

4. **Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah serantau khusus melalui ASEAN untuk membawa pihak yang bertanggungjawab di Myanmar ke muka pengadilan antarabangsa akibat pembunuhan dan pelanggaran hak asasi manusia ke atas etnik Rohingya di Wilayah Rakhine, Myanmar.

Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sik atas pertanyaan. Malaysia mengambil pendirian berprinsip yang jelas dan konsisten berkaitan isu penindasan etnik Rohingya. Malaysia bukan sahaja aktif membangkitkan isu ini di peringkat ASEAN malah juga di peringkat OIC dan di PBB. Sejak berlakunya krisis kemanusiaan yang melibatkan etnik Rohingya, Malaysia terus menggesa Kerajaan Myanmar menghentikan penindasan dan kekejaman yang dilaporkan berlaku ke atas etnik Rohingya.

Menerusi satu kenyataan Menteri Luar Negeri pada 29 Ogos 2018, Malaysia telah menuntut agar mereka yang bertanggungjawab ke atas pelanggaran hak asasi manusia etnik Rohingya di bawa ke muka pengadilan termasuk melalui mekanisme kehakiman antarabangsa. Malaysia juga mengemukakan kebimbangannya atas hasil laporan yang dikemukakan oleh dengan izin *United Nations Independent International Fact-finding Mission* berkenaan Myanmar yang meneliti pelbagai bentuk kekejaman, penindasan dan diskriminasi yang dilakukan ke atas etnik Rohingya. Malaysia berpandangan bahawa ia mempunyai persamaan dengan kes-kes *genocide* yang pernah berlaku sebelum ini.

■1050

Dalam masa yang sama, Malaysia juga telah menzahirkan kekecewaannya kepada Kaunselor Negara Myanmar, Aung San Suu Kyi melalui utusan khas beliau yang membuat lawatan ke Malaysia pada 5 September 2018. Semasa berucap di Perhimpunan Agung PBB ke-73 pada 28 September baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah membangkitkan isu penindasan etnik minoriti Muslim di Myanmar dan mempersoalkan soal tidak endah masyarakat antarabangsa.

Di peringkat PBB, Malaysia tidak teragak-agak untuk membangkitkan isu Rohingya. Contohnya di bawah kerangka Majlis Hak Asasi Manusia PBB, Malaysia terlibat aktif dalam perbincangan berhubung isu tersebut. Malaysia juga menyokong penuh— kita menjadi *co-sponsor* Resolusi PBB yang memberi mandat kepada, dengan izin, *Independent International Fact-Finding Mission* tadi untuk membuat penyiasatan ke atas kes ini. Proses ini telah menghasilkan satu laporan komprehensif berkenaan pelanggaran hak asasi manusia melibatkan etnik Rohingya.

Pada sesi HRC yang ke-39 di Geneva pada bulan September yang lepas, Malaysia telah berjaya bersama dengan negara-negara OIC dan Kesatuan Eropah membawa satu resolusi berkenaan situasi hak asasi manusia etnik Rohingya dan lain-lain minoriti di Myanmar. Hasilnya, satu mekanisme baharu ditubuhkan di bawah HRC untuk mengumpul dan menganalisis bukti-bukti pelanggaran hak asasi manusia yang berlaku ke atas kumpulan-kumpulan minoriti termasuk Rohingya di Myanmar. Tujuannya adalah untuk membantu proses pengadilan antarabangsa pada masa akan datang.

Kerajaan terus meneliti langkah-langkah yang dikatakan diambil oleh Kerajaan Myanmar untuk menyasat kes-kes pelanggaran hak asasi manusia dilaporkan. Walau bagaimanapun, sehingga kini, proses dalaman Myanmar untuk menegakkan kedaulatan undang-undangnya sendiri dilihat tidak berjaya mendapatkan keadilan yang sewajarnya. Justeru, Malaysia telah pun mencadangkan agar isu penindasan etnik Rohingya ini dikemukakan kepada mana-mana mahkamah antarabangsa.

Pada masa ini, satu proses penyiasatan telah pun bermula di Mahkamah Jenayah Antarabangsa atau *International Criminal Court* (ICC), dengan izin. Dalam hal ini, Malaysia berpandangan bahawa Majlis Keselamatan PBB juga berperanan untuk merujuk isu Rohingya ini kepada proses kehakiman antarabangsa termasuk dalam menubuhkan tribunal antarabangsa dengan mandat khas. Namun, kuasa-kuasa P5 dalam Majlis Keselamatan PBB dijangka tidak akan bersepakat berhubung perkara ini.

Bagaimanapun, Malaysia akan terus menggembelng tenaga dengan negara-negara yang sependirian, dengan izin, *light minded countries* untuk memastikan agar keadilan dapat dilunaskan kepada etnik Rohingya. Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Soalan tambahan. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ini soalan tambahan saya. Memang kita maklumi penindasan kepada etnik Rohingya ini yang sudah berdekad lama menjadi kudis dan barah kepada keharmonian dan kestabilan di rantau ASEAN ini.

Saya melihat ada dua aspek yang perlu diambil oleh pihak kerajaan dalam kita membantu menghapuskan genosid ini iaitu melalui *advocacy* dan lobi yang telah dibuat oleh kerajaan. Keduanya melalui bantuan kemanusiaan yang sepatutnya diteruskan. Kita mengucapkan tahniah atas suara yang kuat daripada Malaysia khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di PBB baru-baru ini.

Jadi soalan saya, adakah kerajaan akan menimbang syor-syor dari penghakiman akhir yang dikemukakan oleh tribunal awam tetap mengenai Rohingya ini yang dianjurkan oleh Pertubuhan Pergerakan Keadilan Sedunia (JUST) dan Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia (CENTHRA) serta satu lagi badan iaitu *International Forum on Buddhist-Muslim Relations* di Kuala Lumpur iaitu pada September tahun lepas? Jadi, adakah pihak kerajaan akan bersama dalam syor penghakiman akhir ini?

Kedua, dalam soal bantuan kemanusiaan, adakah pihak kementerian akan meneruskan usaha membantu etnik Rohingya khususnya yang menjadi pelarian ataupun berada di *internally displaced people* (IDP) di dalam *Rakhine State* itu sendiri? Pada tahun lepas, pihak Parlimen sendiri telah membuat lawatan ke Bangladesh. Jadi, saya mengesyorkan untuk seterusnya ini mungkin pihak Parlimen juga dapat membuat satu lawatan bantuan kemanusiaan ke Wilayah Rakhine ini sendiri atas nama Parlimen Malaysia. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih, Yang Berhormat Sik. Berkaitan dengan pandangan-pandangan yang dikemukakan ataupun dapatan daripada tiga kelompok atau kumpulan Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu JUST, CENTHRA dan *International Forum on*

Buddhist-Muslim Relations, kita mendapat maklum tentang perkara itu. Itu memang senada dengan yang sebelum ini telah pun dibuat oleh sama ada di peringkat Majlis Keselamatan Negara dan juga di peringkat ICC.

Akan tetapi, apa yang mustahaknya yang dilakukan baru-baru ini di Kuala Lumpur ini adalah *public diplomacy* yakni di kalangan masyarakat dan di kalangan NGO. Itu boleh, pada saya, menambah tekanan kepada terutamanya Kerajaan Myanmar dalam usaha kita. Oleh sebab kita harus melakukan ini dari semua sudut sama ada di PBB, di OIC, dalam ASEAN, melalui ICC dan juga melalui diplomasi awam atau *public diplomacy*.

Tentang bantuan kemanusiaan, memang kita meneruskan bantuan yang kita berikan kepada etnik Rohingya yang menjadi mangsa genosid ini sama ada di Bangladesh khususnya hospital di Cox's Bazaar di bawah urusan Kementerian Pertahanan dan juga oleh enam, kalau saya tidak silap, lebih kurang enam NGO yang membantu khususnya dari sudut pendidikan bagi anak-anak mereka yang berada di sini. Di *Rakhine State*, penglibatan kita yang agak penting mungkin yang paling penting ialah melalui organisasi kemanusiaan yang berada di sana khususnya Mercy Malaysia.

Saya mengalu-alukan peranan daripada Ahli-ahli Parlimen. Malahan, Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini antara— kalau kita masih ingat, masa saya membentangkan usul kerangka dasar luar Malaysia baharu dahulu, kita ada menyebutkan bahawa dalam suasana tertentu, *caucus* Ahli Parlimen itu boleh membantu sama ada *caucus* Parlimen itu untuk dasar luar secara umum ataupun yang khusus. Misalnya, dahulu Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Jasin, kalau saya tidak silap, pernah mengetuai *caucus* ketika perbincangan tentang TPPA dan itu membantu dan saya galakkan. Kami di Wisma Putra akan bantu sekiranya *caucus* ini ditubuhkan sendiri oleh Ahli-ahli Parlimen. Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setiawangsa ingin bertanya, kalau kita lihat pada hujung tahun lepas tahun 2017, ketika itu *International Campaign for the Rohingya* ada bertemu beberapa wakil rakyat ketika itu, penggal itu, termasuk Yang Berhormat Rafizi Ramli, Datuk Johari Abdul, Dato' Raja Kamarul Bahrin, Dato' Dr. Nik dan juga Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd Samad dan Tuan Manivannan ketika itu. Bermakna ini adalah rentas parti.

Ada dari Pakatan Harapan, ada daripada PAS dan juga dalam petisyen 47 orang Ahli Parlimen termasuk ketika itu WARISAN juga menandatangani. Ini di mana mereka telah meminta pihak Petronas yang mempunyai kepentingan pelaburan yang besar di Myanmar, kalau pihak Petronas dapat ambil pendirian dalam pelaburan mereka kerana kita lihat pengalaman misalnya di Afrika Selatan ataupun di Palestin, isu boikot, *divestment* dan *sanction*, ia memberi kesan yang sangat besar.

■1100

Jadi apa pandangan Yang Berhormat Menteri sekiranya kita mengambil *the next step* dari sudut diplomasi ini.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucap tahniah kepada teman-teman Ahli Parlimen yang sangat prihatin dan telah pun memulakan usaha-usaha ini. Yang Berhormat Setiawangsa menyatakan bahawa kumpulan MP yang berkaitan itu adalah rentas parti. Akan tetapi pada waktu yang sama yang juga sangat penting dan ini senada dengan dasar Malaysia selama ini, ia rentas agama dan rentas kaum. Oleh sebab kita tidak melihat isu Rohingya ini dari segi agama ataupun dari segi etnik. Akan tetapi ia adalah isu keamanan, isu keselamatan serantau dan juga isu hak asasi.

Saya ambil maklum tentang cadangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa tentang sekiranya Petronas ataupun perniagaan-perniagaan Malaysia yang lain di Myanmar boleh mengambil sesuatu pendirian yang mungkin memberi tekanan dan kemungkinan itu akan menimbulkan kesan yang lebih nyata dan menghasilkan keputusan yang lebih pantas bagi membantu masyarakat Rohingya. Terima kasih.

5. Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan bersedia untuk membuat pemutihan bagi pekerja-pekerja asing tanpa izin (PATI) memandangkan kekurangan pekerja dalam sektor perladangan dan pertanian yang meruncing dan memberikan kuasa kepada semua pejabat-pejabat imigresen di seluruh negara untuk memproses pemutihan ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini pernah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri Yang Berhormat Pagoh pada ketika beliau berucap baru-baru ini di dalam Dewan yang mulia ini. Berkenaan dengan proses pemutihan ini. Pada dasarnya sebenarnya kita tidak ingin menggerakkan program pemutihan ini dilakukan secara kerap kerana ia seolah-olah menghantar isyarat yang tidak sihat kepada majikan dan warga asing seolah-olah kita menggalakkan agar mereka *overstay* dengan izin di negara kita ini kerana mereka boleh menunggu program pemutihan yang akan dianjurkan oleh kerajaan.

Mahupun begitu mengikut maklumat yang ada di atas meja saya ini, kerajaan telah pun melakukan dua program pemutihan iaitu Program 6P; Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran pada tahun 2011 dan juga Program *Rehiring* pada tahun 2016 sehingga Disember tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum, program pengajian dan penempatan semula pendatang asing tanpa izin (PATI) ataupun Program *Rehiring* yang bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI yang bekerja secara haram di Malaysia diberikan permit kerja yang sah bagi memenuhi sektor pekerjaan yang dibenarkan telah tamat pada 30 Jun 2018 tanpa sebarang pelanjutan. Pihak majikan dan PATI telah diberikan kesempatan dan tempoh masa yang lama iaitu bermula pada 15 Februari 2016 sehingga 31 Disember 2017 iaitu satu tahun 10 bulan untuk mendaftar dan meregulasikan pekerja asing mereka. Sepanjang tempoh Program *Rehiring* dilaksanakan sehingga berakhir pada 30 Jun 2018, seramai 83,919 majikan dan 744,942 orang PATI telah didaftarkan.

Susulan itu *Task Force Rehiring* telah dijalankan sehingga 30 Jun 2018 bagi tujuan memberi peluang kepada majikan dan PATI yang berdaftar untuk menyelesaikan pendaftaran Program *Rehiring*. Selepas daripada tarikh 30 Jun 2018, PATI yang telah hadir ke Jabatan Imigresen Malaysia hendaklah meneruskan proses Program *Rehiring* yang melibatkan pembayaran kompaun, permohonan kuota, pemeriksaan kesihatan di klinik-klinik berdaftar dengan FOMEMA termasuk pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).

PATI yang tidak layak di bawah Program *Rehiring* merupakan PATI yang tidak memenuhi syarat-syarat bagi digajikan sebagai pekerja asing di negara ini yang melibatkan aspek keselamatan, kesihatan dan lain-lain. Sehubungan itu, mana-mana PATI yang berada di Malaysia termasuk PATI tidak layak Program *Rehiring* digesa agar pulang ke negara asal melalui Program Penghantaran Pulang PATI secara sukarela ataupun Program *Three Plus One*.

Dalam Program *Three Plus One* ini pula hanya dijalankan sehingga 30 Ogos 2018 tanpa sebarang pelanjutan. Melalui Program *Three Plus One*, mana-mana PATI yang menyerah diri secara sukarela akan dikenakan kompaun sebanyak RM300 dan bayaran Pas Khas sebanyak RM100 serta dikecualikan pendakwaan untuk kesalahan-kesalahan yang berkaitan di bawah Akta Imigresen tahun 1959 dan 1963 dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan di bawah akta ini. PATI juga akan disenarai hitam daripada memasuki negara untuk tempoh lima tahun dan diambil rekod biometrik untuk rujukan JIM.

Oleh yang demikian, adalah ditegaskan bahawa tiada sebarang pelanjutan bagi Program *Rehiring* dan Program *Three Plus One* serta usaha JIM kini memfokuskan kepada operasi penguatkuasaan seumpamanya bagi membanteras isu kemasukan pendatang asing tanpa izin ke dalam negara serta PATI sedia ada di dalam negara.

Dalam konteks perladangan dan pertanian, sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam bajet baru-baru ini telah mengumumkan dalam bajet tersebut bahawa dalam sektor pertanian dan perladangan kerajaan telah mengurangkan kadar lanjutan levi yang telah berkhidmat di dalam negara kita untuk tempoh 11, 12 dan 13 tahun dikurangkan daripada 10 ribu ke 3,500. Bermakna di sini apa yang ingin saya katakan dalam sektor pertanian dan perladangan sebenarnya tidak ada isu dari segi pengambilan pekerja asing kerana proses ini masih terbuka.

Khususnya mengambil pekerja asing daripada negara-negara sumber yang dibenarkan. Hanya yang tidak boleh setakat ini kerana masih ada proses rundingan ialah daripada negara Bangladesh dan juga Nepal. Walaupun saya difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia bahawa ada perkembangan terkini yang mana biarlah kementerian beliau yang umumkan. Jadi itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu anggaran PATI di Malaysia sebelum pemutihan ada lebih kurang 4 juta. Tadi Menteri menjawab bahawa pemutihan sebanyak lebih kurang 700,000 lebih telah dibuat. Itu dibuat di bawah kerajaan yang lama dan didapati bahawa ramai yang hendak membuat pemutihan tidak sempat berbuat demikian kerana sistem agen lepas yang diamalkan. Ramai perlu sampai hendak pergi buat pemutihan di KDN

Putrajaya. Itu satu-satu tempat pemutihan dibuat. Terpaksa beratur dari pukul 3 pagi. Jadi, maksudnya tidak ada kesempatan bagi ramai yang hendak membuat pemutihan.

Isunya saya mohon kerajaan kalau boleh pertimbangkan semula kerana ini untuk kebaikan ekonomi Malaysia dan tindakan menangkap beramai-ramai baru-baru ini telah menunjukkan begitu seriusnya kekurangan tenaga buruh untuk perladangan, kilang dan lain-lain industri. Jadi soalan saya ialah kalau kerajaan memang hendak teruskan keputusan yang telah dibuat dan tidak ingin melonggarkan pemutihan semula, sudah kah pihak kerajaan membuat satu pelan untuk memenuhi tenaga buruh yang kekosongan akan timbul dan ramai rakyat sudah pun merintih dan mengadu bahawa kerajaan membuat tindakan menangkap beramai-ramai, tidak ada rancangan untuk memenuhi tenaga buruh yang kita perlu. Jadi soalan saya ialah, sudah kah kerajaan membuat perancangan untuk memenuhi kekurangan tenaga buruh ini. Kalau ada, apakah perancangan supaya ekonomi Malaysia tidak terganggu ataupun terancam akibat tindakan menangkap beramai-ramai ini.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Yang Berhormat Beruas atas soalan tambahan tersebut. Bila Yang Berhormat sebut tentang tidak sempat. Sebenarnya ini faktor budaya Yang Berhormat. *Because* apa yang saya difahamkan sewaktu kita mula melancarkan Program *Rehiring* ini di peringkat awal, sepi. Tiada majikan yang tampil ke depan untuk mendaftarkan pekerja mereka.

Akan tetapi bila sudah dekat-dekat hendak tutup, baru lah berpusu-pusu datang ke pejabat imigresen untuk mendaftarkan. Jadi kalau di tengok dari segi tempoh masa, kita memberikan tempoh yang cukup panjang. Satu tahun 10 bulan. Satu tempoh yang saya rasa mencukupi bagi majikan-majikan ini untuk mendaftarkan pekerja-pekerja mereka. Akan tetapi *again* disebabkan budaya, menyebabkan itulah berlaku kesesakan pada ketika saat-saat akhir program ini sudah hampir ditamatkan.

■1110

Saya rasa tidak benar bila mana Yang Berhormat menyatakan bahawa kita tidak ada usaha untuk melihat. Untuk makluman, di peringkat Kementerian Dalam Negeri, kita telah nyatakan bahawa kita tengah berusaha untuk mewujudkan satu sistem, satu *single* sistem untuk urusan pekerja asing di seluruh negara kita melibatkan negara-negara sumber yang dibenarkan. Kerana hari ini, lain negara, lain sistem, lain dia punya vendor.

Jadi, ini banyak sistem melibatkan imigresen. Daripada Bangladesh sistem yang lain, daripada Nepal sistem lain, vendor lain. Jadi kita dalam proses untuk menjadikan satu *single* sistem untuk urusan pekerja asing di negara kita dalam proses kita untuk mempermudah urusan pengambilan pekerja asing ini bagi mencukupi, bagi membolehkan agar sektor-sektor yang memerlukan pekerja asing ini dapat kita bantu. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Terima kasih. Soalan tambahan, pemutihan ini boleh diertikatakan dalam banyak aspek. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan apa sebenarnya definisi pemutihan ini kerana di Sabah, pemutihan ini boleh juga diertikan sebagai pemberian IC dan menghalalkan pendaatang tanpa izin cara ini. Dua aspek

yang perlu kita lihat. Satu, *illegal entry* menghalalkan *illegal entry* atau menghalalkan *illegal immigrant* atau pendatang tanpa izin yang tidak ada pas dengan pas. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan definisi pemutihan ini terutama sekali yang melibatkan PDI di Sabah? Terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya inilah soalan yang saya cukup tunggu-tunggu daripada MP Yang Berhormat Keningau ini. Sebab untuk makluman, kita baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, kita menganjurkan satu dialog undang-undang yang dianjurkan oleh kementerian Menteri di Jabatan Perdana Menteri Undang-undang termasuk saya sendiri selaku Timbalan Menteri Dalam Negeri hadir dalam dialog tersebut, bagi kita membincangkan tentang isu-isu khususnya melibatkan *undocumented*. Akan tetapi, itu *my surprise*, Yang Berhormat Keningau tidak datang. Sedangkan dialah orang yang saya tunggu-tunggu dalam program tersebut, kerana kita boleh dialog di sana secara terbuka dan secara ilmiah dan secara konstruktif. Akan tetapi, saya sedih dia tidak datang, tetapi *alhamdulillah* dia tanya soalan ini di sini.

Saya setuju tentang pemutihan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Keningau ini dalam konteks kita di Semenanjung. Di Semenanjung Malaysia ini, dia melibatkan warga pekerja asing yang mana *overstay* ataupun tempoh permit kerja mereka telah tamat dan mereka masih kerja di sini, *overstay*. Akan tetapi, dalam konteks di Sabah apabila kita menyebut tentang pemutihan, sekali lagi saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, pemutihan yang kita sebutkan tidak sama sekali membincangkan tentang ingin memberikan kewarganegaraan ataupun IC biru kepada PTI yang ada di negeri Sabah.

PTI tetap PTI, tetapi apa yang sebenarnya kita ingin usahakan adalah ingin, *if you call it tag* dengan izin, kita tag orang-orang yang tidak ada dokumen ini, yang lahir di Malaysia, yang lahir di negeri Sabah, ibu dan ayah dia ada dokumen IMM13, anak tidak ada langsung dokumen dia, warganegara kahwin dengan bukan warganegara, anak dia tidak ada dokumen dia.

Jadi, kategori-kategori seperti ini yang sebenarnya yang kita ingin putihkan, agar mereka mempunyai satu dokumen yang mana kita boleh kenal pasti mereka ini siapa. *Problem* kita di negeri Sabah ini Tuan Yang di-Pertua, ramai orang-orang tidak ada dokumen ini bercampur gaul dengan orang Warganegara Malaysia. Kita tidak tahu mereka siapa. Kadang suatu ketika waktu pilihan raya, punya saya satu jam kempen Tuan Yang di-Pertua.

Kempen, kempen, rupa-rupanya dia langsung tidak ada IC. *I have spent a lot of time* kempen dan yakinkan dia, rupa-rupanya dia tidak ada IC. Inilah penyakit yang ditinggalkan oleh kerajaan terdahulu terhadap kerajaan yang ada pada hari ini. *[Tepuk]* Akan tetapi, yang saya pelik ini Yang Berhormat Keningau ini bekerjasama pula sama PATI yang banyak memberi masalah ke warga asing ini, kepada negeri Sabah. Itu yang saya pelik, jadi saya jawapan kepada...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia orang yang hendak kahwin, hendak buat macam mana? *[Ketawa]*

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Tolong jawab kan soalan.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Jadi...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah jodoh dia, hendak buat macam mana.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat bersetuju...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak kahwin pula, payah juga.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Saya jawab, saya jawab, saya jawab.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa lah.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Laporan RCI itu mengatakan ada projek IC dan juga ada mereka-mereka yang dalam projek IC ini yang diberikan oleh kerajaan pusat terdahulu, saya tidak terlibat ya. *[Ketawa]* Akan tetapi, Perdana Menteri yang ada sekarang ini mungkin tahu. Jadi, apakah tindakan untuk memutihkannya apa yang hitam di dalam senarai pendaftar-pendaftar pemilih kita dan juga untuk memastikan projek IC ini digugurkan kerana diberikan melalui saluran songsang, tidak mengikut Perlembagaan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Keningau, itu kira soalan tambahan yang ketiga itu. Sila. *[Ketawa]*

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Lepas ini habis sudah, dia ambil sudah tiga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Okey, untuk menjawab. Saya belum jawab soalan dia tadi. Pemutihan yang kita maksudkan saya telah sebutkan bahawa kita ingin memastikan bahawa yang tidak ada dokumen ini khususnya yang melibatkan *inter-marriage* di antara warganegara dan bukan warganegara dan mereka mempunyai anak yang tidak ada dokumen, inilah di antara kategori-kategori yang kita ingin tag kan mereka. Saya tidak berani, saya tidak ingin sebut tentang memberikan dokumen. Nanti disalah tafsir seolah-olah kita memberikan kad pengenalan.

Akan tetapi, kita ingin tag dia supaya dia ada satu dokumen untuk membolehkan kita kenal pasti mereka ini siapa. Untuk kes tadi, RCI yang dia sebut. Saya ingin nyatakan kepada Yang Berhormat Keningau ini, abang kepada beliau Tan Sri Joseph Pairin merupakan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Warga Asing Sabah. Dalam satu jawatankuasa yang dibentuk oleh RCI, tetapi saya difahamkan bila mana saya duduk di sini hanya sekali sahaja sidang jawatankuasa ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa pula hal mesyuarat pula...

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Jadi itu yang kita...

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Itu, itu bukan saya. *[Ketawa]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apalah, mesyuarat tidak mesyuarat itu tak penting.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Saya jawab, saya jawab. Untuk makluman, disebabkan kesungguhan kerajaan yang ada pada hari ini.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Itu bukan saya, Perdana Menteri yang ada sekarang pun terlibat.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Saya jawablah ni.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Keningau, sila duduk Yang Berhormat Keningau.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Untuk makluman, disebabkan keprihatinan dan keseriusan kerajaan yang ada pada hari ini untuk kita menyelesaikan isu pendatang tanpa izin di negeri Sabah ini, saya telah mencadangkan *of course* saya akan majukan perkara ini ke Kementerian Dalam Negeri. Saya telah mencadangkan untuk kita teruskan Jawatankuasa Teknikal Pekerja Warga Asing di Sabah ini dia berbentuk *by partisan* dan jangan, *insya-Allah* saya akan jemput Yang Berhormat Keningau sebagai salah satu dalam jawatankuasa tersebut dan *insya-Allah* kita akan bincangkan perkara ini secara mendalam dalam jawatankuasa ini. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

[Soalan No.6 - YB. Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) tidak hadir]

7. **Datuk Rozman bin Isli [Labuan]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah perancangan kementerian untuk menaik taraf pelabuhan Labuan yang sebenarnya berpotensi untuk menjadi *regional entrepot*. Pada masa ini, Pelabuhan Merdeka Labuan yang sudah tua dan sesak itu sudah tidak sesuai untuk terus berada di kawasan bandar.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Labuan. Tuan Yang di-Pertua, isu kesesakan di Pelabuhan Labuan sering kali berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan terkini adalah pada 24 September 2018.

Susulan daripada kejadian tersebut, pihak Lembaga Pelabuhan Labuan (LPL) telah meneliti langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil serta perancangan masa hadapan bagi menyelesaikan isu kesesakan di Pelabuhan Dermaga Merdeka. Saya sendiri telah membuat lawatan ke pelabuhan tersebut pada 9 Oktober yang lalu untuk meninjau kedudukan sebenarnya.

Oleh itu, Kementerian Pengangkutan mengakui bahawa ketika ini situasi Pelabuhan Dermaga Merdeka di Labuan agak sesak dan perlu dilihat dari aspek kesesuaian untuk terus beroperasi di kawasan bandar. Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah tersebut LPL sedang merencana pelan bersifat jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang seperti berikut. Jangka pendek, LPL sedang memperkukuhkan aspek kawal selia dan pentadbiran di Dermaga Merdeka dari semasa ke semasa bagi memastikan isu kesesakan di pelabuhan tidak berulang melalui pendekatan menambah baik mutu perkhidmatan dan kemudahan di pelabuhan seperti berikut.

■1120

- (i) LPL akan memastikan kontena yang ditempatkan di Dermaga Merdeka berada pada had kapasiti 800 TEU sahaja pada satu-satu masa;
- (ii) jeti kepunyaan Jabatan Laut Malaysia di Kawasan Perindustrian Ranca-Ranca dijadikan kawasan operasi kumpit. Ini yang merupakan punca kesesakan yang berlaku. Kawasan operasi kumpit bagi membolehkan kerja-kerja memuat kargo beras, gula dijalankan; dan
- (iii) operasi pengendalian kontena di Dermaga Merdeka akan dipantau rapi dan penggunaan kren atau jentera tertentu akan digunakan sekiranya terdapat keperluan bagi melicinkan lagi operasi.

Langkah sederhana pula ialah LPL sedang dalam proses menguatkuasakan undang-undang sedia ada melalui pendekatan penggubalan undang-undang kecil, *by-law* dengan izin pelabuhan bagi membolehkan LPL mula mengutip hasil pelabuhan yang dengan hasil tersebut akan boleh kita gunakan untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan dan pembangunan pelabuhan masa hadapan.

Langkah-langkah jangka panjang pula. Satu, LPL sedang mengenal pasti lokasi yang bersesuaian di Labuan untuk memindahkan aktiviti dan operasi pelabuhan pada masa hadapan bagi mengurangkan masalah kesesakan seperti yang ada di pelabuhan sekarang.

Kedua, LPL sedang meneliti dan memperhalus cadangan dan pendekatan untuk menswastakan Pelabuhan Labuan menerusi Akta Pelabuhan-pelabuhan Penswastaan 1990 dengan melantik mana-mana syarikat yang berwibawa menerusi proses tender terbuka sebagai operator pelabuhan. Terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih, atas jawapan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Labuan walaupun mempunyai *natural deep harbor*, mempunyai limbungan kapal, Labuan *Shipyards & Engineering* dengan *Preston Shipyards* dan juga terlindung daripada ribut dan juga lanun di kawasan Brunei Bay.

Akan tetapi, untuk ia terus menjadi sebuah bandar pelabuhan yang sibuk ataupun jauh lebih tinggi daripada ada sekarang. Pakar-pakar ekonomi selalu mengatakan ia kena mesti seperti Pulau Pinang ataupun Singapura. Mesti dihubungkan dengan jambatan sepanjang 13 kilometer ke seberang di mana tanah seberang yang lebih murah itu juga akan berpotensi untuk dijadikan sebagai kawasan perusahaan yang berasaskan eksport.

Jadi untuk Pelabuhan Merdeka yang sekarang berada di bandar, pindah ke sebuah kawasan yang lebih sesuai, maka satu pelabuhan yang besar perlu dibuat sama ada oleh kerajaan ataupun oleh swasta. Jadi apakah pandangan kementerian memandangkan buat jambatan dahulu baru pelabuhan boleh berjaya ataupun buat pelabuhan yang cukup besar dahulu barulah ada justifikasi untuk buat jambatan.

Jadi perkara ini perlukan penelitian ataupun penumpuan dari segi seriusnya untuk membangunkan Labuan barulah ia boleh bertemu. Apa pandangan kementerian dalam hal ini.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat Yang Berhormat Labuan. Saya fikir itu satu pandangan yang kita kerap dengar daripada Yang Berhormat Labuan. Saya amat menghormati kerisauan dan pandangan berat beliau kemajuan masa depan Pulau Labuan yang beliau wakili sebagai wakil rakyat itu.

Akan tentu, isu sama ada untuk membina jambatan dan untuk membina pelabuhan dahulu, yang pertama itu adalah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ataupun Kementerian Kerja Raya tentang perancangan ekonomi masa depan.

Keduanya, berkaitan dengan pelabuhan. Sebagaimana saya sebutkan tadi kita memang menganggap pelabuhan yang ada sekarang itu perlu ditambahbaik lagi. Malah kalau sesuai perlu dipindahkan lagi. Walaupun mungkin saya perlu juga sebutkan bahawa kerajaan yang terdahulu pada tahun 2016 telah mengadakan kajian yang dipanggil *National Ports Strategy Studies* iaitu oleh Unit Perancangan Ekonomi dengan melantik Bank Dunia. Cadangan-cadangan daripada *National Ports Strategy* kajian tersebut mungkin sangat tidak menitikberatkan penubuhan pelabuhan-pelabuhan baharu termasuklah seperti di Labuan.

Jadi semua ini saya cadangkan kepada Yang Berhormat Labuan untuk kita kemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Unit Perancangan Ekonomi untuk terus menilai keperluan yang dicadangkan oleh beliau itu. Terima kasih.

8. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah pelajar yang menerima kemudahan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan nyatakan langkah kementerian bagi memastikan dana RMT tidak diseleweng oleh guru besar.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sabak Bernam jumlah murid yang menerima bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi tahun 2018 adalah seramai 489,117 orang iaitu hampir setengah juta.

KPM sentiasa berusaha untuk memastikan supaya semua bantuan pendidikan yang disalurkan kepada murid-murid tidak diselewengkan dan diurus serta dilaksanakan dengan baik.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan peruntukan RMT yang diturunkan ke sekolah diurus dengan kaedah urus tadbir kewangan yang baik, ini berhubung dengan soalan Yang Berhormat Sabak Bernam mengenai bagaimana memastikan dana RMT tidak diselewengkan oleh guru besar. KPM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) ia bermula dengan pemilihan guru besar itu sendiri. Kita hanya memilih dan melantik mereka yang berintegriti dan layak dan amanah sahaja untuk menduduki jawatan tersebut;
- (ii) KPM juga menambah baik Surat Pekeliling Kewangan dari semasa ke semasa berdasarkan input daripada maklumat balas Audit dan maklum balas pemantauan;
- (iii) membekalkan sekolah dengan buku panduan pengurusan program RMT yang mengandungi panduan komprehensif dalam menguruskan

program bermula daripada pemilihan pelajar, pengurus kontrak, proses pembayaran dan penilaian perkembangan fizikal murid. Ini dilakukan secara teratur, tersusun dengan rekod yang sentiasa *up-to-date* dengan izin;

- (iv) proses pemantauan diwujudkan untuk dilaksanakan oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dengan objektif memastikan sekolah patuh kepada Surat Pekeliling Kewangan dan Buku Panduan Pengurusan RMT yang telah disediakan oleh pihak KPM;
- (v) pelaksanaan audit dalam MS ISO 9001:2015 di semua PPD dan JPN bagi memastikan program diuruskan dengan baik oleh pegawai di PDD dan JPN; dan
- (vi) kita juga melakukan pendedahan awal oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) kepada bakal-bakal pentadbir iaitu guru besar dan pengetua dalam kursus NPQEL berkaitan pengurusan program RMT. Ini demi memastikan mereka mendapat latihan yang cukup, memastikan mereka terlatih untuk menguruskan RMT.

Begitu juga kami menggalakkan kepada semua pihak terutamanya PIBG untuk melaporkan jikalau ada apa-apa salah laku oleh mana-mana pihak termasuk guru besar di dalam pengurusan RMT jikalau mereka mempunyai buktinya. Ini akan banyak membantu untuk kita memantau dan memastikan supaya apa yang kita berikan akan sampai kepada golongan sasaran. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi.

Tahniahlah kerana kerajaan harapan baharu ini mengikut prosedur yang telah diuruskan oleh kerajaan yang lama. Saya lama menjadi guru. Telah menjadi guru ini 20 tahun dan kemudian berada di Pejabat Pelajaran Daerah 13 tahun. Selama 33 tahun berada di alam pendidikan.

Saya lihat bahawa Kerajaan PH ini terus— tahniah kerana meneruskan prosedur makanan tambahan tadi. Mungkin pada kali ini saya lihat bahawa namanya ditukar kepada iaitu Skim Sarapan Percuma Berkhasiat untuk anak-anak daripada keluarga B40.

■1130

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan sekarang hendak meneruskan yuran ataupun bayaran kepada seorang pelajar itu RM2.50 di Semenanjung dan RM3 di Sabah dan Sarawak ataupun hendak tambah lagi? Ini kerana lihat bayaran untuk RM2.50 ini tidak memadai bagi makan pelajar. Kita lihat bagi kita kalau hendak duduk makan untuk seorang, mungkin lebih daripada RM5 hingga RM6. Saya mengharapkan kepada kerajaan yang baharu dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri muda ini, mengharapkan bahawa diteruskan rancangan ini dan ditambah peruntukan daripada RM2.50 mungkin tambah kepada RM5.00.

Sekian, terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab dengan serangkap pantun;

“Jalan ke pasar membeli ikan,

Membeli ikan di Bandar Pekan, — Yang Berhormat Pekan tiada.

Apa yang baik kita teruskan,

Apa yang keruh kita tinggalkan.”

Adapun berkaitan dengan penambahan terhadap peruntukan yang sedia ada, saya kira ia bergantung pada keadaan semasa kewangan kerajaan. Jikalau keadaan telah pulih, *insya-Allah*, kita akan tingkatkan. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya memandang serius berita yang menyatakan bahawa bantuan yang diberikan untuk makanan di sekolah ini telah pun diselewengkan. Banyak sangat perkara yang berlaku di bawah pentadbiran kerajaan yang lama. Malahan, bantuan makanan untuk murid-murid di sekolah telah pun dibelasah habis.

Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini Kementerian Pelancongan pula ini macam mana?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Soalan saya adalah...

Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kementerian Pelancongan ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No*, ini adalah perkara serius, Tuan Yang di-Pertua.

Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kementerian Pelancongan.

Dato’ Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Janganlah buat *allegation* macam itu. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, macam mana ini buat *allegation*...

Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Baru lima bulan, enam bulan ini.

Seorang Ahli: Ini tidak ada kerja lainlah...

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Sekejap. Sekejap. Baik. Saya minta Yang Berhormat Jelutong teruskan kerana soalan asal pun tidak diseleweng oleh guru besar dalam soalan tersebut. Ia berkait. Baik, sila.

Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kementerian Pelancongan kena...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Adakah kerajaan sekarang mempunyai perancangan untuk menghantar guru-guru ataupun guru besar menduduki apa-apa taklimat untuk meningkatkan integriti? Ini kerana isu integriti merupakan sesuatu...

Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Orang *Penang* pun tidak mahu dengarlah.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Itu tadi Yang Berhormat Menteri dah jawab. Tidak payah tanya lagi, tukar soalan lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, tidak ada gangguan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bertanding pun kalah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kebanyakan mereka adalah daripada pemimpin-pemimpin daripada parti Barisan Nasional dan UMNO. Ini adalah realiti.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sebut lagi. Siapa dia?

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Jelutong terus ajukan pertanyaan dan soalan. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Bagilah soalan yang kualiti sikit, Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tanya soalan terus. Ikut arahan daripada Tuan Yang di-Pertua lah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tadi pagi-pagi dah sembahyang. *[Ketawa]*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Apa merepek sahaja.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Soalan tidak standard ini, Tuan Yang di-Pertua. Tidak payahlah soalan macam ini.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tidak ada standard punya soalan.

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pagi tadi dah sembahyang nampak. *[Ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Adakah apa-apa rancangan untuk menghantar guru-guru ataupun guru besar untuk memastikan perkara ini tidak lagi berlaku...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Terutamanya taklimat-taklimat oleh pihak SPRM...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Sudah jawablah. Sudah jawab.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Menteri sudah jawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini kerana kita merupakan kerajaan yang baharu. Jadi, kita perlu mengambil pendekatan yang baharu untuk memastikan perkara ini tidak lagi berlaku seperti di bawah kerajaan yang lama. Ini kerana kemungkinan besar perkara ini tidak dititikberatkan oleh pentadbiran kerajaan yang lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri dah jawab. Dah jawab pun.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Jelutong. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah disebutkan tadi...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri nampak pendek, tetapi akal panjang.

Dr. Maszlee bin Malik: *[Ketawa]* Terima kasih...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Maszlee bin Malik: Seperti mana yang telah disebutkan tadi, iaitu pihak Kementerian Pendidikan sentiasa memberikan pendedahan awal melalui Institut Aminuddin Baki kepada bakal-bakal pentadbir iaitu guru besar dan pengetua dalam kursus yang berkaitan rapat dengan pengurusan program RMT. Walau bagaimanapun, begitu juga kita sentiasa menyediakan, untuk tempoh ke hadapan ini, latihan dalam perkhidmatan kepada para guru yang mana termasuk di dalam latihan tersebut ialah berkaitan dengan isu-isu integriti.

Adapun apa-apa penyelewengan yang disebutkan, itu kita serahkan pada SPRM. Jikalau Yang Berhormat Jelutong ada apa-apa maklumat, sila serahkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri dia jawab bagus.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, minta laluan daripada Sekijang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya teruskan kepada...

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Tambahan, penting sangat. Sangat penting sebab ada kaitan dengan murid-murid kita. Kesihatan murid-murid kita tidak ada komprominya. Soalan saya, dengan izin, bagaimanakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya. Saya. *[Mematikan pembesar suara]* Tunggu saya izinkan dahulu, baru boleh menanyakan soalan. Saya jemput Yang Berhormat.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Terima kasih. Saya ingin tahu tentang kualiti makanan yang disediakan. Ini sebab baru-baru ini ada terdengar juga sebuah sekolah dalam Daerah Segamat di mana terpaksa ditutup kantinnya seminggu kerana terdapat keracunan makanan dan yang menyediakan makanan untuk RMT juga adalah pihak kantin tersebut. Jadi pada saya, ini sangat perlu kita semua ambil berat tentang kualiti makanan yang disediakan dalam projek RMT. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Sekijang, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak akan berkompromi dalam isu kualiti dan kita sentiasa memantau kualiti makanan yang diberikan. Seperti mana saya telah sebutkan

di dalam jawapan tadi, iaitu pelaksanaan audit dalam berdasarkan MS ISO 9001:2015 di semua PPD dan JPN bagi memastikan program diurus baik oleh pegawai di PPD dan JPN. Itu menjadi panduan kita. Saya memberikan keyakinan penuh kepada pegawai-pegawai PPD kita dan juga pegawai-pegawai di JPN yang sentiasa memantau dari semasa ke semasa untuk memastikan hanya yang terbaik masuk ke dalam perut anak-anak sekolah kita. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tambah sikit, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan untuk soalan tambahan. Saya telah beri maksimum tiga. Baik. Kena dapatkan kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak tanya soalan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri jawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini adalah sesi soal jawab pertanyaan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Ya. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kena bertanya kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Boleh saya, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tanya dia boleh.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tanya Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, boleh. Saya beri soalan yang keempat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyaklah, memang berjiwa rakyatlah. Yang Berhormat Menteri, boleh tidak saya tambah sedikit yang soalan tadi, Yang Berhormat Menteri?

Fasal kebersihan kantin ini, bila Kementerian Kesihatan *sealed* mana-mana kantin yang tidak menjalankan SOP kebersihan yang sebenar, apa langkah kementerian? Sama ada hendak tamatkan kontraktor ini serta-merta ataupun kontraktor atau kantin ini masih diberi peluang untuk memberikan perkhidmatan? Lebih-lebih lagi kantin ini menjalankan program RMT. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, kalau memandangkan boleh tambah soalan, tambah soalan kelima macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Saya hendak tanya soalan yang kelima. Bagaimanakah program Susu 1Malaysia...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Itu kuasa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Program Susu 1Malaysia...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan. Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, terangkan program Susu 1Malaysia...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Berkaitan isu kalau ada keracunan ataupun isu kebersihan dan lain-lain, kita akan cuba melihat dengan izin, *case by case*. Mungkin kalau kali pertama, maka mereka akan diberikan amaran dan akan diberikan peluang untuk memperbaiki perkhidmatan. Jikalau ia berulang, maka tindakan tegas akan diambil terhadap mereka. Terima kasih.

[Soalan No.9 – YB. Tuan Ali anak Biju (Saratok) tidak hadir]

10. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah kerajaan baharu akan meneruskan dasar penyeragaman harga barangan keperluan asas antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Melalui program penyeragaman harga, kerajaan akan menanggung kos penghantaran barang-barang keperluan asas seperti beras, tepung gandum, minyak masak paket satu kilogram, gula pasir, gas petroleum cecair, gas memasak, petrol RON95 dan diesel ke kawasan pedalaman di Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

■1140

Secara prinsipnya, objektif ini bertujuan membantu masyarakat di kawasan pedalaman agar dapat memberi barangan asas tersebut pada harga yang sama seperti di bandar. Bagi melaksanakan program ini, kerajaan memilih dan melantik *transporter* untuk menghantar barangan keperluan daripada pembekal sehingga ke *point of sale* (POS) di kawasan pengedaran di pedalaman.

Pada ketika ini, terdapat sebanyak 1,593 *point of sale* (POS) di Sarawak dan 1,844 *point of sale* (POS) di Sabah. Bagi tahun 2018, sejumlah RM96.4 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pelaksanaan program ini di Sarawak dan RM64.6 juta diperuntukkan di Sabah. Program penyeragaman harga akan diteruskan bagi tahun 2019 dengan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM150 juta secara keseluruhannya.

Namun begitu, melalui beberapa kajian dan penelitian yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian, telah didapati bahawa terdapat pembaziran dan juga peruntukan perbelanjaan yang tidak perlu dalam pelaksanaan program tersebut selama ini. Oleh yang demikian, pihak Kementerian akan melaksanakan beberapa langkah pembaharuan dan penambahbaikan ke atas pelaksanaan program ini supaya ia dapat benar-benar memberi manfaat kepada penduduk di kawasan pedalaman bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak.

Salah satu daripada langkah baru yang akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian adalah dengan menjemput syarikat minyak supaya mendirikan lebih banyak stesen minyak mini ataupun dengan izin *portable container system* (PCS) yang juga akan berfungsi sebagai hab ataupun pusat pengedaran bagi barangan perlu seperti gas LPG, minyak masak, tepung dan lain-lain bagi penduduk di kawasan pedalaman. Sekian, terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan terima kasih atas penerusan proses penyeragaman dan juga subsidi pengangkutan untuk membawa barang-barang bagi menurunkan harga barang di luar bandar. Apa yang menjadi kerisauan saya pada masa ini, adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menambah lagi item-item penyeragaman harga barang seperti formula susu bayi ataupun alat-alat asas kebersihan seperti pencuci sabun dan juga ubat gigi dan juga saya ingin tahu adakah pihak Kementerian akan meneruskan senarai-senarai *point of sale* yang diguna pakai oleh kerajaan lepas? Adakah kerajaan sekarang akan memperbaharui senarai-senarai *point of sale* yang akan digunakan untuk penerusan program penyeragaman harga barang di kawasan luar bandar seperti Sabah dan juga Sarawak.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Untuk menjawab soalan mengenai senarai *point of sale*, senarai yang ditentukan oleh pentadbiran sebelum ini, apa yang disebutkan oleh saya tadi, adalah kita akan mendirikan lebih banyak lagi *mini station* minyak di mana stesen minyak mini akan beroperasi sebagai hab atau *distribution centre*. Oleh itu, beberapa *point of sale* yang berdekatan akan digabungkan menjadi satu *distribution centre* di mana kita mendirikan *mini station*.

Ini adalah untuk mengurangkan *point of sale* yang diadakan kerana kita dapati banyak ketirisan berlaku di mana *transporter* dahulu yang dilantik ada sesetengah di antara mereka tidak hantar barangan keperluan kepada *point of sale*, tetapi mereka buat tuntutan kepada kerajaan untuk subsidi pengangkutan. Oleh itu, saya rasa dengan mengadakan lebih banyak *mini station*, kita akan mengurangkan ketirisan dan sistem penyeragaman harga barang itu akan dilaksanakan dengan lebih efisien.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat mengenai sama ada di samping barangan keperluan yang dibekalkan di bawah program ini, adakah barangan lain yang juga akan dibawa ke dalam program penyeragaman harga. Pada ketika ini kita tidak ada pelan untuk memperbanyakkan barangan di bawah program ini. Akan tetapi saya rasa pengusaha *mini station* yang bakal didirikan itu mereka merupakan *private sector*. Oleh itu kalau ia juga beroperasi sebagai satu *distribution centre*, itu terpulung kepada *business decision making*. Unsur-unsur

yang berkenaan dengan *business decision making* untuk membekalkan atau menjualkan lebih banyak barangan di *distribution centre*. Sekian, terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri soal berapa buah syarikat yang mendapat tawaran untuk mendapat subsidi *point of sale* yang disebutkan tadi. Apakah mekanismenya melalui tender terbuka ataupun melalui tawaran terus dan kalau boleh saya dapat *detail* di antara perbezaan syarikat-syarikat pengendali di Sabah dan di Sarawak. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Terdapat berpuluh syarikat yang dilantik sebagai *transporter*. Untuk membekalkan barangan kepada yang telah sebut tadi ada seribu lebih *point of sale*. Saya tidak ada *detail* siapa yang pergi ke tempat itu oleh itu saya berikan secara bertulis. Pelantikan dahulu adalah melalui secara *direct nego, direct appointment* bukan tender terbuka.

11. **Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan atau sedang diambil oleh kerajaan untuk memastikan konsep pemisahan kuasa antara badan-badan eksekutif, legislatif dan kehakiman terpelihara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Julau. Soalannya Tuan Yang di-Pertua ada berkaitan dengan isu *separation of powers*, pemisahan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini adalah satu isu yang penting sebenarnya. Konsep pemisahan atau pengasingan kuasa merupakan satu doktrin yang mengesyorkan pengasingan kuasa antara tiga badan iaitu badan eksekutif, badan perundangan dan badan kehakiman untuk mengelakkan berlakunya ketidakadilan sekiranya kuasa itu dipegang oleh satu badan sahaja.

Dari segi sejarahnya ia bermula daripada seorang ahli falsafah Perancis Montesquieu. Doktrin pengasingan kuasa ini di Malaysia dijelaskan oleh Yang Amat Arif Tun Abdul Hamid Mohamad, Presiden Mahkamah Rayuan ketika itu dalam kes *Public Prosecutor vs Kok Wah Kuan [2008] 1 MLJ (Malayan Law Journal)* muka surat satu yang antara lain beliau menyatakan; izinkan saya membaca dalam bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua. *What is the doctrine of separation of powers? Separation of power is a term coined by French political enlightenment thinker Montesquieu. It is a political doctrine under which the legislative, executive and judicial branches of government are capped this thing to prevent abuse of power.*

■1150

Under the Westminster system, this separation does not fully exist. The three branches exist but Ministers, for example are both executives and legislators. In other words, we have our own model. Our Constitution does have the features of the separation of powers and at the same time, it contains features which do not strictly comply with the doctrine.

To what extent the doctrine applies depends on the provisions of the Constitution. A provision of the Constitution cannot be struck out on the ground that it contravenes the doctrine.

Similarly, no provision of the law may be strucked out as unconstitutional if it is not inconsistent with the Constitution, even though it may be inconsistent with the doctrine. The doctrine is not a provision of the Malaysian Constitution even though no doubt, it had influenced the framers of the Malaysian Constitution, just like democracy.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan secara nyata konsep pengasingan kuasa antara badan eksekutif, badan perundangan dan badan kehakiman. Namun pengasingan kuasa antara ketiga-tiga badan ini dinyatakan secara tersirat dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya dalam Bahagian IV iaitu Bab III bagi badan eksekutif dan Bab IV bagi badan perundangan persekutuan dan Bab IX atau Bab X kah ini, Bab IX ya bagi badan kehakiman.

Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kuasa perundangan persekutuan hendaklah terletak hak kepada Parlimen yang hendaklah terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua majlis Parlimen yang dikenali sebagai Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Sungguhpun kuasa perundangan terletak pada Parlimen namun kuasa tersebut boleh diberikan oleh Parlimen kepada badan eksekutif apabila satu perundangan memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membuat perundangan subsidiari.

Secara dasarnya, badan eksekutif tidak mempunyai kuasa dengan sendirinya untuk membuat undang-undang kecuali pada waktu darurat di bawah fasal (2B) dan (2C) Perkara 150 Perlembagaan yang memberi kuasa yang luas kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membuat ordinar darurat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak ada pengasingan kuasa secara mutlak yang diamalkan di Malaysia namun mereka mekanisme pemantauan dan pengimbangan atau *check and balance* masih tetap ada dan dilaksanakan untuk mengelakkan berlakunya penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana badan atau institusi pentadbiran termasuklah institusi pentadbiran kerajaan melalui satu cabang perundangan yang lain yang dikenali sebagai Undang-undang Pentadbiran dengan izin *Administrative Law*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, soalan tambahan Yang Berhormat Julau.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Bagaimana kerajaan memastikan prinsip demokrasi dipelihara supaya rakyat mempunyai kebebasan untuk memilih dan mengkritik kerajaan? Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan kebebasan akhbar di Malaysia untuk memastikan kerajaan mentadbir dengan sehabis baik?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Julau. Untuk makluman Yang Berhormat Julau, saya rasa kita boleh melihat sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, jelas bahawa prinsip demokrasi memang terserlah di bawah pentadbiran pemerintahan Pakatan Harapan. Sebagai contoh, kita boleh melihat hampir setiap hari pihak-pihak yang tidak setuju dengan Pakatan Harapan boleh membuat bantahan dengan begitu bebas

dan lantang. Seheingakan saya rasa mereka mungkin tidak dapat rasa perkara ini seperti mana mereka...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tarikh 8 hari bulan ini boleh bagi kebenaran tidak? [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bebas... [*Pembesar suara dimatikan*]

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dahulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Selepas ini soalan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bebas perhimpunan, 8 hari bulan boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Bukan, kalau 8 hari bulan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kementerian Dalam Negeri bagi tidak?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Biar saya jawab dahulu. Sabarlah dahulu Yang Berhormat Pasir Salak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini adalah sesi soal jawab.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya hendak menyatakan bahawa kalau tidak berlakunya perubahan kerajaan pada 9 Mei mungkin kita tidak merasai roh demokrasi berada dalam negara kita. [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Ya, agenda reformasi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Oleh sebab itu saya mengucapkan tahniah kepada rakyat kerana memilih Kerajaan Pakatan Harapan dan sekarang dapat merasai buah ataupun *fruit of democracy*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, terima kasih, 8 hari bulan beri ya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi. 8 hari bulan ini boleh dan saya harap buatlah permohonan secara baik, buatlah permohonan dengan betul-betul.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh lulus?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kalau kita hendak berhujah tentang ICERD tidak bagus, saya tidak kisah, berhujahlah dengan bernas bukan berteriak dengan ganas! [*Dewan riuh*]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, dahulu Yang Berhormat yang buat. [*Ketawa*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi saya harap Yang Berhormat Pasir Salak ini, kita tidak ada masalahlah, dalam demokrasi kita *tolerate* orang macam Yang Berhormat Pasir Salak ini. Demokrasi ini *tolerate* orang-orang macam Yang Berhormat Pasir Salak. Saya senang

katakan jangan takutlah Yang Berhormat Pasir Salak. *As long as* ada demokrasi dalam negara kita, *you are alive*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih, terima kasih. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi saya hendak mengatakan saya hendak *quote* ada seorang hakim mahkamah di India mengatakan Tuan Yang di-Pertua, "*In democracy, we tolerate even lousy song*" pun kita *tolerate*, itulah demokrasi. Jadi saya harap Yang Berhormat yang terhormat daripada sini ini gunakanlah roh demokrasi yang kita bagi ini dengan penuh bertanggungjawab.

Tidak kesah, hendak bantah, bantahlah. Akan tetapi penuh dengan tanggungjawab. Seperti dalam Parlimen ini bertanggungjawablah, hujah secara baik, nampak gaya dalam ramai-ramai Yang Berhormat Rembau seorang sahaja nampak okey sedikit. Lain nampak...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong itu. [*Dewan riuh*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong itu.

[*Tuan Yang di-Pertua mampengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, soalan tambahan kedua. Sila Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan konsep pemisahan kuasa. Saya hendak tahu Kerajaan Pakatan Harapan berjanji Jabatan Peguam Negara (AGC) akan dipisahkan dengan Pejabat Pendakwa Raya atau *public prosecutor*. Jadi, sejauh manakah akan dilakukan dan kalau perlu ada pindaan Perlembagaan, saya rasa harus dimulakan proses ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Pasir Gudang yang juga seorang peguam yang banyak mengendalikan kes-kes melindungi rakyat. Jadi saya ingin menyatakan beginilah Yang Berhormat Pasir Gudang. Memang bila kita hendak memisahkan Jabatan Peguam Negara dan pendakwa raya ini dia memerlukan pindaan Perlembagaan, tidak dapat dielakkan. Jadi buat masa ini Yang Berhormat Pasir Gudang, kita Pakatan Harapan tidak ada kuasa dua pertiga, jadi dekat situlah kita punya dengan izin, *constrain* kita yang paling jelaslah.

Bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat Pasir Gudang, isu-isu yang berkaitan perkara ini telah pun diperbincangkan dengan agak mendalamlah di dalam pentadbiran kerajaan sekarang ini. Saya yakin kalau sekiranya kita ada jaminan bahawa pihak sebelah sana bersetuju dengan kita bahawa perkara-perkara baik yang kita hendak, yang memerlukan pindaan

Perlembagaan ini mereka boleh bagi jaminan, rasanya kita bersedia untuk meminda Perlembagaan. Saya rasa kita memang komited untuk membuat satu perubahan yang besar dalam negara kita ini.

Sekiranya perubahan-perubahan ini mendapat sokongan daripada semua pihak saya rasa tidak ada masalah untuk melaksana itu. Oleh sebab kita berjanji dan kita akan cuba melaksanakan yang terbaik *insya-Allah*. Sekian, terima kasih.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sedikit masa lagi. Silakan Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini syarahan Sultan Azlan Shah dihadiri oleh *The Lord Reed* daripada *Supreme Court, United Kingdom* yang menyentuh soal hubungan antara badan kehakiman dan juga badan eksekutif kerajaan. Salah satu daripada perkara yang menjadi perhatian adalah pelantikan hakim yang sekarang ini di negara kita dibuat melalui *Judicial Appointments Commission*.

Namun demikian, JAC di negara kita ini tidak dapat dibentuk sepenuhnya seperti mana yang dibuat di United Kingdom. Di mana keputusan ataupun saranan JAC di Malaysia seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu tidak mengikat Perdana Menteri dalam nasihat yang diberi kepada Yang di-Pertuan Agong. Apakah cadangan dan juga perancangan kerajaan supaya Akta JAC ini dan mungkin Perlembagaan Persekutuan dipindah supaya pilihan JAC itu mengikat Perdana Menteri dan juga mengikat keputusan yang bakal dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong dan tidak boleh di veto apabila keputusan dibuat oleh Suruhanjaya Pelantikan Hakim.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Rembau. Satu soalan yang baik. Saya hendak kata beginilah Yang Berhormat Rembau, sebenarnya kalau ikut dalam Perlembagaan, pelantikan hakim-hakim ini masih lagi dikawal oleh peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan.

Jadi JAC seperti mana yang dikatakan sebentar tadi tidak mempunyai satu kuasa yang secara jelaslah cuma dia boleh berikan rekomendasi yang mungkin akan diambil kira. Akan tetapi saya hendak katakan beginilah Yang Berhormat Rembau, kita sekarang ini perkara-perkara yang mungkin melibatkan Perlembagaan kita agak *slow* sedikit untuk hendak mulakan tetapi sebab kita rasa kita cuba lakukan perkara-perkara yang mungkin tidak memerlukan pindaan Perlembagaan.

■1200

Saya mahu beritahu dengan Yang Berhormat Rembau, kalau boleh Yang Berhormat Rembau nasihatkanlah sahabat-sahabat di sebelah sana itu, sebab kita ada satu pengalaman yang agak tidak begitu baik dalam isu akta *Anti-Fake News*. Kita telah berjaya meluluskan di sini, di peringkat Dewan Rakyat dan kita telah memberikan hujah-hujah kita bahawa kenapa akta ini perlu dimansuhkan.

Alhamdulillah di Dewan Rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang pun bersetuju dengan kita. Kita ingatkan perkara ini mungkin tidak ada masalah di Dewan Negara. Rupa-rupanya Dewan Negara kita dapati ada masalah apabila Barisan Nasional khususnya

menggunakan suara majoriti mereka di sana untuk dengan izin, **pass...** *our bill*, yang menyebabkan kita terpaksa tunggu setahun lagi balik untuk bawa ke Parlimen ini.

Jadi saya harap, biarlah dalam hal-hal seperti ini, sekiranya Yang Berhormat Rembau boleh memainkan peranan meyakinkan semua Ahli Parlimen Pembangkang bahawa kita mempunyai tanggungjawab untuk menyokong segala perkara baik yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Saya rasa perkara yang Yang Berhormat Rembau cakapkan itu mungkin boleh dilaksanakan dalam masa yang mungkin lebih awal daripada yang kita jangkakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Dengan itu, selesailah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.01 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Jabatan Perdana Menteri bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2019 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 26 November 2018.”

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2019****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Anggaran Pembangunan 2019 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. **[Hari Pertama]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Diminta Menteri Kewangan mengemukakan anggaran perbelanjaan bagi semua kementerian.

12.03 tgh.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih RM194,654,566,700 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2019 bagi Maksud-maksud B.1 sehingga B.13, B.15, B.20 sehingga B.28, B.30 sehingga B.32, B.40, B.42 sehingga B.43, B.45 sehingga B.48, B.60 dan B.62 sehingga B.63 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM56,700,000,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2019 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.6, P.7, P.10, P.13, P.15, P.20 sehingga P.28, P.30 sehingga P.32, P.42 sehingga P.43, P.45 sehingga P.48, P.60, P.62 sehingga P.63 dan P.70 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Lampiran A dan Lampiran B, Kertas Perintah 23, Tahun 2018 dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan Peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2019 telah pun dibentangkan.

Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran ini adalah juga diberikan dalam Kertas Perintah 23 Tahun 2018 dan Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2018. Oleh itu, saya tidak berhasrat untuk memberi apa-apa pandangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan selama sembilan hari diperuntukkan untuk perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2019 bermula pada hari ini Khamis, 22 November 2018 sehingga Khamis, 6 Disember 2018. Oleh yang demikian, saya juga ingin

memaklumkan bahawa pada hari ini tempoh perbahasan di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dihadkan selama 10 minit sahaja pada setiap Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9 dan B.40 [Jadual] -
Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2019] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.1 hingga B.9 dan B.40 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

12.06 tgh.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pendek sahaja. Dua sahaja butiran iaitu PM Butiran 1, mengenai Parlimen dan juga JAKIM bagi Butiran B.6.

Tuan Pengerusi, Parlimen nampaknya B.1, mendapat peruntukan sejumlah RM130,435,200. Saya ingin tahu sama ada pecahan ini akan melibatkan elaun dan saraan Ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Saya ingin menekankan kepada perbelanjaan Yang di-Pertua, Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat, serta Timbalan-timbalan Yang di-Pertua bersama dengan Ahli-ahli Parlimen ke luar negara. Ini kerana, sepanjang pengalaman saya, bahawa peruntukan untuk kita mengadakan lawatan-lawatan ke Parlimen di negara-negara luar, sama ada dalam bentuk persidangan yang wajib kita hadir nampaknya peruntukan ini setiap tahun tidak mencukupi, Tuan Pengerusi.

Jadi, saya harap peruntukan untuk rombongan daripada anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang diketuai oleh Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat serta Timbalan-timbalannya dapat dipertingkatkan dan ditambah lagi. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan yang ada di sini kerana ini adalah sangat penting Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk kita menambahkan peruntukan bagi Parlimen.

Apatah lagi, apabila dalam Kajian Separuh Penggal yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tempoh lalu bahawa kuasa autonomi Parlimen akan diberikan di mana akan diperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963. Satu Jawatankuasa Pemilih akan diwujudkan bagi memperakukan beberapa pelantikan seperti SPRM, SPR, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

Saya yakin bahawa Tuan Pengerusi, sedang merangka untuk mewujudkan beberapa lagi Jawatankuasa yang penting bagi kita mengendalikan supaya Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara yang disebut Parlimen ini menjadi Parlimen *first class* di dalam dunia. Saya percaya dengan kuasa sistem Jawatankuasa Pemilih akan diwujudkan bahawa banyak perbelanjaan yang perlu diberikan untuk kita melihat, untuk memperakukan suruhanjaya yang saya sebutkan tadi, SPRM, SPR, Jabatan Audit Negara serta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman, apatah lagi apabila Suruhanjaya seperti SPRM dan SPR akan bertanggungjawab secara langsung kepada Parlimen.

Isu yang berkaitan dengan Parlimen Tuan Pengerusi, kita lihat beberapa projek pembangunan untuk membina bangunan-bangunan baru kita bagi kemudahan Ahli-ahli Dewan, nampaknya belum siap lagi. Saya ingin bertanya apakah status dan perkembangan tentang pembinaan bangunan baru untuk keselesaan Ahli-ahli Dewan dan kos-kos tambahan yang terlibat.

■1210

Seterusnya mengenai isu Dewan sementara yang kita gunakan selama ini untuk persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Apakah hasrat Parlimen untuk mengekalkan dan apakah kegunaan-kegunaan pada masa akan datang termasuk juga kegunaan bilik Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga bilik Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang boleh digunakan oleh Ahli-ahli Dewan sekalian?

Isu yang kedua, mengenai B.6 iaitu Butiran 040100 – JAKIM. Saya melihat kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ahli Parlimen Parit Buntar yang telah memberikan komen terhadap pengumuman atau pandangan daripada Mufti Pulau Pinang yang mengatakan kerajaan-kerajaan negeri boleh menyemak semula tentang pengharaman dan larangan yang telah disebut di bawah fatwa negeri-negeri yang telah mengharamkan dan mewartakan bahawa ajaran Syiah adalah ajaran yang sesat dan mestilah kita ambil tindakan. Akan tetapi, dalam masa yang sama, Yang Berhormat Menteri ada mengatakan mungkin ada perbezaan dari segi fahaman dan juga anutan.

Saya ingin mendapat penjelasan lanjut Yang Berhormat Menteri, apakah yang disebutkan fahaman dan anutan yang ada perbezaan dalam kita menangani ajaran Syiah ini? Saya yakin bahawa kita telah memutuskan bahawa Jawatankuasa Fatwa Malaysia termasuk negeri-negeri yang kalau saya sebut ini- panjang ini. Ini dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri, tidak perlu saya sebut. Bahawa negeri-negeri telah mewartakan bahawa pengharaman Syiah di dalam negara kita, di dalam keseluruhan 13 negeri di dalam negara kita. Saya harap perkara fahaman Syiah ini tidak perlu lagi kita unkit-unkit, tidak perlu lagi kita memberikan ruang kepada mana-mana sama ada aktivis masyarakat atau ahli-ahli politik atau penggerak-penggerak yang lain cuba hendak mengerakkan semula fahaman Syiah di dalam negara ini. Saya berharap benar ini mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Akhirnya, saya ucap tahniah pada JAKIM. Walaupun ada peningkatan, tidak banyak, dalam- ya, sila Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya. Yang Berhormat sebut tentang ajaran Syiah tadi dan negeri-negeri telah mengharamkannya. Apakah Yang Berhormat ada bukti yang menunjukkan bahawa ataupun pemikiran daripada Yang Berhormat Menteri kah yang menunjukan bahawa seolah-olah ajaran Syiah ini boleh dilonggarkan ataupun dibenarkan?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Arau.

Sebab itulah saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada apa yang saya tonton dan saya dengar itu menjadi salah fahaman pada pendengaran saya yang menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri memberikan kuasa kepada kerajaan-kerajaan negeri semula, Jabatan Agama untuk menyemak dan juga ada perbezaan mengenai pemahaman dan juga anutan itu. Itu yang saya minta Yang Berhormat Menteri.

Akhirnya, saya ucap tahniah walaupun peningkatan sedikit dalam perbelanjaan untuk JAKIM, saya ulangi lagi, Yang Berhormat Menteri, tolonglah bisik-bisik, peluk sikit, pegang lutut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya JAKIM ini akan diwujudkan sebagai satu Kementerian bagi memperkasakan syiar Islam di dalam negara kita. Terima...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh mencelah, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Di sebelah sana...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, Yang Berhormat Pontian...

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya hendak mencelah...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Belum lagi, belum lagi. Saya belum cakap terima kasih dan ada dua minit lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Celahan.

Tuan Pengerusi: Belum lagi. Ada masa sedikit. Yang Berhormat Pontian...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Mengenai cadangan...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Tutup tak habis lah dia ini...

Tuan Pengerusi: Terlampau cepat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Pengerusi, mengenai cadangan untuk mewujudkan JAKIM sebagai sebuah Kementerian. Katalah ia tidak dapat dilaksanakan, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Kuala Krau supaya diadakan seorang Ketua Pengarah bertaraf Ketua Setiausaha.

Apa yang berlaku sekarang ini di JAKIM ialah apabila ketua-ketua agensi setaraf dengan Ketua Pengarah JAKIM, bererti Ketua Pengarah JAKIM itu tidak dapat untuk membuat arahan yang sewajarnya kepada Ketua-ketua Pengarah yang lain sebab tarafnya sama dari segi perjawatan. Akan tetapi kalau ia ditingkatkan ke taraf KSU, maka yang lain akan mendengar arahan beliau. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Pontian. Jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Inilah yang kita rasa bahawa JAKIM mempunyai kekangan kewangan terutama sekali dalam penguatkuasaan yang hendak kita laksanakan di negara kita. Yang Berhormat Arau ada lagi?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, saya minta spesifik ya. KSU sekarang JUSA A, jadi sekarang kita hendak minta supaya KP JAKIM itu diberi Turus Tiga. Apakah Yang Berhormat bersetuju?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Arau, bukan sahaja sebagai Turus 3 yang saya setuju dengan Yang Berhormat Arau, tetapi saya sangat bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Pontian supaya wujud satu Ketua Setiausaha yang JUSA di dalam Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kapar.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Turus 3. Saya setuju Turus 3.

12.17 tgh.

Yang Berhormat Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Ya, sudah cukup okey? Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan atas Maksud Bekalan Pembangunan 7 di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 020200 yang saya bangkitkan sebelum ini yang saya lihat bahawa ada beberapa suara yang tidak begitu setuju terutama sekali bagi mereka yang bekerja di bawah PTD. Namun, saya ulangi sekali, kerana majoriti daripada jabatan-jabatan kerajaan ini yang dilihat dipinggirkan. Dalam skim PTD, saya ulangi, Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) di mana pegawai lepasan tiga tahun, naik pangkat ke M44, lepas itu ke Gred 48 dalam masa lima ke sembilan tahun.

Manakala penjawat awam lain dalam skim perkhidmatan lain, contohnya 'S' (Sosial) seperti Pegawai Media, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Pegawai Belia, Pegawai Perhubungan Perusahaan di bawah JTK dan lain-lain ataupun Skim 'E' seperti Pegawai Ekonomi, Pegawai Statistik, pegawai Skim 'C' seperti Pegawai Kimia, pegawai Skim 'F' seperti Pegawai Teknologi Maklumat tidak mendapat layanan yang sama dalam sektor awam.

Pegawai-pegawai ini tidak mendapat peluang kenaikan pangkat atas alasan tiada kekosongan dan sebagainya. Skim-skim perkhidmatan ini selalunya yang menjadi mangsa adalah skim-skim tertutup. Apa yang melucukan ialah peranan dan deskripsi masing-masing itu penting dalam urus tadbir negara yang begitu banyak skopnya.

Maka persoalan saya ialah, apakah yang akan dilakukan oleh kerajaan terutama sekali kita hendak mengangkat martabat dan darjat harakat pekerja-pekerja awam ini untuk memastikan penjawat awam tanpa mengira skim perkhidmatan mendapat peluang yang sama dan adil untuk kenaikan pangkat dalam tempoh masa yang sama ataupun berdasarkan *performance* yang bukan semata-mata skim perkhidmatan?

Saya juga ingin memohon agar Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab memberi jawapan memahami pelbagai sektor, jenis diskriminasi yang berlaku dalam sektor awam. Apakah langkah-langkah yang telah dikenal pasti supaya keadaan itu tidak berterusan

dan status penjawat awam dapat mencapai reputasi antara yang terbaik di dunia seperti jiran kita di Singapura?

Saya juga difahamkan jawapan Yang Berhormat Menteri akan disediakan oleh kebanyakan pegawai JPA dari skim 'M' di mana jawapan akan menafikan keadaan sebenarnya berlaku di sektor awam. Ini ditegaskan untuk memastikan bahawa tidak berlaku diskriminasi.

Seterusnya, dalam soalan, kisah yang saya hendak rujukan untuk memastikan hujah saya ini betul-betul dimanfaatkan oleh Yang Berhormat Menteri. Pegawai Skim 'M' lantikan 2006 kini di Gred 48, kepada Gred 44 pada tahun 2009, kepada Gred 48 pada tahun 2012. Hanya selepas dua tahun. Ini untuk satu *batch* yang sama dengan rakan-rakan mereka dalam universiti yang sama, tetapi berbeza kenaikan pangkat. Manakala pegawai Skim 'S' lantikan 2008 masih dalam gred permulaan S41, selepas 10 tahun lebih, semua pegawai semua dalam *batch* yang sama, Gred C41/44 pun belum disahkan, sekadar menjadi pemangku selepas sembilan tahun mereka berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Awam.

■1220

Ini bukannya satu diskriminasi? Kerajaan Pakatan Harapan sebagai majikan, pun banyak amalan diskriminasi berlaku sebelum ini dan apakah langkah-langkah untuk mereformasikan sektor awam yang kita sebut selama ini dan bilakah ia akan dimulakan anjakan reformasi yang memberi kesan kepada penjawat-penjawat awam yang dilihat hari ini mereka sudah berlalu begitu lama kesengsaraan mereka?

Saya memohon Menteri untuk memastikan bahawa jangan berada sekali-kali diskriminasi dalam mana-mana kementerian supaya mereka juga diberikan kesaksamaan untuk memastikan kenaikan pangkat dan gred mereka itu dinaikkan mengikut *performance*. Itu saya hendak tegaskan mengikut *performance* dan KPI yang baik dan tidak ada kes salah laku ataupun disiplin.

Maka saya ingin juga merujuk kepada Butiran 040200 – Emolumen Kakitangan Kontrak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar, boleh mencelah?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pontian minta mencelah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Okey, boleh, masa ada. Bolehlah Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kapar. Saya ingin membuat sedikit pencilan mengenai pekerja kontrak penjawat awam ini. Ada kadang-kadang pekerja kontrak itu daripada segi prestasinya lebih baik daripada prestasi penjawat awam yang tetap. Adakah kerajaan bercadang untuk menurunkan tempoh haul penjawat awam kontrak untuk ditetapkan? Jika dahulu, kerajaan dahulu apabila 20 tahun bekerja sebagai penjawat awam kontrak, boleh menjadi tetap. Apa kata kalau 20 tahun itu diturunkan kepada 10 tahun. Terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Tuan Pengerusi, meneliti daripada apa Yang Berhormat Pontian bicarakan tadi, saya sebenarnya yang pada peringkat awal sebelum ini tidak ada tempoh Tuan Pengerusi. Akan tetapi saya berjuang untuk penjawat awam, hari ini pekerja kontrak lepasan 15 tahun, mereka *diconfirmkan*. Ini satu kemajuan dalam kita memberikan hak kepada pekerja kontrak di mana-mana yang saya lihat dalam kementerian itu ada pekerja kontrak.

Akan tetapi saya hendak tegaskan, yang dahulunya Kerajaan Barisan Nasional dulunya beri 15 tahun dan saya pernah berbahas dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri waktu itu dia kata, "*Kalau betul Yang Berhormat Kuala Langat...*", waktu itu, "*...hendak perjuangkan nasib penjawat awam, jadi kerajaan esok, cadangkan yang lebih manfaat*", yang hendak saya masukkan dalam Butiran 040200 ini. Akan tetapi sudah Yang Berhormat Pontian beritahu awal, saya hendak beritahu Yang Berhormat Pontian, saya tidak sepi untuk memastikan bahawa pekerja kontrak ini diberikan hak mereka.

Saya dimaklumkan juga daripada kontrak ini, banyak mereka yang bekerja hampir 10 tahun, 11 tahun, 12 tahun, mereka telah pun akan diberhentikan. Saya hendak maklumkan kepada rakan-rakan Menteri yang berkenaan bahawa jangan berlaku kezaliman. Kalau dahulu 15 tahun mereka akan menunggu sampai untuk mendapatkan *confirm* atau pekerja tetap, tetapi hari ini, kita mesti adakan anjakan untuk memastikan penjawat awam ini jangan didera mereka. Sudah belasan tahun mereka kerja dan hari ini saya hendak menyeru kepada Kerajaan Pakatan Harapan, kita kena buat sesuatu yang tidak menzalimi penjawat awam.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [Bangun]

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Maka saya cadangkan supaya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian itu adalah cadangan yang baik kerana daripada 15 tahun, kalau kita kurangkan kepada tiga tahun atau lima tahun, manfaatnya akan mendapat daripada 15 tahun, Tuan Pengerusi, jumlah 51,000 pekerja kontrak menjadi pekerja tetap setelah saya perjuangkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Hari ini, saya hendak seru kepada Kerajaan Pakatan Harapan, kurangkan untuk kita lebar luaskan dan saya percaya, sekitar 113,000 lebih mereka akan mendapat kenikmatan atau pekerja tetap yang akan mereka raikan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pencilahan.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Maka untuk memendekkan- saya ada dua minit lagi Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, Yang Berhormat Arau sedikit sahaja. Kawan, kita kawan. Saya menyokong...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Masa 30 saat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya menyokong Yang Berhormat Kapar 100 peratus.

Tuan Pengerusi: Hari ini dalam sejarah, Yang Berhormat Kapar membenarkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Kapar kawan baik ya. Saya menyokong Yang Berhormat Kapar. Soalan saya ialah apakah Yang Berhormat juga hendak perjuangkan supaya pekerja kontrak yang telah diberhentikan itu diambil balik Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Tuan Pengerusi, itu sebab saya hendak masuk, belum masuk lagi pun. Saya hendak masuk dalam Butiran 040200. Saya diberitahu ramai pekerja kontrak termasuk di bawah Kementerian FELDA juga telah pun menamatkan tugas pekerja-pekerja kontraknya yang bekerja 11 tahun, 12 tahun, 13 tahun, 14 tahun. Saya diberitahu tempoh tidak habis pun dia hendak berhentikan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Arau kerana pekerja kontrak peranan mereka itu adalah separuh, sebahagian daripada pekerja penjawat awam tetap. Maka dalam butiran ini saya hendak menyinggung pekerja-pekerja di bawah Majlis Profesor Negara. Saya dimaklumkan bahawa 29 orang telah pun ditamatkan perkhidmatan kontrak mereka. Di sini juga terkait dengan beberapa kementerian termasuklah kementerian-kementerian yang saya sebutkan tadi. Saya mohon supaya pekerja kontrak ini, mereka ini kumpulan yang ramai. Setiap kementerian saya mendongak daripada butiran yang ada, memang semua ada pekerja kontrak.

Maka saya hendak sarankan kepada kerajaan atau kementerian yang terlibat, supaya jangan mereka ini dipecat disebabkan oleh kita telah bubarkan Majlis Profesor Negara, pekerja 29 orang ini, buat macam Menteri Pengangkutan. Apabila SPAD telah pun ditutup, tetapi pekerja itu di *swap* kan, dimasukkan ke kementerian-kementerian lain dan potongan itu telah dibuat. Saya mencadangkan 20 peratus Menteri pun nampak setuju, kemudian dia tidak ada pembuangan pekerja Tuan Pengerusi. Sudah habis masa dah dan saya minta satu minit untuk saya hendak menggulung.

Tuan Pengerusi: Boleh teruskan ya.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Apa yang saya dapat rasai derita mereka ini, kerajaan mesti menghadamkan dan juga menghayati. Saya mohon pekerja kontrak ini Tuan Pengerusi, jangan sekali-kali dizalimi dan jangan mereka diberhentikan kerja atas sifatnya sebagai pekerja kontrak.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Termasuk JASA.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Saya mohon supaya Menteri-menteri yang bertanggungjawab ada keprihatinan dan kita dapat mandat daripada rakyat untuk membela nasib mereka... [*Tepuk*] Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan Dato' Speaker, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong. Silakan. 10 minit.

12.27 tgh.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan. Saya terus ke butiran bagi Maksud B.6 Butiran 020500. Ini berkaitan dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara.

Saya ada beberapa persoalan yang saya hendak kemukakan di bawah tajuk ini dan memandangkan NADMA merupakan satu agensi yang sangat penting terutamanya bagi kawasan saya berikutan terlampau kerap sangat berlakunya banjir, dan ia merupakan salah satu daripada agensi yang sangat penting.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, 12 November yang lalu, berlaku hujan lebat dan susulan daripada itu, telah mengakibatkan banjir dan terdapat pusat pemindahan banjir dan telah dibuka pada 13 November yang lepas. Saya memberitahu mengenai latar belakang ini kerana saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah kerajaan akan meneliti keberkesanan sistem amaran awal banjir bagi membantu masyarakat, tidak kira di mana untuk meminimumkan kerosakan harta benda dan juga kemalangan jiwa.

Seterusnya soalan saya adalah, sejauh manakah pihak NADMA telah melaksanakan profil risiko bencana dan terutamanya yang saya hendak dapatkan jawapan adalah mengenai kawasan saya iaitu kawasan Parlimen Parit Sulong. Kawasan-kawasan ini apabila banjir Tuan Pengerusi ia akan lama surut. Bila lama surut disebabkan itulah kekerapan itu dan bila terlampau kerap dan tidak surut itu yang kita panggil banjir termenung.

Jadinya, apakah usaha juga yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam mengenal pasti bencana yang tidak dijangka yang sukar terutamanya di kawasan yang sukar untuk surut? Apakah langkah yang diusahakan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan keupayaan meramal dan mengenal pasti bencana tidak dijangka ini?

Seterusnya bagi Butiran 020400 – APM. Saya terlebih dahulu hendak mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan saya kepada pihak APM daerah Batu Pahat yang membantu penduduk dalam usaha untuk hari itu bila mereka itu dipindahkan, mereka terkesan dengan banjir, mereka daripada APM ini telah membantu dan membuat beberapa bantuan dan menyelesaikan isu banjir di kawasan Parlimen saya.

■1230

Jadinya soalan saya kepada pihak kementerian adalah, apakah kerajaan ada cadangan ataupun di dalam peruntukan yang diatitkan ini adakah peruntukan ditingkatkan bagi kawasan APM Daerah Batu Pahat? Bagi meningkatkan keperluan dan juga aset mereka dari segi itu memandangkan kawasan Daerah Batu Pahat ini seperti yang saya maklumkan adalah kawasan mudah bencana. Apakah pihak kementerian juga bersedia untuk meningkatkan latihan kepada pihak APM Daerah Batu Pahat bagi persiapan mereka di masa yang akan datang?

Seterusnya bagi Butiran 04801 dibaca bersekali dengan Butiran 93500 – Projek Khas dan juga Pembinaan Masjid/Surau dan juga Pembaikan ataupun Naik Taraf.

Saya nampak bahawa ada peningkatan. Jadinya susulan itu, ada beberapa perkara – sebab saya ada membangkitkan dalam ucapan sebelum ini mengenai isu pembatalan masjid

dengan surau terutamanya di kawasan Parlimen Parit Sulong. Jadinya soalan saya adalah, apakah kerajaan selepas ini akan mengehadkan jumlah peruntukan untuk sesebuah masjid ataupun surau yang dipohon, yang dibina dan juga dinaiktarafkan? Bagaimanakah pihak kementerian akan mengagihkan jumlah peruntukan ini bagi setiap pembinaan dan juga naik taraf masjid dan surau di seluruh negara?

Seterusnya soalan saya adalah saya hendak bertanya mengenai perkembangan status pembinaan masjid. Apabila saya membangkitkan mengenai perkara ini terdahulu, dimaklumkan untuk kita membuat surat rasmi kepada pihak kementerian dan surat itu pun telah dibuat bagi pihak saya.

Jadinya saya hendak tanyakan apakah perkembangan status pembinaan masjid yang telah dibatalkan sebelum ini? Ada terdapat empat masjid iaitu Masjid Kampung Air Putih, Masjid Jamek Parit Betong, Mukim 4, Masjid Jamek Nurul Huda, Kampung Parit Jayus 4 dan ini adalah Masjid Parit Semis Mukim 18. Ini semua adalah pembinaan baharu Tuan Pengerusi dan sesetengah daripada masjid ini pun telah dirobohkan masjid yang sedia ada yang tidak boleh digunakan.

Seterusnya butiran yang saya hendak bangkitkan, dan ini adalah butiran yang terakhir yang saya hendak bangkitkan. Ini adalah Butiran 06100 – *Development of Halal Industry* yang dibaca bersekali dengan Butiran 040100.

Bagi ini, saya menghargai usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan sebagai satu kesinambungan daripada apa yang telah digarapkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan industri halal di negara ini. Usaha ini memang saya tengok sangat penting kerana ia bagi menyelaraskan tugas dan peranan 342 agensi halal yang bernaung di bawah JPM. Saya betul-betul mengharapkan apabila ada peningkatan walaupun jumlahnya tidaklah sebanyak yang lain tetapi saya betul-betul mengharapkan ia dapat membantu dalam memperkasakan pembangunan industri halal.

Soalan saya kepada pihak kementerian adalah bagaimanakah kerajaan melihat Akta Majlis Halal Negara yang akan digubal selepas ini akan dapat memperluaskan serta memperkasakan industri halal yang merangkumi pensijilan, pembangunan industri, promosi dan pemasaran? Dan sejauh manakah akta yang dicadangkan ini akan dijadikan sebagai pemudah cara kepada semua agensi halal yang bernaung di bawah JPM? Seterusnya apakah mekanisme yang akan diterapkan oleh kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan penjenamaan negara ini sebagai satu negara hab halal yang terbaik dan membawa nama Malaysia supaya terus kekal menjuarai industri halal di dunia.

Seterusnya soalan saya, berapakah jumlah-jumlah syarikat yang telah mendapat kelulusan sertifikasi halal daripada pihak kementerian, pihak JAKIM? Daripada jumlah tersebut, saya hendakkan boleh lah diberitahu dalam Dewan ini berapakah daripada jumlah yang telah dapat *certification* ini, dengan izin, adalah kepunyaan syarikat-syarikat bumiputera? Itu sahaja. Terima kasih banyak-banyak Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pekan minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Mengenai halal ini...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey, boleh.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pontian, maaf saya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dahulu kita Tuan Pengerusi, dahulu kita ada apa yang kita panggil sebagai Majlis Halal Malaysia yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu. Saya ingin bertanya supaya Yang Berhormat Parit Sulong boleh bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkaitan iaitu adakah majlis ini diteruskan sebab di dalamnya digabungkan semua agensi halal yang ada termasuklah kerajaan-kerajaan negeri dan termasuk juga pihak swasta. Ia adalah satu majlis yang tertinggi berhubung tentang halal yang terlibat juga MITI pada ketika itu terlibat, JAKIM dan juga melibatkan beberapa kementerian lain. Adakah ia akan diteruskan oleh kerajaan ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ya, betul Tuan Pengerusi, saya menghargai apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pontian sebab dalam kerajaan yang terdahulu, saya juga terlibat di dalam jawatankuasa ini melalui MATRADE. Jadinya, saya juga ingin bertanya dan memanjangkan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pontian kepada Yang Berhormat Menteri untuk penjelasan dan maklumat lebih lanjut mengenai perkara ini. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai.

Tuan Pengerusi: Tadi saya nampak Yang Berhormat Ledang bangun.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Ledang tidak ada. Lembah Pantai ada.

Tuan Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Subang. Yang Berhormat Subang dulu.

12.36 tgh.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Minta maaf kawan saya Yang Berhormat Nibong Tebal, sekejap lagi. Baik, ucapan saya pendek sahaja. Dua perkara. Saya merujuk kepada muka surat 56, B1 - Urusan Parlimen, Butiran 010000.

Tuan Pengerusi, saya faham tahun depan kita akan mengadakan enam lagi *Standing Committee* yang baharu dan ini akan memerlukan lebih anggota di dalam Parlimen ataupun staf-staf baharulah. Kalau kita kira setiap *committee* memerlukan sekurang-kurangnya tiga staf, maknanya kita kena bayar tiga darab enam iaitu lebih kurang 18 orang yang baharu untuk jawatan dan juga emolumen.

Saya lihat bahawa setiap *Standing Committee* yang baharu ini, mereka memerlukan bajet untuk mereka membuat kerja dengan baik, rekod-rekod kena diletakkan di dalam *Hansard*. Kita kena buat lawatan dan ini semua memerlukan wang yang lebih. Jadi saya hendak membuat *recommendation* kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi sekurang-kurangnya RM500,000 setiap *Standing Committee*. Maknanya untuk tahun depan satu komitmen daripada

kerajaan, daripada Yang Berhormat Menteri juga untuk memberi RM3 juta lagi untuk urusan Parlimen untuk *Standing Committee*.

Baik, ada? *Point* kedua saya ialah B6 – Jabatan Perdana Menteri, muka surat 90, Butiran 010000 – Pengurusan Am. Ini kod 10000 – Emolumen.

Saya lihat emolumen naik sebanyak- mendadak sebanyak RM37 juta tetapi bilangan jawatan adalah sama iaitu 3,728 orang tahun ini dan juga tahun depan juga sama, 3,728. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kenapa naik banyak sangat khususnya kepada anggota-anggota ataupun emolumen untuk MAMPU naik sebanyak RM32 juta tetapi bilangan pekerja sama, 1,308. Jadi minta penjelasan penuh daripada Yang Berhormat Menteri, kenapakah terdapat jawatan yang sama, *the number of people the same* tetapi naik sebanyak RM32 juta untuk ahli-ahli MAMPU untuk emolumen.

Saya rasa kalau *in my simple reading*, ia nampaknya satu *error* lah dalam nombor ini kalau tidak, kenapakah *group* MAMPU ini mendapat peningkatan gaji yang lebih sebanyak RM32 juta. Itu sahaja *point* saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Rembau, silakan.

12.39 tgh.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Butiran B.6 Butiran 020100, dan P.6 Butiran 00101 – Majlis Keselamatan Negara. Janji 27 Manifesto Pakatan Harapan menyatakan Kerajaan Pakatan Harapan akan memansuhkan Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 kerana dikatakan zalim.

■1240

Akta ini memberi punca kuasa undang-undang penubuhan Majlis Keselamatan Negara. Namun demikian, Belanjawan 2019 menyaksikan peruntukan pembangunan bertambah sebanyak 2,523 peratus berbanding peruntukan tahun 2018. Bukan hanya tidak dimansuhkan, tetapi ditambah peruntukan pembangunan sebanyak 2,523 peratus.

Yang Berhormat Menteri telah mengeluarkan kenyataan bahawa Akta MKN akhirnya diakui bahawa tidak akan dimansuhkan, sebaliknya hanya beberapa peruntukan sahaja akan dimansuhkan ataupun dipinda. Inilah masalahnya apabila jadi kerajaan, baru tahu ada gunanya ada Majlis Keselamatan Negara. Jadi saya hendak tahu, bilakah jangkakan pindaan akan dibuat? Adakah peruntukan yang dinyatakan dalam belanjawan ini akan melibatkan peruntukan yang akan dimansuhkan dalam pemansuhan ataupun pindaan akta tersebut?

Maksud P.6 Butiran 93500 – Projek Khas. Peruntukan anggaran dipinda tahun 2018, kosong. Peruntukan tahun 2019 sejumlah RM150 juta. Tidak ada perincian berkaitan butiran ini dan ini merupakan item baharu yang tidak ada peruntukan pada tahun 2018, mahupun pada tahun 2017. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apakah yang dimaksudkan dengan *special project* ini yang berjumlah RM150 juta?

Merujuk kepada Maksud P.6 Butiran 96000 – Pengurusan Aset dan Bangunan Jabatan Perdana Menteri. Peruntukan bagi tahun 2018 adalah RM7 juta, peruntukan bagi tahun 2019

adalah RM363,530,000. Peningkatan sebanyak 5,093 peratus berbanding peruntukan tahun 2018. Pada tahun 2017 hanya RM2 juta, naik kepada RM7 juta dan sekarang ini naik kepada RM363 juta pengurusan aset dan bangunan JPM. Saya tidak pasti kenapa, minta penjelasan. Mungkin ini disebabkan pengecilan semula agensi di bawah JPM, jadi tiba-tiba bertambah kena bayar untuk bangunan dan aset pula. Saya tidak faham sebab sepatutnya sudah kecilkan JPM dan sepatutnya tidak perlu dibayar ataupun adakah ini ganti rugi yang perlu dibayar.

Maksud B.6 Butiran 050100 – Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) ataupun *Implementation and Coordination Unit (ICU)*, dengan izin, peruntukan sebanyak RM443,139,400. Ini saya hendak bangkitkan dalam konteks peruntukan yang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen. Saya difahamkan bahawa peruntukan yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen daripada Pakatan Harapan berbeza daripada yang diberi kepada Barisan Nasional. Saya akui bahawa amalan ini jauh lebih baik daripada amalan yang dibuat dahulu, langsung kita tidak beri. Namun demikian, saya berpendapat bahawa alang-alang hendak beri kepada semua, lebih baik kita beri sama rata.

Maksudnya dalam Malaysia baharu ini tidak ada perbezaan antara wakil rakyat yang dipilih bagi kawasan yang mewakili mana-mana parti. Seperti mana berlaku reaksi kepada kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan tempoh hari yang menyatakan bahawa Ahli Parlimen pembangkang sahaja mesti minta permohonan, mesti dapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Negeri barulah boleh masuk ke sekolah. Ini menimbulkan reaksi yang negatif daripada rakyat yang mengatakan bahawa sepatutnya diberikan layanan yang sama.

Jangan bagi jawapan bahawa ini jauh lebih baik daripada dahulu, kita sudah tahu sudah. Kita dihukum, kita kalah pilihan raya. Ini hendak membina Malaysia baharu, kita harus melihat bahawa Malaysia baharu mestilah dibina atas satu landasan yang lebih baik daripada dahulu. Dalam perkara ini, saya minta supaya untuk tahun hadapan, peruntukan yang diberikan kepada setiap Ahli Parlimen atau wakil rakyat itu sama. Kalau daripada Pakatan Harapan dapat RM1 juta, maka kami pun dapat RM1 juta juga dan bukannya dapat RM200,000 ataupun apa yang kita dapat pada hari ini. Saya nampak macam...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Rembau, boleh sikit?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yes,

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan daripada ICU, JPM. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kebetulan sebelah Parlimen Pontian, Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Tanjong Piai. Apa kata kalau RM100,000 peruntukan itu dibenarkan sejumlah yang tertentu RM20,000 atau RM30,000 bagi pengurusan pusat khidmat Ahli-ahli Parlimen. Oleh sebab kita kena bayar gaji, kena bayar staf seorang dua. Setakat ini, tidak dibenarkan untuk pengurusan pusat khidmat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Masukkan dalam ucapan saya. Maksud B.6 Butiran 050200 – Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

(PERPADUAN). Saya hendak tanya, apakah program-program yang dicadangkan terutamanya bagi memberi penerangan kepada isu-isu yang sensitif sejak kebelakangan ini? Apakah dalam keadaan pada hari ini, kerajaan rasa bahawa Yang Berhormat Menteri yang dipertanggungjawabkan atas perpaduan, Yang Berhormat Senator Waytha Moorthy masih lagi mempunyai kredibiliti untuk menjalankan tugas sebagai Menteri Perpaduan dalam keadaan beliau sendiri dipertikaikan begitu hebat.

Maksud B.6 Butiran 030300 – Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Tanya soalan spesifik kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan status cadangan untuk mewujudkan Mahkamah Syariah Persekutuan sebagai usaha untuk mengangkat taraf Mahkamah Syariah dan juga untuk membentuk penyelarasan perbezaan undang-undang syariah di peringkat negeri. Ini masih lagi menjadi isu terdapat kesukaran contohnya, menyampaikan saman dan waran di luar negeri di mana dikeluarkan dan menguatkuasakan keputusan Mahkamah Syariah. Ini juga melibatkan soal perintah nafkah dan sebagainya. Jadi, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah status tersebut?

Dua lagi perkara Tuan Pengerusi. Maksud B.7 Butiran 040300 – Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran telah dikurangkan sebanyak RM497 juta. Kalau tidak silap saya pengurangan sejak tahun 2018, RM497 juta pengurangan biasiswa dan pinjaman pelajaran di bawah JPA. Jadi, berapakah jumlah pelajar tajaan semasa? Berapakah cadangan tajaan baharu untuk tahun ini? Apakah ini tanda bahawa *aulawiyat priority* kerajaan tidaklah untuk melihat kita dapat memberi tajaan kepada pendidikan tinggi?

Akhirnya Maksud B.1 Butiran 010000 – Urusan Parlimen. Saya sokong mengembalikan wibawa institusi Parlimen. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri yang hadir pada hari ini, antara lain selain daripada penubuhan jawatankuasa terpilih, *select committee*, saya juga telah cadangkan dalam perjumpaan baru-baru ini kita melihat kepada beberapa reformasi. Antaranya untuk kita memperkenalkan *Prime Minister's Question Time* dengan segera. Kita juga memperkenalkan *Opposition Day* seperti mana yang berlaku di *United Kingdom*, ada *Opposition Day* yang dikhaskan untuk urusan yang dibawa oleh pembangkang dan bukan hanya urusan kerajaan sahaja.

Perkara ini sebenarnya Tuan Pengerusi adalah *low-hanging fruit*. *We don't really have to wait that long for parliamentary reform like this*. Saya harap bahawa reformasi tersebut dapat dibuat sebelum penggal ataupun sesi pertama pada tahun hadapan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Nibong Tebal silakan.

12.49 tgh.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat

jawatankuasa ini. Saya ingin merujuk kepada Maksud P.6 – Jabatan Perdana Menteri, Butiran 04000 – Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang.

Peruntukan diberikan kepada butiran ini Tuan Pengerusi adalah RM20 juta, tidak berubah daripada tahun 2017 dan juga tahun 2018, *remain consistent*, dengan izin, sebanyak RM20 juta juga. Saya agak kecewa dengan peruntukan ini memandangkan isu penyertaan Bumiputera ataupun permohonan Bumiputera di Pulau Pinang begitu mendesak dan mendapat serangan yang hebat daripada pihak pembangkang khususnya daripada UMNO dan Barisan Nasional dalam usaha menangani isu ini.

■1250

Ini juga mungkin melambangkan Jawatankuasa Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang ini tidak serius melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dalam usaha merancang dan melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi Bumiputera di negeri Pulau Pinang. Mungkin ia tidak begitu agresif, *it's not aggressive enough*, Tuan Pengerusi, dalam usaha merancang dan melaksanakan program-program meningkatkan sosioekonomi Bumiputera di negeri Pulau Pinang.

Saya dapati banyak program yang dilaksanakan tidak begitu ketara hasilnya. Malah, ada projek-projek yang terbengkalai, malah lingkup terus. Contoh macam pembangunan rumah murah dan juga rumah mampu milik di dua tempat iaitu di Projek Perumahan Mutiara Rini dan juga Projek Perumahan Mutiara Ria iaitu kos rendah di Kampung Pisang Awak dan juga di Jelutong yang dilaksanakan oleh JKP Sdn Bhd. Saya difahamkan yang rumah-rumah ini terpaksa dirobuhkan dan akan dirobuhkan. Dalam jawapan bertulis Yang Berhormat Menteri dalam soalan saya baru-baru ini, memang telah pun dirancang untuk dirobuhkan- pelaksanaan ini.

Jadi saya harap daripada pihak kementerian, pihak kerajaan dapat siasat perkara ini tentang pengabaian dan ketidakcekapan pihak kontraktor untuk melaksanakan projek-projek perumahan yang sangat-sangat diperlukan oleh Bumiputera negeri Pulau Pinang.

Keduanya, Tuan Pengerusi, saya dapati juga yang agihan kepada peruntukan-peruntukan sebanyak RM20 juta ini dibahagikan kepada tiga empat perkara mustahak. Satu tentang modal insan; yang kedua tentang usahawan dan juga koperasi; ketiga, belia, wanita dan kesejahteraan rakyat; dan keempat tentang pelancongan, kebudayaan dan kesenian warisan.

Saya tidak berhasrat untuk sentuh satu-satu tentang perkara itu, Tuan Pengerusi, tapi isu-isu yang saya ingin kemukakan ialah, satu, pelaksanaan program-program yang diberikan oleh Jawatankuasa JKP ini kebanyakannya di-*outsourc*e kepada agensi-agensi pelaksana yang lain. Contohnya- Sebelum itu, saya mohon sangat pencerahan daripada pihak Yang Berhormat Menteri tentang pencapaian program-program yang dilaksanakan sepanjang tahun ini. Sebagai contoh, Program Pensijilan Halal, dia bagi kepada UTM.

Jadi saya hairan, kenapa tidak dapat beri kerjasama dengan Halal Negeri Pulau Pinang dalam hal ini. Mungkin dulu tidak boleh. Sekarang ini saya harap ia boleh bekerjasama dengan Halal Negeri Pulau Pinang- halal hab. Saya ingin tahu juga apa sudah jadi dengan program itu?

Agro Niaga Bumiputera Pulau Pinang bagi kepada UTM. Saya tidak tahu apa UTM buat untuk ini.

Dan pembangunan koperasi untuk kariah-kariah masjid yang diberi kepada SKM. Mungkin SKM membuat latihan tapi saya ingin tahu apa program yang dilaksanakan oleh mereka. Dan program kesejahteraan rakyat, kesukarelaan, kesedaran dan kesihatan yang diberi kepada politeknik. Tidak tahu apa politeknik buat dengan program kesejahteraan ini.

Begitu juga dengan program- saya ingin sebut beberapa contoh, Tuan Pengerusi. Pembangunan sistem dan e-profil belia dan wanita bumiputera diberi pada UiTM dan peningkatan kemahiran penggiat industri pelancongan dan bumiputera Pulau Pinang diberi kepada Jabatan Laut Malaysia dan juga Taman Negara. Jadi saya ingin pencerahan daripada pihak kementerian dalam hal-hal ini kerana bagi saya ia tidak serius dalam usaha-usaha pelaksanaan program memperkasakan bumiputera negeri Pulau Pinang. Nampaknya macam program ini macam lepas tangan saja, Tuan Pengerusi.

Satu lagi satu contoh yang ingin saya sebutkan iaitu Program Didik Cemerlang Akademik. Program ini dilaksanakan banyak tahun. Saya ingat semasa saya di USM dulu pun saya buat program ini dan ia sudah berbeza sangat sekarang ini. Dulu kita serahkan kepada pihak profesional untuk laksanakan tetapi selepas itu diberikan kepada pihak JPN dan juga PERDA.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa masa komponen buat dulu, ada banyak perkara. Bukan saja dititik beratkan ataupun fokus kepada prestasi akademik sahaja tapi ia perlu satu usaha bersepadu untuk membangunkan insan di negeri Pulau Pinang. Bukan saja kelas bimbingan, tapi patut ada juga macam kem kepimpinan, sudut kancil, program khas untuk menghadapi peperiksaan dan juga sudut ilmu ataupun pusat sumber di tempat-tempat.

Dulu ada 37 program atau pusat sumber yang macam itu. Sekarang ini saya tidak tahu apa sudah jadi dengan program-program yang macam itu. Mungkin pihak kementerian dapat lihat semula perkara ini. Tidak sepatutnya ini diberikan kepada JPN sebab JPN- betul, kita tidak memperleceh, ataupun menidakkan keupayaan pendidik-pendidik kita ataupun guru-guru kita. Akan tetapi, pelajar-pelajar didedahkan kepada modul yang sama. Jadi, tidak ada minat untuk mereka mengikuti program-program yang macam ini.

Kita kena berlainan sedikit, Tuan Pengerusi, supaya program ini dapat dilaksanakan dengan baik. Peruntukan yang diberikan ialah RM31 juta untuk program itu tetapi yang dibelanjakan hanya RM24 juta saja. Jadi ini maknanya tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Justeru, Tuan Pengerusi, saya ingin tanya pada pihak kementerian, pihak kerajaan, sama ada pihak kerajaan ada bercadang untuk menstrukturkan semula JKP, menilai kembali peranan-peranan yang dilaksanakan oleh JKP dan mencari jalan untuk bekerjasama dengan agensi-agensinya negeri yang terdapat sekarang ini? Kalau dulu kita tidak dapat laksanakan oleh kerana kedua kerajaan yang berbeza tapi sekarang ini kerajaan yang sama. Jadi saya harap pihak kerajaan dapat menilai kembali peranan, fungsi dan juga keberkesanan program-program

yang dilaksanakan selama ini untuk memperkasakan penyertaan Bumiputera di negeri Pulau Pinang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Gerik.

Tuan Pengerusi: Oh, Yang Berhormat Gerik, silakan Yang Berhormat Gerik. Yang Berhormat Gerik bangun awal tadi. Kita berselang seli lah. Silakan.

12.57 tgh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tuan Pengerusi, saya juga ingin membahaskan dalam butiran di Jabatan Perdana Menteri. Yang pertama B.5 – SPA. Kita melihat dua iaitu dasar dan perancangan di mana saya ingin bertanya kepada kerajaan, berapa pengambilan satu pegawai di peringkat bawah mulai kerajaan baharu dan begitu juga pihak PTD? Dalam masa yang sama, saya hendak bertanya juga berapa ramai yang sudah pencen? Juga, bagaimana pihak SPA dan JPA memenuhi untuk mengisi kekosongan kakitangan awam bila mana pegawai-pegawai dan juga kakitangan yang telah berpencen?

Dalam masa yang sama, saya juga ingin bertanya, apa berlaku kepada pegawai-pegawai kontrak yang bekerja di jabatan kerajaan? Bila masa kah mereka akan menjadi pegawai tetap dan berapa bilangan mereka? Dalam masa yang sama, terdapat juga pegawai-pegawai kontrak lantikan yang telah diberhentikan. Bagaimana tindakan kerajaan untuk memastikan mereka boleh menghadapi masa hadapan hidup mereka?

Saya juga ingin menyentuh JPM Maksud B.6 berkaitan dengan MKN. Saya melihat peruntukan yang banyak. Apakah dasar sekarang meneruskan Majlis Keselamatan Negara di mana kita telah membuat peraturan mengubah yang baru demi untuk keselamatan negara? Tadi wakil daripada Rembau pun telah membangkitkan perkara tersebut. Saya amat berminat dengan MKN ini melihat daripada- selain daripada pasukan keselamatan polis dan tentera, MKN juga sebenarnya dapat membantu memperkasakan kerajaan yang ada pada hari ini.

Begitu juga dalam Maksud B.6 Butiran 020400 - APM. Satu angkatan- JPAM dulu, yang membantu banyak berkaitan dengan banjir, bencana dan pelbagai lagi. Bagaimanakah dengan peruntukan yang nampaknya naik sedikit bagi menambah peralatan-peralatan dan juga jentera-jentera, memperlengkapkan dalam bantuan di peringkat daerah-daerah seperti waktu banjir mereka memerlukan bot dan pelbagai lagi? Cuma, dengan penambahan peruntukan ini, kita berharap supaya dapat diperkasakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Gerik, penjelasan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Boleh, Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Fasal APM, Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa dia mempunyai sukarelawan sebanyak dua juta tetapi anggota tetap hanya seribu lebih sahaja. Apakah kita hendak minta supaya kerajaan meningkatkan anggota tetap kepada mungkin tahap 10 peratus ataupun lima peratus, 10 ribu orang ataupun 20 ribu orang? Kalau tidak,

bagaimana mereka hendak kendalikan sukarelawan yang begini ramai dengan anggota tetap seribu lebih sahaja, Tuan Pengerusi?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Arau. Tolong masukkan dalam ucapan saya. Saya pun hendak bertanya benda yang sama juga.

Dalam masa yang sama...

Tuan Pengerusi: Sekarang sudah pukul 1, kita tangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, oleh kerana JPM ini ramai Menteri, kalau kita bagi 10 minit, saya ingat tidak berapa adil, sebab kementerian lain satu Menteri. JPM ini terlampau ramai Menteri yang menunggu. Kami tidak sempat sebut. Apakah boleh naikkan 15 minit, Tuan Pengerusi yang arif budiman? Sebab, dia terlampau ramai Menteri. Orang yang hendak bercakap pun saya ingat tidak ramai. Jadi kami tinggal lagi mungkin dalam 10 orang saja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, memang boleh. Kita akan aturkan.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Majlis akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesiapa yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan, sila berdiri supaya saya dapat membuat anggaran masa.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Gerik sambung ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Lapan orang, setiap orang 10 minit. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Gerik untuk menyambung semula, enam minit lagi. Lepas itu Yang Berhormat Ipoh Timur. Sila.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyambung lagi perbahasan saya iaitu berkaitan dengan NADMA yang mana pada hujung-hujung tahun ini dilihat cuaca yang tidak berapa baik di mana banjir berlaku. Saya berterima kasih kepada kerajaan hari ini kerana tidak meminggirkan wakil rakyat pembangkang untuk bersama di peringkat daerah. Maka saya berharap supaya peruntukan yang ada ini boleh kita bantu mangsa-

mangsa banjir di kawasan. Gerik juga terlibat dengan banjir kilat tetapi berlaku banyak kali. Kita kena cari satu mekanisme supaya mangsa-mangsa banjir boleh dibantu.

Saya beralih kepada B.6, Butiran 050300 – Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Dalam Parlimen saya, terdapat beberapa buah kampung Asli. Antara yang besar, RPS Kemar, RPS Banun. Di pinggiran terdapat Kampung Asli Hulu Gerik, Cenawin, Rengat, Temin dan juga Bukit Asu. Dua kampung dah ada surau. Saya mengharapkan JAKOA meneruskan program untuk memastikan Orang Asli dapat pendapatan yang tetap. Maknanya usaha untuk memberi bantuan penanaman pokok getah kepada Orang Asli mesti diteruskan. Saya cukup yakin Orang Asli juga sudah berubah di mana mereka sudah kurang mencari barangan dalam hutan seperti buluh dan rotan.

Oleh sebab itu JAKOA kena bantu untuk memastikan ada satu sumber tetap di mana kita membantu memberi pokok getah dan menanam getah walaupun dalam keadaan hari ini kita tahu harga getah yang cukup kurang, rendah dan jatuh tetapi sekurang-kurangnya mereka juga kumpulan masyarakat kita yang boleh mendapat satu pendapatan tetap. Begitu juga di dua kampung yang besar, RPS Banun dan juga RPS Kemar. Saya memohon sama ada daripada JAKOA ataupun daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) untuk membina dua masjid kerana kedua-dua kampung ini telah pun mendirikan solat Jumaat di surau. Saya amat berharap kerajaan memberi pertimbangan untuk membina kedua-dua masjid di dua perkampungan yang terbesar iaitu RPS Kemar dan juga RPS Banun.

Perkara yang seterusnya yang saya hendak sentuh ialah B.6 Butiran 0401000 – Pengurusan JAKIM yang mana tadi ada disentuh oleh rakan-rakan. Saya harapkan supaya JAKIM juga dapat diperkasakan, bukan sekadar dilantik KSU baru ataupun dibuat satu jabatan yang mempunyai satu Menteri yang betul-betul memperkasakan sesuai dengan Perlembagaan Persekutuan, agama Islam ialah Agama Persekutuan.

Dalam masa yang sama, JAKIM mesti bekerjasama erat dengan kerajaan negeri untuk memastikan bantuan dan juga syiar Islam yang kita kembangkan di mana-mana tempat, melantik guru-guru yang sesuai dengan perkembangan semasa supaya mereka betul-betul berdakwah ke arah yang membantu menjadikan masyarakat yang syumul, masyarakat yang kamil dan masyarakat yang boleh memberi kebaikan kepada kita semua.

Saya beralih pula B.6, 050100 – UPP ataupun ICU. Saya ingin minta Menteri yang menjaga ICU supaya bajet yang ada pada 2019 ini diturunkan ke daerah-daerah bagi memastikan projek-projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2018, 2017 dibayar. Alangkah malangnya sama ada projek kecil atau besar seperti tempat saya masjid, tiga buah masjid telah dibina tetapi *slow* daripada segi pembangunannya kerana peruntukan tidak diturunkan kepada ICU di peringkat negeri.

Maka saya berharap, dengan adanya bajet yang ada pada hari ini memastikan, itu soal tempat saya. Saya percaya di seluruh negara banyak kontraktor merungut, projek dah siap tetapi pembayaran tidak dilaksanakan. Apakah kita sahaja yang nak makan? Kontraktor pun, mereka

pun hendak juga menyara keluarga, anak dan isteri supaya mereka terus dapat maju dalam kehidupan harian.

Dalam masa yang sama, SPR, saya mengucapkan terima kasih telah menjalankan pilihan raya ke-14, walaupun banyak yang kita rasakan macam tak selari dan selaras bila pengundian berjalan. Nampaknya ada perubahan SOP yang menyebabkan pengundi-pengundi terpaksa mengundi dalam menunggu tempoh yang lama. Saya berharap pihak SPR memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada ini untuk memastikan supaya pelanggan-pelanggan kita, pengundi-pengundi kita tidak tunggu lama untuk mengundi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ipoh Timur, selepas itu Yang Berhormat Beluran. Sila.

2.39 ptg.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan dua perkara sahaja iaitu nombor satu, perkara di bawah Parlimen. Butiran 060200 – Emolumen Kakitangan Kontrak, yang mana jumlahnya pada tahun 2018 secara anggaran adalah sebanyak RM1.4 bilion dan pada tahun 2019 dikurangkan kepada RM1.23 bilion, juta.

■1440

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini saya ingin membangkitkan bahawa pihak PAC ataupun Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen setelah ditubuhkan oleh Parlimen ini sejak bulan Ogos yang lepas, kita telah mengadakan sekurang-kurangnya 17 mesyuarat dan juga prosiding yang melibatkan beberapa perkara yang kita dari pihak PAC sedang siasat.

Namun demikian, dari segi *supporting staff*, dengan izin, iaitu pembantu-pembantu dan kerani-kerani yang kita ada di pihak sekretariat PAC, saya difahamkan bahawa kita hanya mempunyai seorang ketua sekretariat PAC yang mana beliau adalah di bawah *contract employment*, dengan izin, dan pada masa yang sama hanya ada dua orang lagi kerani sambilan yang mana bayaran emolumen ataupun bayaran gaji mereka adalah mengikut pekerjaan setiap hari ataupun perkhidmatan setiap hari. Selain daripada itu ada dua orang lagi pegawai dari Jabatan Audit Negara, salah seorangnya adalah seorang pegawai *permanent* ataupun pegawai tetap yang diberikan kepada PAC dan seorang lagi bukan tetap.

Tuan Pengerusi, kakitangan-kakitangan ataupun *supporting staff*, dengan izin, yang begitu kecil sememangnya adalah tidak mencukupi untuk menampung keperluan dan juga *efficiency*, dengan izin, bagi pihak PAC dalam melaksanakan tugas kita. Demi untuk memperkasakan lagi sistem *committee stage* ataupun sistem jawatankuasa di Parlimen ini dan PAC merupakan salah satu jawatankuasa yang paling penting untuk segala urusan Parlimen.

Saya ingin mencadangkan supaya anggaran yang mencukupi ataupun yang lebih tinggi boleh diberikan kepada tajuk Butiran 020100, berserta dengan Butiran 010100 yang mana ia dengan satu peruntukan yang lebih tinggi maka kita boleh memperluaskan lagi kesemua penjawat yang kita boleh ada. Pada hari ini sememangnya *strictly speaking*, dengan izin,

memang tidak ada seorang pun yang boleh dikira sebagai penjawat kerajaan yang tetap. Apa yang kita ada seorang yang amat efisien tetapi hanya di bawah kontrak sahaja. Itu yang pertama Tuan Pengerusi.

Perkara yang kedua saya hendak bangkitkan adalah di bawah Maksud Bekalan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang mana saya memerhatikan bahawa di bawah SPRM negeri, di bawah program ataupun aktiviti SPRM negeri Butiran 010800. Saya ada nampak bahawa di bawah kod 20000 ada satu peningkatan sebanyak RM14 juta untuk tujuan perkhidmatan dan bekalan. Untuk aset pula kita ada satu peningkatan di bawah kod 30000 kos anggaran daripada kosong sehingga pada tahun depan RM2.327 juta.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan dengan peningkatan anggaran di bawah kedua-dua tajuk ini dan sama ada ia melibatkan pembinaan pejabat yang baru ataupun tidak. Ini kerana saya nampak bahawa peningkatannya adalah amat mendadak dan sememangnya peningkatan ini mungkin boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain, tujuan-tujuan yang lebih efisien untuk membasmi gejala rasuah dan untuk tujuan pasukan penguatkuasaan.

Jadi dengan itu dua perkara yang saya ingin bangkitkan di sini Tuan Pengerusi. Sekian daripada saya, *thank you*.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beluran. Selepas ini Yang Berhormat Ledang *then* Yang Berhormat Rantau Panjang. Sila. Saya tahu Yang Berhormat Arau sudah tidak sabar, nanti akan diberikan peluang ya Yang Berhormat Arau.

2.45 ptg.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Arau tidak sabar tetapi peluang diberi kepada Beluran.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dua perkara yang ingin saya sentuh. Pertama adalah berhubung dengan SPR, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dan yang kedua sedikit berhubung dengan pengurusan Parlimen.

Berhubung dengan SPR, cuma saya ingin bertanya sama ada pihak kerajaan akan membuat pindaan-pindaan yang perlu untuk melambangkan agihan kerusi bagi negeri Sabah dan Sarawak, bilangan kerusi untuk negeri Sabah dan Sarawak melambangkan kehendak dalam Perkara 20 dan juga Perjanjian Malaysia dan Perlembagaan Persekutuan. Perkara 20 adalah menyentuh tentang Perkara 17 dalam Perkara 20.

Begitu juga bila disentuh tentang Perjanjian Malaysia, ianya menyentuh tentang Artikel 66, *Malaysia Agreement 1963*, dan menyentuh tentang Perlembagaan Persekutuan, *Article 161E of Federal Constitution of Malaysia*. Yang mana ketiga-tiga perkara ini menyentuh tentang kehendak untuk melihat agihan bilangan kerusi bagi negeri Sabah dan Sarawak itu tidak kurang daripada agihan yang diperolehi oleh kedua-dua negeri tersebut ketika Malaysia dibentuk dan Parlimen dibentuk pada tahun 1970.

Kalau kita lihat bilangan kerusi Parlimen bagi Sabah dan Sarawak Dewan Rakyat pada tahun selepas Pilihan Raya Umum Ketiga iaitu pada tahun 1970. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, jumlah kerusi yang diuntukkan kepada mereka 24 bagi negeri Sarawak, 16 bagi negeri Sabah. *Proportion*-nya adalah sebanyak 27 peratus.

Jadi sebab itu daripada 144 bilangan kerusi yang ada di seluruh negara. Begitu juga kalau kita lihat sekarang ini ketika bilangan Kerusi Parlimen 222, Sabah dan Sarawak ketika ini dibagi sebanyak 51 buah Kerusi *which is about 25 percent of the total number of seats*. Maknanya Artikel 66 daripada *Malaysia Agreement 1963*, dan *Article 161E of the Federal Constitution* Perlembagaan Persekutuan tidak dipenuhi dari segi agihan Kerusi *which is less than the previous proportion of seats for Sabah and Sarawak when Parliament was first convey after the formation of Malaysia*.

Dalam Perlembagaan Persekutuan mengatakan bahawa tidak harus kurang daripada jumlah kerusi itu. Akan tetapi dari segi *proportionnya* sekarang *it is less than when Malaysia was form, the first Parliament was form when after Malaysia was form*. Maknanya perlu dilihat dan dikaji untuk menambah bilangan kerusi bagi Sabah dan Sarawak ini sesuai dengan kehendak Perlembagaan dan juga Perjanjian 1963.

Bukan itu sahaja, saya cadangkan Yang Berhormat, malah pada ketika ini kalau kita tengok *the spirit of the Article 17 of Perkara 20* menyentuh tentang kepentingan Sabah dari segi populasi, dari segi geografinya yang begitu besar, bukan sahaja kita *maintain* pada 27 peratus tetapi haruslah dipertingkatkan mungkin mencecah sehingga 35 peratus daripada *proportion of the total number of seats that we have in Parliament, Dewan Rakyat now*.

Maknanya kerajaan, SPR harus melihat kehendak Perjanjian Malaysia 1963 dan juga sesuai dengan kehendak *Article 161 of the Federal Constitution* untuk menambah bilangan kerusi bagi Sabah dan Sarawak supaya ianya *proportionate* dengan kehendak artikel-artikel dalam Perlembagaan dan juga Perjanjian Malaysia. Apatah lagi ketika ini apabila kerajaan melihat Sabah sebagai bukan sebagai salah sebuah negeri di Malaysia ini tetapi sebagai satu wilayah yang sama pentingnya dengan Semenanjung Malaysia sesuai dengan kehendak penyertaan, perkongsian kuasa, perkongsian penyertaan yang *equal partnership* antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963.

■1450

Saya lihat kalau di Semenanjung ini jumlah pengundi dijadikan sebagai asas untuk melihat kawasan-kawasan Parlimen, bilangan kawasan Parlimen tetapi bagi Sabah dan Sarawak kepentingan dari segi geografinya, kepentingan dari segi sejarahnya, kepentingan dari segi penubuhan Malaysia itu sebagai satu rakan kongsi yang sama penting harus menjadi perkiraan kepada SPR untuk menambah, menentukan bilangan kerusi Dewan Rakyat bagi kedua-dua buah negeri tersebut. Jadi perkara ini harus dilihat oleh kerajaan.

Perkara kedua, iaitu berhubung dengan Parlimen, saya ingin menyokong Yang Berhormat Ipoh Timur berhubung dengan kehendak, keperluan staf kakitangan yang *permenant* bagi PAC memang betul. Cuma ada seorang pegawai kontrak di sana dan ada dua kerani yang

bergaji hari dan disokong oleh dua orang pegawai yang dipinjamkan daripada Jabatan Audit Negara. Tiba masanya PAC dibagi sokongan kakitangan yang mencukupi. Bukan itu saja Tuan Pengerusi, kita melihat ada sedikit penambahan dari segi jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada Parlimen, bajet belanjawan kali ini berbanding dengan yang lalu. Saya ingin melihat bahawa ia diagih mengikut kepentingan. Apatah lagi bila Parlimen sekarang menuju ke arah pentadbiran *Select Committee*- Jawatankuasa Pemilih yang mana enam telah dibentuk.

Saya juga ingin melihat bahawa keenam-enam Jawatankuasa Pemilih yang kelak akan dilantik Pengerusinya setelah Jawatankuasa Pemilih bersidang kelak, agar keenam-enam ini mempunyai sekretariatnya masing-masing seperti PAC, walaupun PAC memerlukan penambahan dan penambah baikkan dari segi peruntukan dan sebagainya.

Enam Jawatankuasa Pemilih yang akan dibentuk oleh Parlimen ini juga perlu dikuatkuasakan, *dienforce* dan diberi peranan yang penting dalam mentadbir pengurusan Parlimen ini sesuai dengan kehendak untuk melihat setiap Jawatankuasa Pemilih ini mempunyai sekretariat masing-masing dan diisi dengan kakitangan-kakitangan yang mencukupi agar keenam-enam Jawatankuasa Pemilihan ini dan juga PAC akan dapat bergerak sebagai jawatankuasa yang akan memenuhi kehendak dan aspirasi Parlimen kita pada ketika ini.

Jadi ia perlu sokongan dari segi kewangan dan juga sokongan dari segi kakitangan yang mencukupi. Jadi kita ingin melihat agar pelantikan jawatankuasa dan juga pengerusi akan dibuat oleh Parlimen dalam masa yang terdekat ini agar kehendak Parlimen untuk bergerak ke satu tahap Parlimen yang lebih baik, lebih teratur dan seiring dengan kehendak Parlimen yang lain akan dapat direalisasikan oleh Parlimen menjelang masa yang terdekat ini. Sekian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Pengerusi sebelum, saya ada satu soalan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang terima kasih Yang Berhormat Beluran. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Ledang, selepas itu Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Batu Kawan, lepas itu satu demi satu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau dulu. Yang Berhormat Ledang, sila.

2.53 ptg.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi sebelum memulakan perbahasan saya ingin mengambil kesempatan mengalu-alukan kehadiran mahasiswa daripada Program Mahasiswa Amanah. Tidak ada tepukan Parlimen? *[Ketawa]* *[Dewan tepuk]* Mereka ini dari KUIS dan juga dari IMU, tidak silap saya.

Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan berkenaan dengan satu perkara sahaja iaitu Kepala B6, Butiran 040100 berkaitan dengan JAKIM. Secara khususnya ini adalah berkaitan dengan KAFA kerana KAFA merupakan satu institusi yang penting dalam kita ingin menerapkan

akhlak dan nilai pendidikan dan juga untuk membentuk keperibadian serta kemenjadian murid-murid.

Kita tahu bahawa KAFA berperanan sebagai sokongan dalam pendidikan arus perdana melalui penyampaian ilmu Pendidikan Islam dan ia telah pun berfungsi, berperanan sejak tahun 1990 lagi. Mereka dianggap telah berkorban kerana banyak daripada kalangan penyelia dan guru-guru KAFA ini bukan merupakan perjawatan yang tetap. Pada masa yang sama mereka mempunyai sesuatu yang skim perjawatan yang tidak terjamin.

Saya ingin membangkitkan di sini Tuan Pengerusi bahawa dalam konteks pendidikan ini, kita memahami bahawa ada isu-isu dasar yang melingkungi KAFA. Antaranya ialah premis KAFA yang pelbagai, ada yang menumpang sekolah, ada yang di rumah kedai, ada yang di premis masjid ataupun surau. Jadi ia merupakan premis yang pelbagai.

Keduanya adalah isu yang berkait dengan jumlah hari dan jam pengajaran yang tidak seragam di kalangan mereka yang terlibat dalam KAFA, juga senarai tugas yang tidak seimbang di kalangan penyelia dan guru KAFA. Begitu juga dengan kelayakan dan tahap pendidikan yang berbeza-beza di antara guru-guru KAFA. Ada yang ada Diploma, ada yang ada SPM, ada yang ada juga Ijazah dan sebagainya. Jadi ini juga memberikan kesan kepada konteks mereka untuk memberikan pengajian Pendidikan Islam yang lebih baik kepada anak-anak kita.

Saya menyebutkan ini kerana Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa anggaran perbelanjaan yang dibuat oleh kerajaan untuk Belanjawan 2019 di bawah JAKIM ini sebanyak RM882,800, dan bilangan perjawatan yang disebutkan dalam butiran tersebut ialah sebanyak 1,480 orang dan jumlah ini tidak ada penambahan dari tahun 2018 kepada anggaran untuk tahun 2019. Sedangkan saya rasa bahawa ada keperluan untuk kita mengkaji semula supaya guru-guru KAFA dan juga penyelia ini dapat diserapkan ke dalam perjawatan di bawah JAKIM. Saya ingin menyahut ataupun memetik kenyataan yang telah pun dibuat sendiri oleh Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang mengatakan bahawa, *"Sejumlah 3,000 hingga 5,000 orang daripada lebih kurang 32,000 orang guru-guru KAFA akan diserapkan dalam Skim Perjawatan secara berperingkat."*

Saya difahamkan ini kesan implikasi kewangan ialah sebanyak RM30 juta. Menurut data Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI), sehingga 30 Jun 2018 bilangan murid yang terlibat dalam KAFA ialah 978,661 orang hampir satu juta dengan jumlah tertinggi di Johor seramai 187,892 orang. Maknanya ia adalah sangat penting kesan daripada guru-guru KAFA kepada anak-anak kita yang seramai hampir sejuta orang.

Justeru, saya ingin supaya perkara ini dapat diambil berat oleh pihak kerajaan supaya guru-guru ini dapat diserapkan. Ia boleh bermula secara peringkat awal pada Belanjawan 2019. Saya percaya KAFA, guru-guru penyelia ini dapat menampung kekurangan tempoh masa Pendidikan Islam yang ada sekarang dalam pendidikan kokurikulum sekolah dan di Johor sendiri sebenarnya KAFA ini adalah wajib. Jadi di negeri-negeri lain mungkin tidak wajib tetapi di Johor ianya wajib. Jadi sudah tentulah kesan pengukuhan pegangan mereka kepada Al-Quran, as sunnah, dan juga kepada fardu ain adalah sangat penting.

Jadi saya ingin akhiri dengan beberapa persoalan dan mungkin boleh dijawab oleh pihak kerajaan iaitu pertama, apakah kerajaan benar-benar ingin melaksanakan langkah-langkah menyerap mereka ini, penyelia-penyelia dan guru Kafa ke dalam Skim Perjawatan utama di bawah JAKIM. Kedua, bilakah tempoh masa perkara ini dapat dilakukan? Sekiranya boleh dalam tempoh masa yang singkat dan yang ketiga saya sambung pencilan daripada Yang Berhormat Hulu Langat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Hulu Langat sila.

■1500

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi mesyuarat dan juga Yang Berhormat Ledang. Saya menyokong apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tentang peruntukkan untuk guru-guru Kafa untuk diserapkan. Perkara-perkara baik yang dibuat oleh kerajaan lepas sudah tentunya kerajaan ini akan menyokong dan menyambung, malah menambah baik dengan peruntukan yang kita sebutkan ini.

Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Ledang, apakah penekanan terhadap kualiti pengajaran di Kafa itu kita berpuas hati dan apakah yang kita ingin supaya kerajaan memperbaiki lagi teknik pengajaran, keberkesanan dan kualiti dalam penyampaian Kafa ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila, Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Saya percaya itulah hasrat yang sepatutnya dilahirkan, dizahirkan untuk kita memastikan kita boleh meningkatkan kualiti yang ada dalam pengajaran dan pembelajaran Kafa kerana ianya mengesani, saya sebut sekali lagi, kepada hampir satu juta anak-anak kita.

Saya lihat sebenarnya dari segi dalam konteks JAKIM sendiri dan pihak Yang Berhormat Menteri serta Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang ada langkah-langkah yang diambil. Sudah pun ditubuhkan satu jawatankuasa *task force* untuk menyeragamkan dan melihat bagaimana cara untuk meningkatkan keberkesanan guru-guru dan penyelia Kafa bagi memastikan bahawa anak-anak ini mendapat pendidikan Islam yang sangat baik.

Justeru, saya ingin sambung tadi beberapa persoalan lagi yang akhir iaitu berapakah jumlah kewangan yang terlibat dalam proses untuk menaiktarafkan guru-guru dan penyelia Kafa? Saya percaya jumlah itu tidak besar dan boleh dimulakan melalui Belanjawan 2019 dan dijadikan sebagai satu contoh bahawa kerajaan ini mengambil berat dan mengambil satu penekanan yang kuat berkenaan dengan pendidikan Islam kerana ianya boleh memberi kebaikan kepada seluruh masyarakat dan juga negara.

Saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang.

3.02 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas di peringkat jawatankuasa Maksud B.1 hingga B.9 di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Kalau kita lihat daripada anggaran perbelanjaan mengurus Jabatan Perdana Menteri dan agensinya yang mendapat peruntukan berjumlah RM3,693 juta, di antara perbelanjaan utama adalah sebanyak RM882.8 juta untuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan juga Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan mendapat RM453.9 juta, Unit Penyelaras Pelaksanaan sebanyak RM443.1 juta dan Pentadbiran JPM mendapat RM348.1 juta.

Jadi, saya ingin penjelasan terutama yang melibatkan Maksud B.1 di bawah Parlimen. Kita alu-alukan perubahan yang baik yang dibuat oleh pihak kementerian. Jadi, saya ingin tahu, apakah perubahan-perubahan yang telah dibuat di bawah kerajaan baharu Pakatan Harapan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini berbanding dengan kerajaan yang lama?

Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan Maksud B.1. Saya sangat mengalu-alukan iaitu penambah baikkan sistem pengurusan Parlimen kita dan kita mengharapkan pelantikan jawatankuasa yang diperlukan terutama yang berkaitan kakitangan yang melibatkan jawatankuasa pilihan perlu diwujudkan untuk melancarkan lagi aktiviti-aktiviti kita untuk memanfaatkan kepada Dewan kita.

Begitu juga kita mengharapkan jawapan-jawapan yang dijanjikan oleh Menteri dalam sidang Dewan ini harap ditunaikan. Jangan janji hendak jawab bertulis, tunggu punya tunggu tidak dapat jawapan bertulis. Jadi, saya harap perkara ini diberi perhatian terutama oleh kakitangan yang terlibat.

Begitu juga saya mengucapkan tahniah di atas usaha penambahbaikan dalam sesi ini di mana ruangan merokok sudah tidak ada dalam bangunan Parlimen dan bagi kami kaum wanita yang tidak merokok, saya rasa ramai lagi yang menyokong usaha ini. Makna ini adalah satu penambah baikkan yang harus dipuji.

Cuma, saya ingin harapkan manfaatkanlah tempat merokok itu. Kalau boleh, letakkanlah kerusi untuk kita rehat, kerusi urut kah. Sebab kita bersidang berbulan-bulan. Kadang-kadang rasa lenguh pinggang, lenguh belakang, duduk di sini sampai lewat malam. Jadi, saya harap kemudahan-kemudahan asas untuk rehat- sebab, ada saya lihat kadang-kadang MP kita yang tidak tahan lenguh belakang pergi baring dalam surau. Jadi saya kira tempat yang diadakan tempat merokok itu dimanfaatkan untuk tempat rehat Ahli Parlimen mungkin letak kerusi yang sesuai.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat, saya sokong. Kita jemput orang OKU yang buta itu yang tidak nampak buat tempat pusat refleksologi untuk kita urut kaki dekat dalam itu. Saya sokong.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya. Saya setuju dan saya masukkan ucapan Yang Berhormat dalam ucapan saya. Terima kasih.

Saya ingin menyentuh juga berkaitan dengan Maksud B.3 iaitu Jabatan Audit Negara di mana kita banyak lihat syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ketua Audit Negara.

Saya ingin tahu, apakah tindakan-tindakan yang telah dibuat terhadap syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ketua Audit Negara yang melibatkan terutama kementerian-kementerian? Begitu juga tentang ketirisan yang sebelum ini Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini banyak juga semasa sama-sama jadi pembangkang dengan kami dulu, banyak menegur banyak ketirisan-ketirisan yang berlaku dalam pengurusan kewangan negara.

Jadi, setakat ini saya ingin tahu, berapa kes yang telah didakwa dan berapa kes yang telah diambil tindakan? Apakah penambahbaikan untuk memastikan supaya ketirisan dalam pengurusan kewangan negara tidak berlaku di masa akan datang.

Saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan Majlis Keselamatan Negara di mana di bawah Jabatan Perdana Menteri Butiran 020100.

Saya ingin tahu sejauh mana penglibatan kerajaan negeri sebab saya dapat maklumat, contoh di Kelantan dan Terengganu, masih lagi Menteri Besar tidak dijemput dalam Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara. Jadi, saya ingin tahu, apakah tindakan sebenarnya dasar yang telah dibuat oleh kerajaan untuk memastikan keadilan kepada semua pihak untuk memastikan terutama keselamatan negara dan keselamatan rakyat dapat dipertingkatkan lagi?

Begitu juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 020400 di bawah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan begitu juga di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Saya berkali-kali menyebut dalam Dewan ini berkaitan dengan keperluan pengurusan yang cekap terutama sekali masalah banjir di kawasan saya sendiri di Rantau Panjang.

Saya telah menyebut sebelum ini keperluan-keperluan utama terutama keperluan pejabat yang melibatkan Agensi Pertahanan Awam di kawasan atau pun daerah-daerah yang sentiasa berdepan dengan banjir. Jadi, setakat ini saya ingin tahu apakah dalam bajet ini adakah cadangan untuk mewujudkan pejabat-pejabat terutama Pejabat ATM di kawasan yang risiko banjir terutama di Rantau Panjang yang tidak ada pejabat sampai sekarang? Saya harap perkara ini diambil tindakan.

Juga saya ingin tahu, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan supaya dalam persiapan menghadapi banjir tidak mengulangi kesilapan terutama semasa banjir tahun 2014? Di masa dulu kita lihat dalam kerajaan yang dulu di mana kita lihat di antara satu masalah besar terutama musim banjir ialah isu komunikasi. Saya bersetujulah kalau ada, kalau boleh pimpinan atau pun agensi yang terlibat dalam bersiap siaga banjir ini supaya tidak lah bercuti di luar negara. Jangan lah ada pemimpin dia main golf di luar negara musim banjir.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Jadi saya harap, *insya-Allah*, perkara ini tidak berlaku.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Arau minta laluan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya tidak ada masa. Masa saya terhad. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, tidak ada masa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau. Arau minta.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau tunggu giliran.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau. Arau minta.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Oh, Yang Berhormat Arau? Okey, okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebab, saya tidak pernah dalam hidup saya tidak pergi Rantau Panjang tiap-tiap kali banjir. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju selepas tahun 2014, pengurusan banjir telah dilaksanakan cukup baik pada masa yang lepas?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Masuk bakul angkat sendiri, buat apa? *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, betul, *thank you*.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya harap akan datang ini lebih baik lagi. Terima kasih Yang Berhormat Arau kerana banyak membantu kawasan saya juga dan, *insya-Allah*, saya mengharapkan akan diteruskan oleh kerajaan baharu pada hari ini. Begitu juga saya ingin menyentuh tentang Jabatan Kemajuan Islam di bawah...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sikit, sikit.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Pendang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Oh, sikit. Masa tiga minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Hendak balik kepada masalah musibah yang diterima oleh negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu dan juga Kedah. Jadi, setakat sekarang ini kami daripada negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Harapan tidak dipanggil masuk dalam mesyuarat di peringkat daerah, Majlis Tindakan Daerah untuk kita mengetahui kesan dan juga apa-apa yang berlaku bila keputusan ini dibuat, projek-projek yang terbengkalai dalam daerah. Jadi, kalau lah hendak buat satu reformasi, pihak Kerajaan Pakatan Harapan menjemput Ahli-ahli Parlimen, wakil rakyat daripada- untuk kita dapat bekerjasama buah fikiran berkongsi semua, *insya-Allah*.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, Parit Sulong.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: So, kita mengharapkan supaya semua pihak supaya kita dilibatkan terutama kita Ahli Parlimen. Kadang-kadang saya sebagai Ahli Parlimen yang berada di kawasan memang kawasan banjir tiap-tiap tahun tidak dijemput pun dalam mesyuarat yang berkaitan dengan isu apa yang berkaitan dengan kepentingan banjir di Kelantan...

▪ 1510

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Sekejap sahaja.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Saya setuju dengan apa yang dikatakan Yang Berhormat. Saya bagi contoh di tempat saya sendiri baru-baru ini ada banjir. Banjir melanda di kawasan dalam seratus buah rumah. Akan tetapi betul, perlu untuk memanggil kita selaku Ahli Parlimen untuk bersama-sama sebab tidak dilakukan oleh kerajaan sekarang. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, saya mengharapkan-masukkan semua ucapan Ahli Parlimen yang bersama tadi dalam ucapan saya, dan saya harapkan supaya tindakan ini dibuat perubahan dalam kerajaan baharu Pakatan Harapan hari ini.

Seterusnya ialah berkaitan dengan Butiran 050200 – Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) berkaitan dengan perpaduan dan isu yang besar di kalangan rakyat hari ini ialah isu tentang ICERD yang banyak kali didebatkan juga dalam Dewan ini. Jadi saya ingin tahu pendirian kerajaan. Seharusnya kerajaan yang menjaga perpaduan terutamanya Menteri yang bertanggungjawab jangan dia mengeruhkan lagi suasana. Akan tetapi kita melihat apa yang ada hari ini, perkara-perkara yang membimbangkan kita itu, itu yang sedang dirancang sedangkan banyak lagi agenda rakyat yang belum selesai.

Jadi saya ingin tahu apa pendirian kerajaan supaya jangan tersilap langkah menyebabkan kerugian pada masa depan negara kita. Jadi saya harapkan supaya kerajaan memberi penjelasan terutama yang melibatkan kementerian yang berkaitan, apa lagi peribadinya sangat dipertikaikan oleh masyarakat hari ini supaya tidak lagi melaksanakan program-program yang kita tahu akan menjadikan kesan pada masa depan negara. Begitu juga...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta penjelasan. Apa maksud Yang Berhormat berkenaan rujuk kepada peribadi?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: ...Saya tidak beri ruang kepada Yang Berhormat Jelutong. Minta maaf.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: No, mengapa merujuk kepada peribadi beliau?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya teruskan. Seterusnya saya akan terus kepada Butiran 06...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, apa kena mengena dengan peribadi beliau?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Duduklah Yang Berhormat Jelutong. Duduk Yang Berhormat Jelutong!...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, minta kebenaran dulu.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tidak benar, jangan!

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: ...Kerajaan memberi penjelasan berapakah jumlah kakitangan kontrak yang telah diberhentikan setakat ini dan apakah

mereka telah diberi bayaran pampasan. Begitu juga berkaitan dengan guru KAFA. Kita bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Ledang tadi supaya kita naik tarafkan guru KAFA kita dan kita memperkasakan lagi guru KAFA kita untuk pendidikan sekolah agama kita.

Saya ingin cadangkan supaya guru KAFA ini bukan sahaja di sekolah rendah malah kita serapkan juga di sekolah menengah sebab isu gejala sosial yang semakin teruk sekarang melibatkan terutamanya remaja di peringkat menengah. Jadi ini yang sepatutnya perlu kepada motivasi, perlu kepada bimbingan agama, perlu kepada kemantapan dan peranan guru KAFA sangat penting untuk memastikan anak-anak orang Islam terutamanya supaya mereka dapat dididik dengan tabiat Islam yang baik. Dan oleh kerana masa tidak mengizinkan, setakat itulah Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batu Kawan. Selepas itu Yang Berhormat Arau.

3.12 ptg.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mulakan perbincangan saya dengan memetik Butiran 93000 – Projek-projek Kecil, Butiran 93500 – Projek Khas dan Butiran 93600 – Projek Mesra Rakyat.

Ketiga-tiga projek ini bernilai RM87.8 juta, RM150 juta dan RM298.5 juta. Tuan Pengerusi, jumlah ketiga-tiga projek ini di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah RM536.3 juta. Saya ingin tahu apakah projek-projek kecil, projek khas dan Projek Mesra Rakyat ini yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri? Dan siapa yang boleh memohon untuk projek-projek ini? Oleh sebab memandangkan sekiranya ada projek kecil yang melibatkan kementerian yang lain boleh dimohon dengan kementerian itu sendiri ataupun melalui kerajaan negeri. Maka saya ingin tahu dan saya faham dan saya tahu Ahli Parlimen yang lain juga berminat untuk faham apakah peruntukan dan bagaimana kita boleh memohon? Apakah klasifikasi projek-projek kecil ini?

Lagi satu di bawah Jabatan Perdana Menteri juga. Butiran 050200 – Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) di mana pada tahun lepas diperuntukkan sebanyak RM273 juta dan tahun ini jatuh RM208 juta.

Saya ingin tahu, apakah justifikasi penurunan untuk peruntukan ini memandangkan kita lihat banyak kenyataan telah dikeluarkan oleh puak-puak yang tidak bertanggungjawab yang menyentuh isu-isu perkauman, menyentuh isu-isu keagamaan dan baru-baru ini mengenai isu ICERD juga. Banyak puak menarik isu 13 Mei. Pada masa yang sama, rakyat Malaysia harus mengingati 9 Mei daripada mengingati 13 Mei. Jadi saya ingin tahu apakah justifikasi kita mengurangkan peruntukan bagi perpaduan ini.

Dalam nada yang sama juga, Butiran 050300 – bagi pengurusan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Penurunan peruntukan daripada RM115 juta kepada RM111 juta memandangkan bilangan jawatan masih kekal 973.

Kami lihat ada kerajaan-kerajaan negeri yang menindas hak-hak Orang Asal, Orang Asli di negara kita ini dan kita harus bersama-sama memastikan hak-hak mereka ini tidak dirampas daripada mereka.

Dalam isu yang sama juga, untuk Pembangunan, Butiran 01100 – Jabatan Kemajuan Orang Asli. Kita juga lihat penurunan sebanyak RM21 juta daripada 2018 sebanyak RM78 juta telah diperuntukkan, tahun depan sebanyak RM56 juta. Saya rasa kita semua faham dan tahu keadaan situasi bagaimana Orang Asli di Malaysia ini hidup dan mereka benar-benar memerlukan bantuan dan sokongan daripada Kerajaan Pusat, daripada kerajaan negeri dan daripada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan, boleh Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Boleh saya habiskan sedikit. Saya bagi masa. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, okey. Okey.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Juga di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya juga ingin tahu di bawah Butiran 00201 – Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India. Adalah penting untuk saya nyatakan di Dewan yang mulia ini di bawah Kerajaan Barisan Nasional, diperuntukkan tahun lepas dalam Bajet 2018 sebanyak RM34 juta sahaja untuk kira-kira 11 peratus populasi kaum India di Malaysia tetapi Kerajaan Pakatan Harapan telah mengagihkan RM100 juta. Peningkatan hampir tiga kali ganda.

Akan tetapi yang penting kita kena faham dan kena tanya bagaimana peruntukan tersebut akan diagihkan sebab kalau kita ikut resipi Barisan Nasional dahulu, maka ia tidak akan turun ke *target* kita iaitu golongan orang India yang benar-benar memerlukannya. Maka saya ingin tahu apa pendekatan yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan tiada *Little Napoleon*, dengan izin, ataupun agensi-agensinya yang tumbuh sebagai cendawan selepas hujan yang akan memproses dan mengagihkan peruntukan ini. Adalah penting, Tuan Pengerusi.

Selain itu juga, Butiran 71000 – Penyelarasan Program Pembasmian Kemiskinan. Penurunan daripada RM92.9 juta kepada RM90 juta. Saya ingin tahu dengan kos sara hidup yang tinggi, lebih ramai yang akan tergolong di bawah paras garis kemiskinan. Jadi apakah justifikasi untuk kita menurunkan peruntukan untuk membantu golongan miskin ini?

Sekiranya betul Kerajaan Barisan Nasional memperuntukkan dan telah memberikan RM92.9 juta dan juga tahun-tahun sebelumnya, maka saya rasa tiada lagilah orang yang boleh digelar atau dilabel sebagai orang miskin. *This is a lot of money, Tuan Pengerusi. We have many other agencies that also helping the poor and yet we have especially in KL the urban poor. If you go to the Chow Kit and all these places, you will see the poor of the urban city. You know they live on the street.*

Jadi saya ingin tahu bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi di seluruh Malaysia. Apakah pendekatan yang akan diambil untuk membantu mereka pada masa penurunan peruntukan untuk pembasmian kemiskinan.

Daripada SPRM. Tiga butiran di sini. Butiran 010300 – Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Kita lihat ada peningkatan daripada RM10 juta kepada RM16 juta walaupun bagi pengurusan, bilangan jawatan tetap sama. Jadi apakah justifikasi peningkatan RM6 juta walhal jawatan masih sama iaitu 128 orang yang memegang jawatan di MACA. Apakah tujuan peningkatan ini? Ke manakah duit ini akan pergi? Saya tahu ramai Ahli Parlimen di sini juga ingin tahu justifikasi peningkatan ini.

1Di bawah SPRM juga, Butiran 030100 – Pendidikan Masyarakat. Peningkatan daripada RM7 juta sehingga RM11.3 juta. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan sebab ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk melabur, untuk mendidik masyarakat agar tidak terjerat dalam gejala rasuah. Akan tetapi pada masa yang sama, kita lihat ini adalah untuk pengurusan *and at increase of almost RM4 million when the staff is still 119*. Adakah ini bermakna staf-staf di sana atau orang-orang yang memegang jawatan tersebut perlu membuat lebih kerja atau di mana peningkatan ini ataupun skim penggajian mereka telah meningkat. Saya ingin tahu apakah justifikasinya.

•1520

Di bawah Butiran 030200 – Komunikasi Strategik dan Perhubungan Antarabangsa. Saya ingin bawa butiran ini sebab menarik dan saya lihat dalam laman web ini banyak kes MACC, dengan izin Tuan Pengerusi, *reaches out to Interpol to help out to get wanted people seperti the most wanted person in Malaysia*, Jho Low dengan peruntukan yang telah diagihkan. Apakah rancangan jangka panjang kerajaan melalui SPRM ini terutama sekali di bawah komunikasi strategik dan perhubungan antarabangsa untuk memastikan kita tidak lagi berdepan dengan seorang spesimen seperti Jho Low yang sekian lama ini terlepas daripada bukan sahaja pandangan penguat kuasa, tetapi pandangan Interpol juga. Dengan izin Tuan Pengerusi, *“I think Jho Low will be a classic litmus test for the government and also our relationship with the Interpol to make sure that a character like Jho Low does not escape the long hands of the law.”* Jadi saya ada satu minit lagi, saya benarkan Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan, minta laluan Yang Berhormat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Saya mohon juga mencelah di sini, di mana minta pandangan Yang Berhormat, satu berita yang telah menjadi hangat dalam *MalaysiaKini* iaitu pengakuan pertama kali kita lihat dalam masa dua tiga tahun, Yang Berhormat Pekan mengakui bahawa beliau telah pun ditipu oleh Jho Low. Ini adalah perkara yang begitu dahsyat.

Dahulu beliau mengatakan beliau tidak mengenali Jho Low langsung. Beliau menafikan perkara ini dua tiga tahun yang lalu. Tiba-tiba pada hari ini kita lihat dalam Dewan yang mulia ini beliau pernah mengatakan, tidak kenal Jho Low, tidak ada kena-mengena dengan Jho Low. Sekarang kita lihat tiba-tiba Yang Berhormat Pekan membuat kenyataan dalam satu temu ramah dengan berita mengatakan memang beliau mengakui Jho Low telah menipu beliau. Ini

mengesahkan bahawa Yang Berhormat Pekan merupakan seorang penipu yang besar. Paling besar! *A liar! A blatant liar! A cheat!* Seorang yang memang merupakan penyangak yang telah mencuri, merompak wang rakyat... *[Tepuk]* Apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Pasir Salak, jawab.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *[Ketawa]* Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Jelutong di atas soalan yang begitu panas tadi. Saya bersetuju dengan soalan yang ditanya dan mohon untuk ia dimasukkan dalam ucapan saya. Akan tetapi lebih daripada itu, selain daripada dilabelkan sebagai penipu atau penyangak, saya faham...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, ini ada minta saya jawab. Boleh, hendak?

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya tidak beri laluan, maaf. Saya tidak minta. *I didn't ask.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No*, ini kawan di belakang suruh Pasir Salak jawab. Saya boleh jawab.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *I didn't ask. You may have a seat. You may have a seat and rest. Rest, this afternoon rest for you,* Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya boleh jawab, *no problem.*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya ingin menyatakan di sini...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya sudah lama duduk Tuan Pengerusi...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya tidak berikan laluan Yang Berhormat Pasir Salak, tolong duduk...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, sila menggulung.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sekejap, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, sila duduk. Biarkan Yang Berhormat Batu Kawan menggulung.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pasir Salak, saya tidak memberikan laluan. Tuan Pengerusi...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ada yang di belakang, Yang Berhormat Kota Melaka tadi...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You* hendak saya jawab, boleh.

Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Minta laluan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak jika hendak jawab, jadi Menteri dahulu... *[Dewan riuh]*

Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Lipis boleh? Lipis?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi jangan cakap macam itu, nanti jadi lain. Apa maksud Tuan Pengerusi mengatakan "jadi Menteri dahulu", *what do you mean?*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pasir Salak, *don't threaten the Speaker of the House. Don't threaten the Speaker of the House.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *What are you trying to say?*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No, no. Why you...*

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pasir Salak, *show some respect...*

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Jangan menghina.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila duduk. Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, lebih teruk menghina orang...

[Dewan riuh]

[Pembesar suara dimatikan]

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Shame on you!*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa dia?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, sila duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong, ini antara saya dengan Speaker.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, dengar Speakerlah, dengar Speaker.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *The Member of the Parliament...*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Speaker sekarang minta Yang Berhormat Pasir Salak duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan menghina, okey.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila. Apabila saya jemput Yang Berhormat duduk, ini bukan menghina. Ini satu penghormatan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tadi kata jadi Menteri dahulu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang ini perbahasan peringkat jawatankuasa...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tarik balik. Speaker tarik baliklah.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Bila hendak jawab, Yang Berhormat Menteri menggulung, Yang Berhormat Menteri yang jawab. Peraturan mesyuarat pun tidak faham, macam mana hendak jadi Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Pengerusi, siapa yang kasi panas dahulu Tuan Pengerusi? Kita tidak kasi panas, tetapi Yang Berhormat Jelutong yang tidak faham.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Siapa yang tidak faham itu? Siapa yang tidak faham?

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi.

Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jelutong kasi panas. Kita pun tidak panas juga, tetapi Yang Berhormat Jelutong kasi panas. Diminta Yang Berhormat Jelutong jangan buat...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Batu Kawan, sila menggulung.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengakhiri...

Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Kalau tidak hendak panas, minta Yang Berhormat Jelutong jangan kasi panas Tuan Pengerusi. Semalam...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Lipis...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lipis, sila baca Peraturan Mesyuarat perkara 35.

Dato' Hj Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: ...Saya faham. Saya faham.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Jika faham, minta kebenaran dahulu. Sekarang saya minta Yang Berhormat Batu Kawan untuk menggulung. Saya tidak minta Yang Berhormat Lipis berucap, sila duduk. Sila.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengakhiri perbahasan saya dengan persetujuan saya dengan kenyataan Yang Berhormat Jelutong. Akan tetapi *in the highest order* Tuan Pengerusi, *what we have experienced is a betrayal by the Prime Minister. He, not only did say that he was lied too by Jho Low, all of us has been lied too, not only in Dewan Rakyat, every Malaysian who came out to vote on May 9th was lied too and that is why we changed this regime*, dengan izin. Saya menyokong belanjawan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau. Selepas ini Yang Berhormat Ipoh Timur.

3.25 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pinjam masa Yang Berhormat Ipoh Timur 5 minit sebab dia cakap 5 minit tadi dan tadi Tuan Pengerusi sebelum ini bersetuju...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tidak apa, saya tidak bagi. Saya tidak bagi pinjam.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya pun tidak minta, okey. Saya juga minta kalau dibagi lebih sedikit sebab teramai-ramai Menteri untuk berucap. Pertama ialah fasal MKN, Beting Patinggi Ali. Saya sebut berkali-kali dan saya minta jawapan yang tegas daripada pihak MKN, apakah yang mereka akan lakukan berhubung dengan kapal *coast guard China* yang berada di sana. Kawasan ini adalah kawasan hasil asli yang cukup luar biasa. Kerajaan tahu tentang kawasan ini dan di sebelah Beting Patinggi Ali terletak sebuah telaga minyak yang *colour* oren siap, tetapi kita nampak tidak beroperasi.

Saya pernah pergi ke sana berkali-kali dan saya tidak nampak satu pergerakan manusia pun di sana untuk melakukan aktiviti gali minyak tetapi yang kita tahu nampak kosong, *coloumya* oren. Saya tidak pasti daripada syarikat mana, tetapi dia tidak beroperasi kerana mungkin dia berdekatan dengan kapal *coast guard* yang berada di sana, di mana kapal *coast guard* ini pernah memberi amaran kepada nelayan-nelayan terutamanya daripada Sarawak yang datang ke sana supaya mereka tidak menangkap ikan di sana kerana kononnya kawasan ini dipunyai oleh negara lain. Kawasan ini letaknya hanya 83 kilometer daripada Sarawak, padahal ini kawasan EEZ kita adalah 200 batu nautika.

Keduanya adalah berhubung dengan akta MKN, walaupun banyak pihak-pihak termasuk kawan saya daripada Jelutong meminta supaya akta ini dimansuhkan. Lagi sekali saya hendak maklumkan bahawa akta ini belum dilaksanakan lagi. Akta ini ialah untuk tujuan keselamatan dan bukan darurat. Jadi keselamatan yang terkhusus kepada kawasan tertentu yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri, kalau sekiranya kawasan itu terancam keselamatan, serta-merta Perdana Menteri isytiharkan kawasan itu kawasan keselamatan. Akan tetapi kalau sekiranya kita hendak melibatkan Agong, dia melibatkan kawasan seluruh negara darurat. Jadi saya minta supaya akta ini dikekalkan terus untuk memastikan supaya keselamatan dapat dijamin.

Keduanya, kita minta ESSCOM. Sampai hari ini ESSCOM belum dimasukkan di bawah Akta Keselamatan. Kita minta sebagai percubaan pertama, ESSCOM dimasukkan di bawah Akta Keselamatan. Saya tahu Yang Berhormat Menteri akan menyebut bahawa ini dimasukkan di bawah Akta Darurat Sabah, itu jawapan biasa Yang Berhormat yang pegawai tulis. Sekarang kita hendak dengar sekarang ini jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, komitmen, dengan izin, Perdana Menteri bahawa mereka akan gunakan akta ini untuk ESSCOM. Ini sebab dalam keadaan sekarang, polis terpaksa minta kebenaran untuk perintah berkurung tiap-tiap hari kerana kita bukan di bawah Akta Keselamatan yang membenarkan kita beroperasi dalam tempoh tertentu.

Keduanya NADMA. Saya setuju supaya NADMA ini ditingkatkan dan kita minta NADMA ada pegawai peringkat negeri. Tuan Pengerusi tahu dahulu bahawa yang uruskan bencana ini

MKN. Kita ada Pengarah MKN peringkat negeri. Bila kita serah kepada NADMA, NADMA tidak ada Pengarah NADMA peringkat negeri. Kita minta ada pegawai NADMA peringkat negeri dan kita minta APM yang menjadi sekretariat kepada Jawatankuasa Bencana dinaikkan taraf. Tidak mungkin dan tidak logik bahawa satu jabatan yang mempunyai 2 juta sukarelawan mempunyai anggota tetap 1,300 lebih begitu. Saya minta supaya dinaikkan anggota tetap dan supaya taraf pengarah negeri itu dinaikkan. Sekarang ini kebanyakan negeri hanya 44 ataupun satu atau dua 48. Kita minta dinaikkan 48 atau dengan 52 supaya dengan taraf pangkat yang ada itu mereka boleh melaksanakan tugas dengan lebih baik. Kemudian, kalau boleh Ketua Pengarah APMM ini dinaikkan. Sekarang ini Jusa 'C', saya minta dinaikkan kepada 'B' ataupun 'A'.

■1530

Hal ehwal undang-undang termasuk Peguam Negara. Saya telah timbulkan perkara 71(3) dan 71(4). Menteri tidak jawab. Masa saya, Tuan Pengerusi tahu saya masih berkerusi roda saya bercakap, Menteri tidak jawab. Menteri berjanji hendak jawab. Menteri tidak jawab. Hari ini saya timbul di bawah bajet. Menteri tidak jawab. Sekarang saya timbul di bawah JPM. Kalau menteri tidak jawab juga, saya terpaksa tidak ada pilihan meminta Menteri dipotong RM10 gaji sebab Menteri tidak hendak jawab.

Perkara 71(3) Perlembagaan Persekutuan, dengan terang menyebut bahawa mana-mana perlembagaan negeri yang melebihi Persekutuan. Menteri Penerangan akan setuju. Melebihi Persekutuan, Parlimen hendaklah pinda melalui Peguam Negara. Pinda supaya perlembagaan negeri tidak lebih daripada Perlembagaan Persekutuan. Ini perlembagaan negeri melebihi Perlembagaan Persekutuan. Contohnya Undang-undang Negeri Perlis 39(2) menyebut bahawa, Menteri Besar hendaklah dipilih daripada seorang yang mendapat sokongan majoriti. Perkara 39(4) Menteri Besar, Raja boleh memilih seorang Menteri Besar mengikut sesuka hatinya. Akan tetapi mesti mendapat sokongan majoriti. Perkara 39(6), Menteri Besar yang dipilih kalau tidak dapat sokongan majoriti dia kena berhenti.

Yang ini federal kena tengok sebab dalam undang-undang federal tidak menyebut Agong boleh memilih Perdana Menteri sesuka hati. Dia kena pilih seorang Perdana Menteri yang mendapat sokongan majoriti. Contohnya apa yang berlaku pada masa yang lepas kita tahu seorang Perdana Menteri lain hendak dipilih. Akan tetapi Perdana Menteri itu menyebut cadangan itu telah ditolak kerana semua PH bersetuju Perdana Menteri sekarang menjadi Perdana Menteri. Kita hendak perkara ini berlaku di peringkat negeri supaya undang-undang negeri tidak melebihi undang-undang Persekutuan.

Saya minta Menteri jawab. Kalau Menteri tidak mahu jawab pun Menteri kata akan diambil tindakan. Cukup puas hati saya. Kalau tidak saya orang kata mati dalam mata terbuka. Tidak puas hati dengan Yang Berhormat.

Orang Asli, saya Yang Berhormat Batu Kawan tadi, saya...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak apa. Saya akan berdoa Yang Berhormat Arau panjang umur. Tidak akan mati mata terbuka.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya juga berdoa semua kawan-kawan panjang umur ya. Tidak, bukan. Ini bahasa peribahasanya.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya faham.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mati mata tidak tertutup kerana tidak dijawab dan saya sedih. Saya telah dihukum dengan begitu teruk dari 2008, 2013, 2018 kerana undang-undang federal tidak memberi perlindungan kepada undang-undang negeri. Kalau hal ini berterusan tidak bagus, Yang Berhormat.

Kemudian, Orang Asli. Saya minta Yang Berhormat Batu Kawan walaupun dia kawan tetapi hari ini dia tidak bagi saya cakap. Tidak apa lah. Fasal Orang Asli, di antara masalah Orang Asli kerana pembalakan yang berlaku luar biasa. Tidak ada lagi hutan di negara ini. Haramkan balak. Yang Berhormat, dahulu yang minta haramkan balak ialah pihak pembangkang, masa kami kerajaan, kami laksanakan. Akan tetapi bila kita minta pihak kerajaan sekarang ini untuk mengharamkan balak, jawapan juga tidak dapat. Tolong bagi jawapan.

Balak sekarang ini Yang Berhormat tengok berapa banyak hutan yang ada. Tolak kelapa sawit dengan getah. Dia bukan hutan. Sebab apa bila kita buat kelapa sawit dengan getah, air akan mengalir lebih laju. Tujuan dia ada hutan ini ialah untuk membolehkan air diperlahankan. Haramkan balak untuk selamatkan Orang Asli.

Yang berikutnya ialah Parlimen. Tuan Pengerusi, sekarang Parlimen di seluruh Asia telah menubuhkan ICAPP, *International Conference of Asian Political Parties*. Semua sekali negara-negara Asia menghantar perwakilan tiap-tiap tiga tahun sekali persidangan-persidangan kecuali Parlimen Malaysia. Kita terpaksa belanja duit sendiri. Saya menjadi Pengerusi ICAPP Malaysia yang kawan-kawan DAP hadir, PKR hadir, semua parti-parti politik hadir tetapi kami terpaksa belanja sendiri. Padahal CPA dengan IPU dibelanja oleh Parlimen. Kita minta ICAPP ini di masuk sebagai jawatankuasa Parlimen kerana di tubuh oleh Parlimen-parlimen negara Asia.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Parit Sulong minta mencelah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kemudian fasal JPA.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Arau, saya ada hendak buat sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Belakang, belakang.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Belakang, saya dekat belakang Yang Berhormat Arau. Sekejap sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Habis sekejap lagi Yang Berhormat bercakap. Sekejap saya hendak habis ini sedikit sahaja. Saya tahu Yang Berhormat Parit Sulong anak buah saya.

Pekerja kontrak. Saya terima kasih Yang Berhormat Kapar.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ini sudah pindah tempat lain. Saya hendak cakap tadi. Hendak celah fasal yang CPA itu semua. Ada sedikit sahaja hendak betulkan, sedikit sahaja Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Kapar, saya sokong Yang Berhormat Kapar tadi supaya pekerja kontrak diambil balik. Yang Berhormat, kasihan. Banyak daripada mereka sudah berkahwin, sudah beranak, beli kereta. Sekarang dalam keadaan kesedihan yang luar biasa. Apakah bila kita menang kita melihat orang bersedih. Sepatutnya bila kita menang hendaklah kita bergembira dan bagi pengampunan dan apa-apa sahaja. Ini kita buang kerja. Bajet naik tapi pekerja kontrak dibuang kerja.

Saya minta supaya dipertimbangkan balik PLKN, JASA sebab mereka sesetengah daripadanya bekerja semasa Yang Amat Berhormat Langkawi jadi Perdana Menteri pada masa yang lepas.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Sekarang boleh tidak Yang Berhormat Arau? Ini bos saya yang pertama dahulu ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta saya hendak maklumkan bahawa kenaikan pangkat pegawai-pegawai PTD. Saya tidak setuju kata tiga tahun naik pangkat. Saya hendak bagi tahu ada pegawai PTD yang 10 tahun tidak naik pangkat dan hanya di tahap 44. Dalam masa yang sama kita lihat ada hukuman-hukuman kecil yang dibuat oleh pegawai-pegawai seolah-olahnya mereka ini PH, kamu Barisan. Dia hukum, padahal orang yang dihukum itu orang Barisan.

Sekarang dia mengaku jadi PH. Jadi kita lihat hukuman-hukuman kecil yang dibuat di peringkat pegawai, saya minta Menteri tolong lihat supaya jangan di biarkan ini berleluasa sebab orang yang menghukum itu lebih kepada perkara-perkara peribadi. Saya percaya Menteri-menteri tidak akan buat macam ini, sebab Menteri baik juga yang Menteri Agama yang cukup liberal.

Kemudian berikutnya fasal ICU. Saya ucap tahniah kepada Menteri Ekonomi yang telah dapat memberi jawapan yang baik dan menang Timbalan Presiden baru-baru ini. Sudah pasti dia ada masa hadapan. Jadi dengan itu bagi peruntukan Ahli Parlimen sama balik kepada Ahli Parlimen seperti yang saya sebut pada masa yang lepas kerana elaun Ahli Parlimen sama, peruntukan pun bagi sama. Saya percaya dia boleh berbuat demikian. Dia seorang yang baik.

JAKIM. Seperti kawan-kawan saya setuju supaya KP hendaklah dibagi Turus II, bukan Turus III. Tadi saya cakap Turus III. Turus II sama seperti IGP, KPPA dan juga angkatan tentera sebab kalau sekiranya mungkin hendak sebut sebuah kementerian mungkin lambat lagi. Naikkan taraf KP untuk membolehkan dia dihormati.

Saya juga minta supaya perkataan *Wahabbi*. Ini Tuan Pengerusi tidak pernah dengar ini. *Wahabbi*. Yang Berhormat, jangan lagi wujud perkataan *Wahabbi*. *Wahabbi* tidak ada. Yang ada di Malaysia adalah *Ahli Sunah Wal Jamaah*. Jadi dulu pernah disebut tentang perkataan *Wahabbi* dan sebagainya. Saya minta supaya perkataan *Wahabbi* tidak disebutkan lagi. Yang kita ada *Syiah*. Yang lain semua kita *Ahli Sunnah*. Saya sendiri kadang-kadang orang sebut *Wahabbi*. Saya *Ahli Sunah*. Menteri dulu pun orang sebut *Wahabbi*. Sekarang dia sunah sebenarnya. Dia bukan *Wahabbi*. Jadi saya minta perkataan *Wahabbi* itu tidak diadakan.

Akhir sekali fasal ICERD. Ya silakan Yang Berhormat Noraini nak cakap apa?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Masa sudah tamat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oh sudah tamat. Fasal ICERD

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Bagi laluan ke tidak? Tidak jadi ya?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Memang sudah tamat. Saya sudah bagi kelonggaran tiga minit.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Hendak bagi tidak?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Parit Sulong nanti saya akan bagi.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Saya sudah bercakap tadi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tak ada, nanti. Boleh sila menggulung.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, penggulungan yang akhir sekali fasal ICERD. Saya tidak mahu benda ini berterusan. Kita tidak mahu berlaku pencetusan perbezaan pendapat dan sebagainya. Yang Berhormat Jelutong, jangan sokong bawa rebah. Yang Berhormat Jelutong patut tampil ke hadapan sebagai orang yang nampak agak ekstremis sedikit, tampil ke hadapan bersama-sama kawan-kawan kita ini selamatkan negara kita daripada perpecahan kaum. Tidak boleh Yang Berhormat. Kalau kita hendak buat juga ICERD, Yang Berhormat tanya Menteri Penerangan.

Kita buat 153 kerana Perjanjian 1957 yang membenarkan Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan. Yang Berhormat buka Perlembagaan Persekutuan, Perkara 17- 17 itu dibuat kerana ada 153. Akan tetapi Perlembagaan Persekutuan- 17 telah dimansuhkan setahun selepas itu setelah kerajaan memberi warganegara kepada satu juta orang. Orang Melayu pada tahun 1955 ialah 84.4 peratus tetapi bila kita bagi Perkara 17- Perlembagaan, orang Melayu telah turun kepada 60 peratus, yang itu kita terima. Melayu- bumiputera terima.

Kenapa mesti diungkit lagi tentang ICERD? ICERD ini hendaklah dimatikan. Tidak boleh dilaksanakan di Malaysia sebab kita bukan ada dasar *Apartheid*, tetapi kita dasar memperjuangkan kaum-kaum yang lain. Malang sungguh orang Melayu- bumiputera di Malaysia. Bila memperjuangkan hak mereka dituduh rasis.

Akan tetapi orang lain yang memperjuangkan nasib kaum mereka, tidak dikatakan rasis. Kita tidak menentang peruntukan kepada kaum India. Yang Berhormat, malah kita bagi TEKUN khas untuk orang India. Yang Berhormat tidak sebut. TEKUN kepada orang India. Jadi kita tidak pernah kata rasis. Akan tetapi bila kita perjuangkan hak bumiputera, dikatakan rasis.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau pinjam lima minit, saya sudah bagi enam minit saya rasa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi saya ucap terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang membenarkan masa orang lain dibagi sedikit kepada saya.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Ucapan hari ini banyak 'duri dalam daging'.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian...

■1540

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong, selepas itu Yang Berhormat Bagan Serai.

3.40 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berterima kasih di atas kesempatan yang telah diberikan.

Saya merujuk kepada muka surat 93, Butiran 050200 – Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, di mana anggaran perbelanjaan pada tahun 2019 telah dinaikkan sedikit sahaja. Saya di sini ingin menyeru, kalau boleh, peruntukan ini dinaikkan banyak lagi kerana kita kena meneruskan dengan usaha untuk memastikan perpaduan di Malaysia terutamanya sejak kebelakangan ini. Saya di sini ingin menggesa supaya Jabatan Perdana Menteri menaikkan peruntukan, kalau boleh, untuk menyiarkan lagi program-program ataupun rencana-rencana yang dapat menjamin integrasi nasional, menjamin perpaduan di antara rakyat yang berbilang bangsa dan berbilang kaum.

Terutamanya sejak kebelakangan ini, di mana terdapat anasir-anasir yang cuba untuk mengganggu dan menggugat ketenteraman awam, memecahbelahkan rakyat Malaysia yang berbilang kaum seperti ucapan Yang Berhormat Arau tadi. Saya di sini amat tersinggung terutamanya dengan kerenah ahli-ahli politik di sebelah sana terutamanya, yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang tidak membantu dalam agenda integrasi nasional. Kita memang mempunyai pendapat yang berbeza, parti politik yang berbeza, tetapi janganlah sekali-kali cuba untuk mengungkit perkara-perkara yang boleh menyebabkan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini yang tinggal dengan aman dan sejahtera, berbilang kaum ini dengan merujuk kepada insiden-insiden yang lama.

Kita sebagai ahli politik perlu lebih matang. Kalau ingin berbicara tentang sesuatu isu, di mana Yang Berhormat tidak bersetuju, kita boleh cari medan yang lain, forum dan sebagainya di Parlimen. Akan tetapi, janganlah kita mengadakan perjumpaan-perjumpaan, perhimpunan-perhimpunan yang boleh memecahbelahkan di kawasan saya sendiri. Saya berdiri di sini sebagai Ahli Parlimen yang mewakili semua rakyat.

Jadi, saya terpanggil untuk benar-benar menyeru Jabatan Perdana Menteri untuk memberi peruntukan yang lebih untuk memastikan bahawa kita menjamin kesejahteraan, kemakmuran rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Mustahil untuk kita hidup satu kaum sahaja. Mustahil untuk kita meminggirkan sesiapa. Jadi saya di sini terpanggil...

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Sedikit...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Untuk merayu kepada Yang Berhormat di sebelah sana- Yang Berhormat Bukit Gelugor, sila. Saya bagi.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Jelutong berkenaan dengan apa yang ditimbulkan. Bukan sahaja dengan pihak sana atau mana-mana pihak tetapi pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini yang membangkitkan isu-isu yang boleh memecahbelahkan rakyat dan sebagainya. Isu-isu perkauman, *racist comment and so on*, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Jelutong juga merupakan seorang peguam. Adakah Yang Berhormat Jelutong berpendapat bahawa kita memerlukan undang-undang yang baharu yang progresif untuk menangani masalah *racism* ini, masalah *interracial disharmony*, di mana pada peringkat sekarang, kita atau negara ini tidak mempunyai undang-undang yang ketat dan tegas untuk menangani masalah ini? Apakah pandangan Yang Berhormat Jelutong berkenaan perkara ini? Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya bersetuju dengan...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sedikit Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Cadangan Yang Berhormat.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Minta sedikit. Ada kaitan dengan soalan tadi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan bentang. Saya akan beri peluang. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kita memerlukan satu undang-undang yang dapat mengawal selia, yang memastikan bahawa perpaduan di antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini sentiasa terjamin. Saya tidak mahu bermain politik di sini, tetapi kalau saya mengeluarkan kenyataan, di sebelah sana akan tersinggung. Akan tetapi, kita lihat kenyataan-kenyataan yang berbaur hasutan, yang berbaur perkauman yang boleh memecahbelahkan rakyat Malaysia sentiasa dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Mengapa berbuat begitu? Itu adalah pertanyaan saya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Jelutong, siapa itu ya?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin meneruskan, Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh sebut nama siapa?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya merujuk kepada...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong, minta laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Perkara kedua.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Mohon minta laluan. Saya sedikit saja, ada kaitan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak bagi. Minta maaf.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya rasa Yang Berhormat Jelutong jangan rambang. Saya tidak pernah rasis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan teruskan. Saya tidak bagi peluang, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya manusia yang tidak pernah-Yang Berhormat Jelutong, mana...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Wakil rakyat mana?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Senang saja. Siapa makan cili, dia rasa pedas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak menuju kepada mana-mana. Sila teruskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, di sini...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak boleh. Mesti mahu *kasi* tahu. Itu *general* punya...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya merujuk kepada satu lagi subjek iaitu...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Jelutong, saya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Di muka surat 95...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya mohon sebab ada kaitan dengan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Maafkan saya, saya tak bagi.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: ...Topik yang ditimbulkan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Maafkan saya, saya tidak cukup masa. Maafkan saya... *[Disampuk]* Butiran 16000. Ini adalah berkenaan dengan kawasan saya juga. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Saya memohon kalau boleh peruntukan ditambah kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia di Pulau Pinang kerana saya berterima kasih kepada mereka kerana sentiasa membantu saya apabila berlakunya pasca banjir di kawasan Jelutong. Kakitangan Angkatan Pertahanan Awam sentiasa membantu dan saya menyeru kalau boleh, Tuan Pengerusi, satu pejabat dan juga bekalan-bekalan yang lebih canggih seperti bot dan sebagainya disediakan bagi mengatasi dan melaksanakan tugas di kawasan Jelutong terutamanya apabila berlakunya banjir di kawasan itu.

Isu terakhir yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Ini adalah isu yang begitu penting di mana bagi Butiran 020000 – Operasi untuk tujuan siasatan dan perisikan, saya ingin tanya sama ada pihak SPRM akan menyediakan peruntukan ini untuk siasatan dan perisikan untuk mencari wang negara yang dicuri oleh pemimpin-pemimpin negara yang disimpan di luar negara?

Baru-baru ini Perdana Menteri kita telah menyeru Yang Berhormat Pekan, kalau ada wang yang disogok, yang disimpan, yang dicuri, yang disimpan di luar negara, boleh dibawa kembali kepada Malaysia. Kita ingin tanya, kalau peruntukan ini boleh digunakan untuk menyiasat kalau ada apa-apa dana kepunyaan rakyat Malaysia, wang rakyat Malaysia yang telah dicuri oleh pemimpin-pemimpin daripada kerajaan dahulu terutamanya Yang Berhormat Pekan dan Yang Berhormat Bagan Datuk untuk mencari dan membawa balik dana itu yang menjadi kepunyaan rakyat Malaysia balik ke Malaysia.

Saya juga ingin di sini menyeru seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Kawan tadi, dana itu digunakan juga bagi tujuan mencari Jho Low kerana kenyataan Yang Berhormat Pekan pada hari ini dalam satu media sosial semasa temu ramah diadakan *Sinar Harian*, beliau mendakwa bahawa beliau mengakui sekarang bahawa beliau telah pun ditipu oleh Jho Low. Apakah penjelasan ini sudah cukup terang bahawa rakyat Malaysia sehingga hari ini telah ditipu oleh Yang Berhormat Pekan, di mana wang kepunyaan rakyat Malaysia telah disalurkan keluar negara melalui satu projek yang kita kenali dengan nama 1MDB? Apakah penjelasan Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana sekarang? Bolehkah kita memberi penjelasan di atas perkara ini?

Sehingga hari ini, perkara ini cuba ditutup. Ada pihak-pihak yang cuba menafikan perkara ini. Sekarang Yang Berhormat Pekan telah mengakui bahawa memang benar kerajaan dahulu telah ditipu oleh Jho Low. Wang kepunyaan rakyat telah diambil oleh Jho Low. Saya di sini ingin menyeru pihak SPRM untuk menggunakan peruntukan yang ada untuk mencari Jho Low, di mana sahaja beliau berada, menahan beliau dan bawa beliau balik ke Malaysia.

Pertanyaan Yang Berhormat Kinabatangan tadi, saya beri penjelasan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenyataan yang dibuat yang boleh memecahbelahkan rakyat Malaysia dibuat oleh Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Bagan Datuk. Yang Berhormat...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa itu kenyataan, Tuan Pengerusi?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebentar, sebentar, Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak. Kenyataan apa? Pasir Salak buat kenyataan apa yang dikatakan jadi masalah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Lima kali Bersih macam mana?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kelmarin dalam...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Lima kali Bersih macam mana?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kelmarin...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Pengerusi, saya hendak minta...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Kita pun hadapi lima kali Bersih lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Secara spesifik, apa kenyataannya?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya bagi tahu sekarang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa dia?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat mengadakan perhimpunan-perhimpunan di luar Dewan yang mengatakan bahawa kerajaan sekarang menidakkan hak orang Melayu. Itu tidak betul.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Lima kali Bersih macam mana?

■1550

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kelmarin Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sama sahaja lima kali Bersih.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila menggulung.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kelmarin di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Pasir Salak telah mengugut Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa yang diugut?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Mengatakan bahawa kalau Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan ICERD, orang Melayu di sana akan datang akan mengugut beliau.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu tidak *racist*. Itu betul. Saya akan ulangi, itu betul.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenyataan-kenyataan ini boleh memecahbelahkan masyarakat Malaysia.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan saya sahaja, berjuta lagi di sana.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Itu ingatan, itu ingatan supaya tidak terjadi.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah tamat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Semua orang Melayu boikot kecuali yang sebelah sana.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Kita tidak mahu jadi...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila tamatkan perbahasan Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua saya ingin tamatkan perbahasan saya dengan mengucapkan ribuan terima kasih...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada masalah

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Dan saya ingin Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Semua orang Melayu itu yang sudah...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Suara. Politik takut hendak bersuara...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Ahli-ahli Yang Berhormat setakat ini seramai 15 orang mengikut rekod saya. Seramai 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa di bawah JPM. Di mana ada seramai empat orang Menteri akan menggulung nanti. Saya tetapkan pada pukul 4.30 petang, Yang Berhormat Menteri mula menggulung, sila bersiap sedia.

Sekarang ini saya menjemput Yang Berhormat Bagan Serai dan selepas itu Yang Berhormat Padang Serai, dua-dua pun serai.

3.51 ptg.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Serai wangi. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan berbahas B.6, Butiran 020400 Angkatan Pertahanan Awam. Ini berkaitan khusus di kawasan Bagan Serai. Ini kerana Bagan Serai ini satu kawasan yang selalu dilanda banjir. Kita lihat dalam setahun tiga kali hingga empat kali banjir. Apabila sudah kering semua, nanti apabila banjir datang lagi, hendak pindahkan rumah, hendak pindahkan ternakan, pindahkan kucing, pindahkan macam-macam. Inilah amalan tahunan orang-orang Bagan Serai di kawasan yang lembah ini. Ini kerana ada tasik, hujan yang lebat, air pasang besar dan sebagainya.

Jadi, Tuan Pengerusi yang menjadi *frontline* adalah mereka ini lah daripada APM ini. Mereka inilah orang yang pertama akan pergi, bertungkus-lumus untuk masak, untuk jaga petugas, untuk jaga makanan, mereka inilah orang-orang yang penting. Saya hendak mengucapkan terima kasih banyak kepada APM khususnya di kawasan Bagan Serai yang saya cakap ini. Saya minta sangat kerajaan memperkasakan bajet untuk membantu mereka.

Ini kerana apabila saya pergi melawat kawasan pemindahan banjir dan sebagainya, kadang-kadang saya tengok kelengkapan tidak cukup. Alat-alat dapur masak tidak berapa bagus, tidak cukup, pinggan mangkuk tidak cukup dan mereka juga tidak ada pejabat yang baik. Saya pergi melawat pejabat mereka, pejabat yang teruk, terpaksa tumpang sini dan sana, panas, tidak

ada *air conditioner*. Kemudahan-kemudahan yang patut kita bagi. Sebab apa? Mereka inilah yang saya katakan umpamanya pahlawan yang kurang didendangkan. Kali pertama jadi bencana APM dahulu, jadi apa-apa APM dahulu.

Saya minta sangat kerajaan melihat elaun yang mereka terima dari tahun 2011 dan tahun 2012 hanya RM6 sejam sehingga sekarang. Kalau boleh dapat dinaikkan sedikitlah, jadi RM8 atau RM10, bukan sebab kita hendak bayar sukarelawan ini. Di Bagan Serai ada sukarelawan lebih kurang hampir 90 orang hingga 100 orang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Bagan Serai, boleh mencelah?

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya difahamkan bekas Timbalan Perdana Menteri pada 11 Mac 2018 mengumumkan yang elaun Angkatan Pertahanan Awam ini daripada RM6 sejam dinaikkan kepada RM8 sejam. Untuk pegawai RM7.80 sejam kepada RM9 sejam. Ada seramai 2.1 juta orang anggota sukarelawan dan saya harap kerajaan boleh meneruskan apa yang telah diumumkan kenaikan elaun itu. Terima kasih.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Ini memang bagus, kita harap benda ini dilaksanakan. Saya beritahu tadi contohnya pegawai yang ada 1,000 orang, sukarelawan ada seramai sejuta orang. Jadi hendak jaga pun tidak cukup, perlu lagi ditingkatkan lagi bilangan mereka dalam pegawai yang tetap.

Saya hendak minta kerajaan lihat mereka yang sudah lama menjadi sukarelawan. Apakah kiranya kalau dapat dilantik mereka sebagai pegawai kontrak untuk dua tahun hingga tiga tahun umpamanya. Jadi adalah peluang bagi mereka untuk mendapat pendapatan sedikit. Bagi mereka yang umpamanya sudah lama, boleh diserapkan kepada jawatan yang tetap.

Jadi ini bukan apa Tuan Pengerusi, memberikan semangat, hati itu sudah ada hendak menolong, hati sudah suka hendak menolong. Kalau banjir saya tengok pakai uniform cantik dan datang. Apalah kiranya kita bagi mereka lebih semangat dan keseronokan untuk membuat kebaikan ini. Jadi, justeru inilah saya melihat ada lebih kurang 100 orang sukarelawan, kalau di daerah Kerian ataupun di Bagan Serai yang ada hari ini.

Perkara kedua Tuan Pengerusi, B.6 Butiran 050200 Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). Saya ingin merujuk kepada rukun tetangga. Saya sebelum ini pun seorang doktor dan juga saya terlibat dengan rukun tetangga. Menjadi pengerusi rukun tetangga dan pengerusi penyelaras rukun tetangga. Jadi saya lihat ini perkara yang penting. Hari ini kita setiap hari bercakap tentang perpaduan, ada yang kata ini boleh jadi perpecahan, ini boleh jadi perpaduan. Kita ini ahli wakil rakyat sepatutnya menjadi contoh, ini perkara yang penting kita lihat hari ini. Oleh sebab itu saya minta kerajaan menaikkan lagi bajet, memperkasakan lagi rukun tetangga. Memperkasakan lagi, tambahkan lagi.

Saya hendak tahu bagaimana kawasan rukun tetangga ditentukan. Adakah mengikut taman-taman? Taman pun berselerak sekarang ini, taman banyak tidak macam dahulu lagi. Bagaimana hendak tentukan kawasan-kawasan rukun tetangga? Satu kawasan rukun tetangga

berapa ribu orang penduduk sebenarnya? Kita hendak tahu, adakah rukun tetangga ini penilaian kecemerlangan rukun tetangga. Saya tidak setuju kalau dengan aktiviti sahaja. Aktiviti penting, tetapi berapa bilangan mengikut kaum dalam itu kerana ini yang kita hendak. Kalau kata perpaduan itu kita hendak ada orang Melayu, Cina dan India. Ini kaum yang majoriti. Bagi macam saya kata tadi bagi semangat, bukan kita hendak bayar. Pengerusi rukun tetangga ini jadi pengerusi 20 tahun, orang tidak mahu ambil, daripada rambut hitam, jadi rambut putih, ada yang tidak ada rambut. Daripada ada gigi, sampai tidak ada gigi.

Jadi saya minta kalau dapat kerajaan bagi sedikit pengiktirafan, bagilah pingat apa-apa, bagi seronok, bagi semangat pada ramai lagi yang lain dapat mengambil bahagian. Saya sudah lama jadi pengerusi, saya lihat ada yang sanggup bagi derma tetapi tidak sanggup *joint* jadi ahli jawatankuasa. Jadi, maka wujudlah satu rukun tetangga itu orang Cina sahaja, satu rukun tetangga itu orang Melayu sahaja. Bagi saya ini bukan kejayaan sebab kejayaan ini perpaduan. Perpaduan ini patut ditunjukkan, diterjemahkan di bawah sana dan kita juga di sini.

Oleh sebab itu hari ini saya minta sangat kerajaan melihat, bagi elaun, fikirlah bagaimana hendak bagi elaun, perkara ini penting. Kalau kita kata perpaduan ini penting, berapa banyak kita bagi pada perpaduan? Berapa banyak kita bagi masa pada perpaduan? Berapa banyak peruntukan kita bagi pada perpaduan? Kita lihat pada hari ini, perbincangan demi perbincangan seolah-olah hendak menghuru-harakan dan sebagainya. Ini kita hendak rujuk balik. *Go back down to the basic*, dengan izin. Pergi kepada *basic* balik perpaduan dan rukun tetangga. Sejak daripada 1975, dahulu ada fasa kita buat kerana keselamatan dan keadilan dan kita ada model transformasi perpaduan ini, rukun tetangga hari ini.

Jadi, saya haraplah kerajaan melihat, bagi macam saya katakan tadi bagi kekuatan kepada rukun tetangga untuk buat program. Saya hendak tanya kerajaan, sejak ditubuhkan ataupun dalam lima tahun lepas, berapa banyak rukun tetangga telah tutup kerana tidak ada aktiviti? Ini pun ada ini, saya dengar. Ada rukun tetangga terpaksa ditutup kerana tidak ada aktiviti, tidak ada duit atau orang tidak minat. Bagaimana kita hendak bagi rakyat Malaysia minat kepada program-program aktiviti yang berunsurkan perpaduan. Ini kerana perpaduanlah nanti negara jadi baik, ekonomi jadi baik dan semua akan jadi baik. Kalau hilang perpaduan, kita lihat di luar sana, apabila hilang perpaduan, kita hendak mementingkan diri sendiri, kita lihat benda-benda ini akan jadi.

Oleh sebab itu kita lihat Tuan Pengerusi, dalam...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sikit, laluan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh mencelah sedikit Tuan Pengerusi?

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Silakan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kawan lama. Sebenarnya masalah perpaduan ini tidak ada masalah di peringkat kampung, peringkat bawah. Hubungan orang Melayu dengan Cina dan India okey apa? Yang menjadi masalah ini di mana? Kita ini orang politik, kita hendak dapat sokongan daripada sesuatu kaum, kita gunakan isu ini. Di bawah

sana, jangan ada siapa menafikan bahawa di akar umbi, di kampung, di bandar-bandar kecil, kita pergi, kita boleh macam adik-beradik. Boleh tidur, baring di rumah kawan kita yang bukan Islam dan yang Islam. Kita beli barang di kedai Cina, orang Cina beli barang di kedai kita. Saya tidak dengar masalah di kampung yang bergaduh kerana masalah perkauman.

■1600

Kampung mana? Bagi tahu. Tidak ada. Ini masalah yang kita ini, kita- semualah di sebelah sana pun ada. Sebelah sini pun ada. Saya tidak menyalahkan sebelah sana sahaja. Kita hendak sokongan daripada kaum Melayu, kita *dok* kempen anti Cina. Kita hendak dapat sokong Cina, kita kempen anti-Melayu. Inilah jadinya. Jadi, peruntukan JKKK... [Disampuk]

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. *Time*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Peruntukan ini, dulu-dulu tidak ada ini pun. Rukun Tetangga.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jadi, inilah. Terima kasih pada Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Pengerusi: Ya. Silakan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Di mana yang saya katakan pada awal lagi tadi. Sebab apa? Bagaimana kita hendak menunjukkan kita sebagai Ahli Wakil Rakyat umpamanya. Baru-baru ini kita ada buat kita punya *Parliamentarian Federation for World Peace* (PFWP). Banyak Ahli-ahli Parlimen yang lama- wakil rakyat yang lama tahu tentang perkara ini.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Bagan Serai boleh?

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kita buat ini supaya kita dapat sama-sama. Kita dalam Dewan ini pun tidak dapat sama-sama. Duduk dah tempat-tempat yang lain-lain. Kita jarang bersebang. Lepas itu, kita bangun, kita berkecai semua.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kubang Kerian

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian minta laluan sedikit.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jadi, ini program. Program ini untuk membawa Ahli-ahli Parlimen untuk *World Peace*, untuk *peace tour*. Kita akan pergi ke Korea. Saya sudah cakap berapa kali dah. Saya harap Ahli Parlimen ambil berat tentang perkara ini.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Minta laluan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Satu minggu kita keluar, kita muzakarah. Kita berbincang. Kita dapat eratkan silaturahim antara kita maka wujudlah kasih sayang. Kalau kita boleh tunjukkan contoh, maka rakyat di bawah sana akan ikut kita. Akan tetapi, kalau kita turun cakap tentang perpecahan, rakyat sana akan jadi susah.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey, minta laluan.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Rakyat sana nanti akan berperang. Kita dekat sini lepas keluar Dewan, pergi minum kopi sama. Ini yang maksud saya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Kubang Kerian itu hendak bertanya. Bagilah peluang.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sedikit sahaja.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi. Minta maaf. Masa saya sangat pendek.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Minta sikit sangat. Sikit.

Tuan Pengerusi: Tinggal empat saat sahaja.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Isu ini isu besar. Di mana yang saya fikir kita kena bincang bersama.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, kecuali Tuan Pengerusi bagi saya seminit dua lagi.

Tuan Pengerusi: Seminit.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Dia bagi seminit.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Okey. *Please*.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Isu besar perpaduan kita ialah integrasi nasional di peringkat bawahan. Pembentukan perkampungan kita mewarisi apa yang ditinggalkan oleh penjajah di mana yang menyebabkan walaupun kita wujud Rukun Tetangga, kenapa tidak ada orang Cina. Ini adalah sebab memang perkampungan adalah perkampungan Melayu. Cina dengan masyarakat Cina dia. India dengan masyarakat India menyebabkan tidak ada integrasi di peringkat pembentukan bawahan.

Saya fikir kita perlu merancang kepada suatu mekanisme baharu. Masa depan negara kita bagaimana integrasi dapat diwujudkan di peringkat bawahan hingga pengenalan kaum tidak lagi berada pada situasi yang diwarisi oleh penjajah. Saya fikir hendak minta komen daripada soal perlunya Akta Hasutan itu dikekalkan bagi menjamin keharmonian negara. Ada usaha hendak hapuskan Akta Hasutan. Saya cukup bimbang bahawa penghapusan ini mendorong kepada golongan yang mengambil kesempatan untuk menimbulkan suasana ketegangan kaum dalam negara kita. Minta komen sikit.

Tuan Pengerusi: Seminit ya.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebab itulah saya bagi tahu dari awal tadi. Mungkin saya setuju dengan Yang Berhormat Kubang Kerian tadi. Mungkin kita perlu buat- mungkin kena tengok balik. Kena tengok balik platform Rukun Tetangga ini. Adakah platform Rukun Tetangga yang wujud sejak 1975 gagal untuk menyatupadukan rakyat Malaysia. Adakah begitu? Sehingga jadi macam ini.

Jadi, mungkin kena lihat balik formulanya, kena lihat balik bagaimana. Supaya kita dapat menyatupadukan. Supaya antara kita dia tidak boleh fikir macam ini. Kita tidak boleh fikir, ini Cina, ini India, ini Melayu. Jadi, kita jadi susah. Susah dan ingat, kita ini di sini sebagai penggubal undang-undang, kita menjadi contoh kepada rakyat di bawah sana.

Justeru itu Tuan Pengerusi, saya sekali lagi hendak bagi tahu hendak mengingatkan kerajaan bahawa tentang APM dan juga perpaduan ini tadi bagi lah semangat pada mereka. Ini kerana ia sukarela. APM sukarela. Rukun Tetangga sukarela. Mana ada bayaran. Bagi semangat, fikir macam mana hendak bagi orang seronok- rasa seronok hendak ambil bahagian dalam perkara ini. Maka, wujudlah perpaduan. *Insyah-Allah*.

Tuan Pengerusi: Seminit sudah habis.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Sekarang saya menjemput. Padang Serai. Silakan.

4.04 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Steady* Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Saya ingin sentuhkan berkaitan dengan pentadbiran di kerajaan terutama sekali di kerajaan ini kita masih mendapat- masih mengikut cara lama. Apabila kita menghadiri ke sesuatu jabatan kerajaan kita dapati cara layanan dan juga masih tidak begitu memuaskan. Saya berharap pihak kerajaan ubahkanlah. Bukan semua sekali, segelintir yang masih lagi terikut-ikut cara dahulu. Okey.

Selain daripada itu juga, sekiranya kita buat sesuatu panggil daripada Kedah dan sebagainya, susah sangat hendak menghubungi ke jabatan-jabatan yang berkenaan. Apabila kita panggil telefon berjawab, semua talian sedang digunakan. Semua talian- sejam lagi kita panggil itulah jawapan-jawapan kita dapat. Bagaimanalah kalau kita rasa macam itu.? Bagaimanakah rakyat biasa apabila dia hendak menghubungi ke satu-satu jabatan, dia hendak dapatkan maklumat-maklumat yang penting? Saya rasa ini perlu diperbaiki di jabatan-jabatan kerajaan.

Selain daripada itu juga, saya ingin mencadangkan, meminta pada pihak Kerajaan Pakatan Harapan selesaikanlah masalah-masalah surat beranak bagi anak-anak kita yang lahir di Malaysia. Banyak masalah-masalah kita menghadapi pada masa sekarang. Terdapat ramai kanak-kanak yang tidak punyai surat beranak dan sebagainya. Apabila mereka hendak lanjutkan pelajaran ke tingkat atas daripada sekolah rendah ke sekolah menengah, jadi satu masalah dan sebagainya.

Sekiranya kita lihat. Kalau sekiranya seorang anak itu tidak ada surat beranak, tidak ada kenal, kalau mereka- anak itu langgar kereta dan meninggal. Apakah identiti kita yang akan gunakan? Adakah dia seorang Islam? Adakah dia seorang Hindu? Adakah dia seorang Buddha dan sebagainya atau Kristian. Kita tidak tahu. So, haruslah perkara-perkara ini harus diselesaikan di peringkat awal.

Seterusnya, saya ubah kepada tentera. Saya masih lagi tidak rasa berapa- tentera. So, saya rasa masih lagi pihak kerajaan tidak ambil berat tentang bekas-bekas tentera yang pencen dahulu.

Tuan Pengerusi: Butiran.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Okey. Okey.

Tuan Pengerusi: Soalan butiran.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Okey. Selain daripada itu juga, di kawasan saya lampu-lampu jalan perlulah dipasang. Memandangkan jalan-jalan di waktu malam adalah gelap.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi. Ini peringkat jawatankuasa Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Okey. Okey. Selain itu juga, saya ingin membagi tahu pihak Jabatan Perdana Menteri, silalah hapuskan samsu.

Tuan Pengerusi: Butiran itu tidak masuk lagi kan? *[Ketawa]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Okey. Selain daripada itu juga. Berkenaan dengan ICERD pada tempoh hari, ada satu hebohan di Dewan mulia ini. Apa saya minta sebelum membuat satu-satu di Dewan mulia ini haruslah memberi penerangan terperinci. Kita tidak mahu kelahi satu sama lain. Contohnya, semasa kita dalam bersama dengan perang dengan komunis. Kita sama-sama, kita tidak kira orang Melayu, kita tidak kira orang Cina dan kita tidak kira siapa. Hanya kita kira negara kita, musuh kita adalah komunis. Itu sahaja kita pandang. So, masa itu kita bersatu. Kita bermasak sekali. Kita makan sekali. Itulah menunjukkan keeratan perhubungan antara satu sama lain. Akan tetapi, apabila berlaku di sini satu-satu mereka hebohkan dan juga tunjuk perasaan di luar. Rasa sedih negara begitu aman. Janganlah kita sendiri ludahkan bangsa kita. Kita mestilah harmoni. Kita bersatu. Kita berganding bahu.

Tujuan alasan kita adalah memajukan negara kita. Kita jadi contoh pada generasi-generasi akan datang. Itulah harus dipupukkan. So, kita pandangkan apabila kita... *[Suara kurang jelas]* sikit kita akan heboh. Kita akan turunkan seribu orang, dua ribu orang di jalan raya dan sebagainya. Itu bukan cara dia. Cara dia haruslah kita mendidik kan, kita selesaikan satu-satu masalah di Dewan yang mulia ini supaya di sana kita wakil semua bangsa, bukan kita wakil untuk satu bangsa sahaja. Kita wakil untuk semua bangsa di Dewan yang mulia ini.

So, kita haruslah kita beri contoh dan selesaikan di sini. Bukan di jalan-jalan raya dan sebagainya. Apabila kita tunjuk begitu, bagaimana pandangan-pandangan daripada orang-orang datang dari luar negeri? Apakah terletak terhadap kita? Bagaimana pandangan mereka pada kita? Kita haruslah lihat. So, saya berharap, perkara-perkara ini tidak diulangi dan sebagainya. Marilah kita berganding bahu. Marilah kita duduk sama. Marilah kita bincang dan kita selesaikan masalah-masalah ini.

Di samping itu juga, saya rasa di kawasan Parlimen haruslah dikemaskan. Saya rasa nanti kata ini bukan dalam semua. Pagar-pagar di jalan itu karat. Perlu dicatkan sebab ramai yang daripada luar datang ke kawasan kita dan mereka akan lihat bagaimanakah satu kawasan itu berada. So, saya berharap pihak di Parlimen ini tentukan pagar-pagar itu dicat. Saya rasa

sedih, apalah ini Parlimen pun macam ini kah? Apa lagi kawasan kita lagi. So, saya berharap diselesaikan. Itu sahaja daripada saya. Terima kasih.

■1610

Tuan Pengerusi: Terima kasih, laluan...

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey minta Kubang Kerian.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Pengerusi.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya minta Kubang Kerian.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Beaufort.

Tuan Pengerusi: Saya bagi dulu. Saya lihat tadi saya bagi Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Hendak mencelahkah atau hendak?

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Dia sudah habis.

Tuan Pengerusi: Saya ingat hendak mencelah. Yang Berhormat Beaufort *last* sekali.

Sekarang saya memanggil Yang Berhormat Kota Tinggi. Silakan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ada lagi Tuan Pengerusi ?

Tuan Pengerusi: Ya?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Selepas Yang Berhormat Kota Tinggi, Rasah.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan lagi.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Bukit Bendera juga.

Tuan Pengerusi: Tidak, saya ikut *list* ini. Yang Berhormat Kota Tinggi dulu.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya Tuan Pengerusi ?

Tuan Pengerusi: Ya.

4.11 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya cuma ada tiga perkara sahaja. Saya ingin merujuk kepada Butiran 01100 bagi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Saya setuju dengan pandangan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Batu Kawan tadi berkaitan dengan peruntukan yang sepatutnya ditambah bukan dikurangkan bagi Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Dalam Bajet 2019 ini Tuan Pengerusi, sepatutnya bajet ini bukan sahaja merujuk kepada usaha untuk tingkatkan pendapatan, program pembangunan masyarakat Orang Asli, bantuan pendidikan, latihan dan sebagainya. Akan tetapi, saya perhatikan dekat dalam itu perkara yang berkaitan dengan perumahan, rumah PPRT tidak disebutkan. Perumahan ini adalah perkara yang paling asas Tuan Pengerusi dalam usaha kita untuk tingkatkan lagi kualiti kehidupan masyarakat Orang Asli.

Maka kerana itu Tuan Pengerusi, saya mengharapkan hah, ini Menteri pun ada boleh mengambil pertimbangan untuk melihat kepada permohonan masyarakat Orang Asli di kampung Selangi Kota Tinggi dalam kawasan saya. Satu-satunya kaum Kanaq yang ada dalam dunia ini

Yang Berhormat Menteri. Ada 86 orang sahaja dan supaya dapat dilihat kepada membina rumah baru rumah PPRT yang sedia ada yang tidak selamat untuk diduduki. Kedua ialah untuk baik pulih rumah-rumah sedia ada. Ada lebih kurang sebanyak 10 unit, bina baru dalam dua unit.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, saya juga mengharapkan selain daripada memberikan peruntukan kepada pembinaan lebih banyak lagi rumah-rumah PPRT yang baru dan baik pulih rumah-rumah PPRT yang sedia ada yang berada dalam kondisi yang tidak sebaiknya untuk diduduki oleh masyarakat Orang-orang Asli. Mungkin boleh dimasukkan juga peruntukan bagi membina perumahan PPRT bagi generasi kedua.

Kalau Yang Berhormat Menteri turun ke kampung Orang Asli contohnya di kampung Orang Asli saya sahajalah Selangi. Saya ada satu sahaja kampung Orang Asli. Anak-beranak dengan mak bapa duduk dalam satu rumah. Satu rumah sampai tiga, empat kelamin duduk kerana anak-anak generasi kedua, anak-anak mereka yang sudah berkahwin tidak ada rumah, jadi duduk dengan mak bapak dalam rumah PPRT.

Jadi yang ini saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat mengambil perhatian terutama kepada pembinaan dua rumah PPRT dan baik pulih 10 rumah PPRT di kampung Orang Asli Selangi.

Saya harap Tuan Pengerusi dalam Bajet 2019 ini, bajet kerajaan baharu yang saban kali dikatakan ini adalah pilihan rakyat, kerajaan baharu dan bila ia kerajaan baharu Tuan Pengerusi, kita harap supaya apa juga yang menjadi kebaikan kepada rakyat secara umumnya yang menerima kehadiran kerajaan baharu. Jadi dapat disambungkan, dapat diteruskan projek-projek yang telah pun diumumkan oleh kerajaan yang lalu.

Sebagai contoh Tuan Pengerusi, pembinaan masjid ini saya harap Yang Berhormat Menteri akan ambil maklum untuk laksanakan pembinaan Masjid Al-Firdaus di Gugusan FELDA Lok Heng. Sudah diumumkan pelaksanaan melalui ICU sebanyak RM3.5 juta. Surat sudah pun diterima oleh JKR tapi sudah dibatalkan bertarikh pada 31 Julai 2018. Jadi saya harap dan saya hendakkan supaya Yang Berhormat Menteri buktikan kerajaan baharu pilihan rakyat, kerajaan yang akan menjadikan apa juga janji-janji bagi kesejahteraan rakyat ditunaikan. Saya minta supaya masjid ini akan dapat diteruskan. Jumlah penduduk-penduduk yang menggunakan masjid ini seramai 9,000 orang yang melibatkan tiga rancangan FELDA Lok Heng Barat, Lok Heng Timur, dan Lok Heng Selatan.

Seterusnya, juga projek yang telah dibatalkan iaitu projek di bawah butiran— saya pun tidak tahu hendak letak bawah butiran mana, projek khas kah Butiran 93500 atau Projek Mesra Rakyat di bawah Butiran 93600. Saya pun tidak tahu butiran mana kerana tidak ada penjelasan yang berkaitan dengan butiran itu.

Jadi jalan ini Tuan Pengerusi di Kampung Sedili Besar telah juga diumumkan oleh mantan Perdana Menteri dan telah pun dibatalkan selepas kerajaan baharu pimpinan Pakatan Harapan mengambil alih. Jadi saya harap projek jalan Kampung Sedili Besar yang bernilai RM2 juta yang telah diumumkan oleh mantan Perdana Menteri ini untuk kebaikan dan pembangunan

kampung yang ada dapat diteruskan dalam usaha untuk menterjemahkan Bajet 2019 ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi, itu sahaja yang mohon dinyatakan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Mohon pencelahan Yang Berhormat Kota Tinggi?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Sudah duduk sudah.

Tuan Pengerusi: Cukup masa terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Bendera.

4.15 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Lima minit Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Boleh. Boleh. Saya merujuk kepada Butiran 030900 – Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. Tuan Pengerusi, pada bulan Julai terdapat laporan bahawa sembilan agensi akan melapor terus kepada Parlimen. Antara lain SPRM, Suruhanjaya Pilihan Raya, Jabatan Audit, SUHAKAM, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pelantikan Kehakiman, Perkhidmatan Pelajaran dan juga Pejabat Pendakwaan Raya Negeri untuk fungsi pendakwaan.

Akan tetapi, saya hanya nampak tujuh sahaja dalam kandungan. Oleh itu, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman masih di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia tidak ada dalam kandungan mungkin tertimbun dalam mana-mana kementerian. Oleh itu, saya meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan satu *update* tentang laporan tersebut sama ada sembilan agensi masih melaporkan kepada Parlimen ataupun apa status terkini berkenaan dengan sembilan agensi ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian terhadap Jabatan Audit Negara kerana Jabatan Audit Negara merupakan satu jabatan yang begitu penting. Jabatan Audit Negara dengan Ketua Audit Negara sebagai satu *supreme audit institution*, jabatan yang begitu penting. Terdapat anggaran tahun 2019 Butiran 10000 anggaran tahun 2019 terdapat *reduction* ataupun pengurangan dari segi pengurangan RM1 juta dari segi emolumen. Pada anggaran tahun 2019 ialah RM122 juta tetapi 2018 tahun itu RM123 juta. Pengurangan RM1 juta. Oleh itu saya barangkali ingin meminta penjelasan sama ada emolumen itu merupakan satu *downsize* ataupun satu *outsourc*e kepada pihak-pihak ketiga.

Butiran 020300 – Audit Tadbir Urus, Jabatan Audit Negara. Terdapat juga pengurangan tahun 2019 berbanding 2018 iaitu pengurangan sebanyak RM800,000. Saya dapati bahawa audit tadbir urus ini penting kerana merupakan satu unit untuk mengaudit GLC Kerajaan Persekutuan. Saya rasa tambahan *resources* perlu diberi kerana banyak laporan-laporan tentang GLC kerajaan sebelum ini yang menghadapi masalah sama ada 1MDB, sama ada tentang FELDA, sama ada *National Feedlot Corporation*, dan sebagainya. Semua adalah GLC. Oleh itu saya meminta supaya audit tadbir urus ini diberikan satu tambahan dari segi sumber.

Saya juga ingin membangkitkan Tuan Pengerusi terhadap Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Butiran 020500 – Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan terdapat pengurangan lebih kurang RM3.5 juta dari segi emolumennya. Saya meminta supaya kerana saya dapati bahawa bilangan jawatan masih sama tetapi terdapat pengurangan dari segi emolument yang sebanyak RM3.5 juta.

Agensi NADMA ini penting kerana menguruskan ataupun mengkoordinasi urusan penyelamatan dan sebelum ini banyak juga membantu bukan sahaja di kawasan seluruh negara.

■1620

Saya juga ingin membangkitkan Butiran 020400 tentang Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Saya mendapati bahawa ada peningkatan. Ini adalah satu tanda bagus kerana Angkatan Pertahanan Awam memainkan peranan penting apabila urusan insiden-insiden bencana, antara lain banjir dan sebagainya. Tambahan *recourses* ini dapat membayar elaun tambahan kepada Angkatan Pertahanan Awam kita.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bukti Bendera.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah, Rasah.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kubang Kerian.

4.20 ptg.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Boleh dalam masa lima minit?

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya ringkaskan, *insya-Allah*. Saya hendak merujuk kepada beberapa butiran sahaja. Pertama sekali berhubung dengan Butiran 06900 di bawah Membina Pejabat dan Perumahan SPRM. Kalau kita lihat laporan ini pada tahun 2018, sebanyak RM11,107,000 diperuntukkan. Apa yang mengejutkan kita ialah untuk peruntukan tahun 2019, masih lagi diperuntukkan sebanyak RM10 juta. Saya ingin hendak mendapat penjelasan, apakah masalah perumahan SPRM ini? Tidak mungkin tahun lepas kita peruntuk RM11 juta, tiba-tiba tahun ini kita peruntuk pula RM10 juta. Apakah kerana dia ada tambahan perumahan baharu dan sebagainya?

Kedua, Butiran 11800 berhubung dengan Pembangunan Mahkamah Syariah. Saya mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk menyelaraskan undang-undang syariah di Malaysia. Cuma, ada satu aspek mungkin perlu juga dilihat iaitu sejauh mana perjalanan Mahkamah Syariah ini menepati dengan syariah. Kita tahu bahawa sebahagian undang-undang yang berjalan di Mahkamah Syariah ini tidak menepati tuntutan syariah. Sebagai contoh dalam kes minum arak, kalau kita rujuk kepada al-Quran atau hadis, dia tidak boleh— bukan enam sebatan ya. Demikian juga peruntukan-peruntukan lain.

Saya mohon supaya perkara ini dapat dilihat supaya wujudnya— bila kita nama Mahkamah Syariah itu, dia betul-betul berjalan mengikut kehendak syarak berdasarkan dalil yang jelas ya.

Ketiga, saya rujuk kepada Butiran 93000 – Projek-projek Kecil. Saya terkejut dengan peruntukan yang diberi pada kali ini sebab pengurangannya terlalu besar sedangkan kalau kita lihat, hasrat besar rakyat dengan perubahan ini ialah memberi peruntukan yang banyak kepada golongan bawahan, B40. Akan tetapi bila kita lihat kepada projek-projek kecil ini, pengurangan sebanyak RM212 juta berbanding tahun lepas dan ini satu pengurangan yang sangat besar, yang tidak sepatut berlaku dalam konteks kita memberi keutamaan kepada projek-projek kecil ini.

Tuan Pengerusi, saya juga merujuk kepada satu lagi Butiran 93600 – Projek Mesra Rakyat. Juga pengurangan yang sangat besar sebanyak RM505 juta berbanding peruntukan tahun lepas. Sedangkan ini di antara perkara-perkara yang perlu diberi perhatian. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh beri penjelasan berhubung dengan kenapa terlalu besar pengurangan yang dibuat.

Sehubungan dengan itu juga, ada isu-isu yang berbangkit iaitu dalam laporan kali ini kita tidak tahu di mana peruntukan kepada PERMATA yang sebelum ini ada peruntukan. Apakah dia disalurkan ke bawah Kementerian Pendidikan ataupun sebagainya? Atau peruntukan itu terus dihapuskan? Sekiranya dihapuskan, bagaimana mekanisme pelajar-pelajar yang sedang belajar di bawah kendalian PERMATA sebelum ini?

Sehubungan dengan itu, saya juga mohon supaya kerajaan juga menimbang semula tentang penerusan program j-QAF. Untuk makluman, j-QAF ini dahulu diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Akan tetapi sayangnya, dia diserapkan terus dan akhirnya hilang daripada sistem pendidikan negara.

Berdepan dengan masalah besar, sebahagian besar di kalangan anak orang Islam yang perlu memahami— dan saya fikir bahawa kerajaan balik semula kepada program asal. Sebab, j-QAF ini pada asalnya ia diperkenalkan di peringkat sekolah rendah dan dia disambung sampai peringkat sekolah menengah sampai Tingkatan 3. Tiba-tiba hari ini kita sudah tidak dengar lagi peruntukan ataupun pendidikan j-QAF.

Sama juga dengan isu Syiah dalam negara kita. Saya ingin mendapat penjelasan berhubung perkara ini sebab kita perlu membuat kawalan yang serius berhubung dengan pengembangan ataupun aliran pemikiran Syiah yang dibawa masuk ke negara kita, sebab ini boleh mencetuskan suasana yang tidak harmoni. Sama juga baru ini kita dihebohkan dengan penyebaran *Bible* di sekolah, kemudian di tempat awam dan sebagainya. Ini menimbulkan reaksi yang tidak baik di bawah dan saya fikir pihak kerajaan perlu membuat kawalan kepada perkara tersebut.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah di bawah Butiran 96000 iaitu Pengurusan Aset dan Bangunan Jabatan Perdana Menteri. Ini pun satu perkara yang besar ya. Sebagai contoh, dalam tahun lepas, peruntukan sebanyak RM7 juta diperuntukkan. Tiba-tiba tahun ini RM363 juta. Peningkatan RM356 juta. Saya fikir pengurusan aset dan bangunan JPM ini benda yang standard

sahaja. Kalau sekiranya pun ada tambahan, tidak mungkin sampai bertambah RM356 juta berbanding tahun lepas. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apa sebenarnya di sebalik peruntukan besar yang ditambah?

Tuan Pengerusi, saya fikir itu sahaja. Terima kasih, *Assalamualaikum*.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Kluang. Lima minit ya.

4.25 ptg.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kluang pada petang ini cuma ada empat butiran hendak sentuh sahaja iaitu yang pertama sekali, Kluang ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini kepada Maksud Perbekalan P.6 Butiran 010400 iaitu Bahagian Pengurusan Hartanah.

Dalam perbahasan tadi, ramai yang sentuh tentang isu perpaduan. Rasanya isu perpaduan itu yang paling hangat dan paling penting sekarang. Akan tetapi, apa masalah di luar sana sebenarnya yang dihadapi oleh rakyat Malaysia? Sebenarnya ekonomi yang paling penting. Lihatlah kepada sempadan Malaysia di antara Johor Bahru dan Singapura. Setiap hari 300 ribu rakyat Malaysia, rakyat marhaen yang ulang-alik antara dua negara untuk dapat gaji yang cukup, untuk dapat duit yang cukup untuk keluarga mereka. Sesak lalu lintas yang dihadapi oleh mereka.

Itu adalah isu yang benar dan yang serius perlu kita tangani pada hari ini. Kenapa saya sentuh isu ini dalam bahagian ini? Ini kerana di dua-dua Kompleks Kastam dan Imigresen kita iaitu Bangunan Sultan Ismail dan Kompleks Sultan Abu Bakar, ada isu selenggaraan infrastruktur. Dalam Bangunan Sultan Ismail (BSI) itu untuk *first link* untuk bandar Johor Bahru, eskalator sering kali rosak. Hampir setiap bulan ada kerosakan eskalator. Bukan sahaja dekat BSI, tetapi juga untuk Linkedua, Kompleks Sultan Abu Bakar, sistem M-BIKE kita.

Walaupun sistem M-BIKE dapat RM10 juta dalam belanjawan tahun depan untuk menaik taraf, tetapi masalah itu bukan masalah sistem M-BIKE. Akan tetapi, dekat bahagian M-BIKE itu, bumbung yang tidak dapat *cover* sistem M-BIKE yang mahal kita iaitu setiap kali hujan lebat, sistem M-BIKE yang mahal kita dibasahkan. Jadi akhirnya rosak. Kerajaan terpaksa keluarkan duit lagi untuk menaik taraf sistem M-BIKE.

Akan tetapi ini salah siapa? Itu bukan salah Kementerian Kewangan atau Kementerian Dalam Negeri. Akan tetapi semua ini, bangunan ini, dua-dua bangunan Kompleks Sultan Abu Bakar di Linkedua dan Bangunan Sultan Ismail sebenarnya di bawah Bahagian Pengurusan Hartanah di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Saya mintalah, kalau boleh, untuk tahun depan kita cuba rancangkan untuk menaik taraf dua-dua bangunan ini dan keluarkan ruang yang lebih besar untuk naik taraf, bukan sahaja sistem M-BIKE dan juga ruang yang cukup bagi pegawai-pegawai yang bertugas di kedua-dua bangunan ini, tetapi juga kalau boleh menubuhkan satu *border agency*, dengan izin, seperti contoh ICA di Singapura dan *Department of Immigration and Border Protection* di Australia untuk ada satu agensi bersepadu yang mengawal sempadan negara kita.

Tiga lagi Butiran yang Kluang hendak sebut, sentuh di sini adalah Maksud Bekalan 7 Butiran 040700 – *MyWIN Academy Berhad* (MyWIN). *MyWIN Academy Berhad* ini tidak dapat apa-apa bajet untuk tahun depan tapi pada tahun 2018, *MyWIN Academy Berhad* dapat RM2.5 juta dan juga pada tahun 2016 dan 2017, *MyWIN Academy Berhad* ini dapat RM2 juta iaitu jumlahnya RM6.5 juta dalam tiga tahun. Akan tetapi, apa hasilnya yang akhirnya projek ini diputuskan untuk dihentikan?

Saya hendak tahu, apa hasil dan apa pencapaian sudah dihasilkan oleh projek ini? Ini kerana saya dapati bahawa *MyWIN Academy Berhad* ini sebenarnya, kalau ikut *website* mereka, ialah hendak memperdayakan golongan wanita. Kita pun sudah membelanjakan sebanyak RM6.5 juta dan *co-founder* mereka adalah Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil yang juga Presiden untuk *MyWIN Academy Berhad* ini. Saya tidak tahu hasil itu golongan wanita yang diperdayakan atau lembu yang lebih banyak. Saya minta Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab untuk menjawab.

■1630

Sama juga dengan Butiran 040600 dan Butiran 040500. Kedua-dua program yang telah diputuskan iaitu *Razak School of Government* dan juga program pencarian bakat. Program pencarian bakat ini dibekalkan dengan RM500 Tahun 2018 dan tahun hadapan akan dihentikan. Apakah pencapaian yang sudah dicapai oleh ketiga-tiga program ini? Kalau ada, sila dedahkan dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Beaufort.

4.30 ptg.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Akhirnya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyentuh beberapa butiran sahaja. Pertama ialah Maksud B.5 dan B.7 Butiran 020000 – Pengambilan. Ini adalah berkaitan dengan dasar satu peratus pengambilan OKU dalam perkhidmatan awam. Untuk membolehkan dasar satu peratus ini dicapai, perlu satu bahagian - Saya cadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri supaya satu bahagian khas diwujudkan sekurang-kurangnya dengan pegawai-pegawai dan kakitangan yang mencukupi yang mesra OKU. Ini supaya membolehkan urusan pengambilan OKU ke dalam perkhidmatan awam teratur, selaras dan menepati kehendak dasar satu peratus tersebut, yang mana kita semua tahu pada masa kini baru sampai kepada 0.29 peratus sahaja. Oleh sebab itu mengikut WHO, bahawa setiap sebuah negara itu mempunyai 15 peratus OKU. Tuan Pengerusi, ini adalah perjuangan yang belum selesai lagi yang perlu kita laksanakan bagi membolehkan para OKU kita yang sudah pun mempunyai pelajaran dan berkebolehan untuk memberikan perkhidmatan kepada negara dan juga kepada masyarakat diambil untuk bekerja dan mencapai sasaran dasar yang telah ditentukan itu.

Butiran 04801 dan Butiran 93500 berkenaan dengan pembinaan masjid dan surau. Saya ingin bertanya di sini berkaitan dengan pembinaan masjid dan surau di kawasan saya.

Bagaimanakah dengan kedudukan pembinaan Masjid Menumbok yang telah pun diluluskan, tetapi kini saya difahamkan telah dibatalkan? Selain itu juga, status bangunan baharu Sekolah Agama Kampung Limbawang yang juga telah diluluskan tetapi belum dimulakan dan mungkin juga telah dibatalkan. Begitu juga dengan Masjid Kampung Muhibbah yang telah dimulakan pembinaannya, tetapi sekarang ini nampaknya terhenti dan difahamkan bahawa kontraktornya tidak dibayar.

Saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 11800 – Pembangunan Mahkamah Syariah. Pertamanya ialah saya ingin mencadangkan di sini bagi memastikan Mahkamah Syariah dalam negara kita ini akan menjadi lebih baik lagi sama dengan Mahkamah Sivil, maka diwujudkan lima hierarki di Mahkamah Syariah. Kedua, mewujudkan satu Majlis Guaman Syariah Diraja dalam negara kita Malaysia supaya dapat membantu untuk memartabatkan lagi peguam syariah kita di negara ini dengan menyelaraskan mereka di seluruh negara ini.

Di samping itu, saya juga ingin menyentuh tentang Maksud B.1 – Parlimen, Butiran 20000 dan Butiran 010000. Saya mengalu-alukan tindakan dan hasrat untuk mereformasi Parlimen dan mewujudkan *Select Committee* di Parlimen ini. Akan tetapi dalam masa yang sama juga, saya ingin mencadangkan di sini, nampaknya kemudahan untuk Ahli-ahli Parlimen adalah tidak mencukupi walaupun kita ada *lounge* untuk kita minum dan makan, tetapi kita juga perlu tempat di mana Ahli-ahli Parlimen ini boleh duduk untuk membuat kerja-kerja, membuat kajian dan sebagainya. Ini nampaknya saya difahamkan masih belum ada lagi. Jadi kalau kita mahu mencapai sebuah Parlimen yang bertaraf dunia, maka tiba masanya ada tempat untuk kami Ahli-ahli Parlimen duduk membuat kajian dan membuat kerja-kerja kami supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab di dalam Dewan Parlimen ini dengan sebaik mungkin. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *[Bangun]*

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Akhir sekali Yang Berhormat Labuan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tuan Pengerusi, lima minit.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rasah?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Siapa lagi yang tertinggal?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Kampar mahu bahas juga kalau boleh.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Saya terus...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tiga minit, tiga minit. Kampar mahu bahas juga boleh? Satu isu sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kampar, Yang Berhormat Rasah...

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Pasir Gudang.

Tuan Pengerusi: Dan Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Labis.

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Ini sudah beranak-anak ya? Ya, lima minit seorang boleh ya?

Beberapa Ahli: Ya, boleh.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Kampar juga mahu bahas kalau boleh.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Okey...

Tuan Pengerusi: Nanti saya – Yang Berhormat Kampar, Yang Berhormat Pasir Gudang...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Labis, Labis.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lembah Pantai datang lewat ya.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Maaf.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rasah...

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Labis.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Kampar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kampar sudah masuk ya.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Harap dapat pertimbangkan Lembah Pantai Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dua puluh, Yang Berhormat Lembah Pantai. Jadi, Yang Berhormat Kampar, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Lembah Pantai? Selepas Yang Berhormat Labuan ya. Lima minit seorang. Okey, terima kasih.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Labis? Labis?

Tuan Pengerusi: Ini terakhir ya. Silakan Yang Berhormat Labuan.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Labis? Labis ada Labis?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Labis? Saya tidak nampak Yang Berhormat Labis.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Dua minit, dua minit.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Labis dua minit. Itu sahaja ya? Ditutup ya. Ya, silakan Yang Berhormat Labuan.

4.36 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya teruskan sahaja kepada Butiran 040200 – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Butiran 040300 – Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Daripada dua agensi ini, di Labuan kita sudah ada projek pembuatan ataupun penggantian masjid baharu Kampung Sungai Lada, Kampung Ganggarak dan Kampung Tanjung Aru. Selain daripada itu, Masjid An-Nur untuk

pembaikan, Kampung Patau-Patau masjid baharu, Surau Kampung Durian Tunjung, Kampung Belukut dan juga menaiktarafkan Surau Nurul Islam di bandar. Saya mohon jawapan mengenai status projek-projek ini dan mohon ia diteruskan.

Untuk Butiran 050100 – Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP). Projek litar lumba di Kiam Sam, Labuan yang bernilai RM7 juta mohon diteruskan. Ia adalah satu projek yang sangat penting. Labuan dengan keadaan ekonomi yang agak merudum sekarang ini, kita mahu membangunkan sektor pelancongan yang mana temanya di Labuan ini lebih kepada *extreme sport* ataupun sukan bermotor, maka litar lumba yang pertama di Borneo ini perlu diteruskan. Begitu juga dengan projek ICU untuk *kiosk*, bengkel, gerai makan dan bantuan bot yang mana ia telah diluluskan sebanyak RM3.9 juta disebabkan keadaan *oil and gas* yang jatuh, menyebabkan ramai pekerja-pekerja anak Labuan kehilangan pekerjaan. Projek ini adalah untuk menangani ataupun mengurangkan tekanan di Labuan. Saya harap ia akan dapat diteruskan. Saya mohon ia diteruskan.

Untuk Exco Tanah Wilayah Persekutuan Labuan, saya ingat ini adalah jatuh di dalam Butiran 010400. Saya mohon wakil Pengerusi Perbadanan Labuan yang baru diberi – Beliau akan dapat duduk turut serta di dalam Mesyuarat Exco Tanah Wilayah Persekutuan Labuan. Ini sangat penting disebabkan banyak isu-isu sensitif mengenai tanah di Labuan yang mana kita memerlukan wakil yang memahami aspirasi rakyat Labuan, keadaan di Labuan turut serta di dalam mesyuarat tersebut. Pada masa ini, cuma Ketua Pegawai Eksekutif sahaja yang duduk dan beliau adalah pegawai kerajaan yang baru datang ke Labuan dua tahun dan selepas itu tukar lagi. Kita perlukan seorang yang datang daripada masyarakat Labuan itu sendiri.

■1640

Selain itu, 020100 – MKN. Di Labuan, kita ada penempatan MKN untuk pemegang IMM13 keadaannya sangat teruk. Saya berharap ini dapat diberikan perhatian sebab sekarang ini banyak isu-isu termasuklah *possibility* untuk berlakunya wabak penyakit disebabkan keadaan mereka yang sangat teruk, tandas tidak ada dan sebagainya. Itu sahaja daripada Labuan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Sekarang Yang Berhormat Kampar, dua minit.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkitkan satu isu sahaja tentang Angkatan Pertahanan Awam Malaysia di bawah Butiran 020400 dan 16000 di bawah Pembangunan. Saya dapat lihat ada memang ada peningkatan anggaran perbelanjaan, tetapi apa yang saya hendak tahu rasional kenapa dari segi anggota Angkatan Pertahanan Awam ini yang bertugas dikurangkan seperti di Kampar, daripada 11 orang satu *shift* kepada lima orang satu *shift*. Ini adalah memang memudaratkan dari segi menjalankan tugas-tugas mereka kerana lima *shift* seperti di kawasan Kampar pada setiap masa memang adalah tidak mencukupi. Kami faham tentang kekangan kewangan tetapi untuk kawasan seperti Kampar, mereka memang memerlukan anggota untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna.

Apa yang saya difahamkan bahawa mereka hanya dibayar RM6 satu jam dan semua mereka adalah secara sukarela, bukan di atas kontrak ataupun di bawah mana-mana perkhidmatan. Jadi adalah amat penting untuk kami menjaga kebajikan mereka sekiranya kami hendak boleh *revert back* dengan izin, *to policy* yang lama di mana seperti Kampar memang kita memerlukan 11 orang anggota petugas setiap *shift*. Apa yang lebih penting adalah kawasan seperti Kampar juga meliputi sesetengah bahagian Batu Gajah yang mana tiada pejabat JPAM ataupun anggota JPAM di kawasan Batu Gajah.

Jadi mereka kadang-kadang seperti minggu yang lalu di mana terdapat banjir kilat berlaku mereka juga meliputi kawasan sesetengah di kawasan Batu Gajah. Jadi sekiranya lima orang sahaja untuk bekerja pada setiap *shift*, memang adalah tidak mencukupi dan saya berharap pihak kerajaan akan mempertimbangkan semula tentang polisi baharu ini yang mana kebanyakan mereka ini adalah secara sukarela dan kalau lima *shift* sahaja mereka tidak dapat menampung keluarga mereka dengan pendapatan RM6 satu jam.

Jadi, apakah kita sudi untuk mengkaji semula bayaran mereka RM6 satu jam sehingga mungkin RM8 atau RM9 satu jam untuk mereka dan *shift-shift* mereka jangan kita kurangkan lagi sebab kalau tidak ada *shift*, mereka tidak dapat menjana pendapatan untuk menampung keluarga mereka yang bergantung kepada pendapatan daripada pekerja sukarela di JPAM ini.

Jadi apa yang saya hendak bangkitkan di sini memang sejak bulan Ogos ini hingga Oktober terdapat tunggakan pembayaran elaun-elaun mereka. Walaupun terdapat tunggakan tersebut, tetapi mereka masih terus bertugas dan berkhidmat tanpa bayaran sehingga bulan Oktober baru-baru ini mereka telah pun dapat pembayaran mereka.

Jadi saya dapat lihat dari segi keperluan, memang JPAM ini anggota mereka telah memainkan satu peranan yang penting dari segi keselamatan terutamanya di waktu bencana yang berlaku dan pada musim tengkujuh yang akan datang hujung tahun ini memang banyak banjir kilat ataupun bencana-bencana lain ribut petir akan berlaku. Jadi dari segi kelengkapan mereka juga adalah amat berkurangan sebab mereka tiada elaun ataupun peruntukan untuk membaiki kenderaan-kenderaan mereka yang telah lama dan mereka masih mengguna pakai apa yang ada.

Jadi adalah penting untuk kita menjaga keperluan-keperluan seperti ini agar moral mereka untuk berkhidmat terus berkhidmat adalah sentiasanya tinggi dan mereka – walaupun dengan RM6 sejam mereka telah sudi bekerja bertungkus-lumus kadang-kadang sehingga larut malam menjaga mangsa-mangsa banjir, mereka perlu kerja dengan begitu keras lagi. Jadi kita perlulah untuk menjaga kebajikan mereka. Jadi saya harap adalah kerajaan melihat semula polisi yang mana telah mengurangkan *shift* seperti di Kampar ini, kembalikan *shift* 11 orang anggota petugas setiap masa agar mereka dapat berfungsi dengan sempurna. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kampar. Seterusnya Yang Berhormat Pasir Gudang.

4.44 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan jika sempat tiga butiran. Yang pertama ialah muka surat 93, Butiran 050300 – Jabatan Kemajuan Orang Asli. Perkara ini saya bangkitkan kerana saya ingin mengutarakan masalah Orang Asli di kawasan saya di Kuala Masai berkenaan satu kes dan ini bukan subjudis iaitu ada 49 orang Orang Asli kaum Seletah berasal daripada Setulang Laut, Johor Bahru. Tanah yang mereka duduki telah diambil alih oleh kerajaan negeri dan mereka dipindahkan ke Kampung Kuala Masai. 49 Orang Asli ini telah membawahkan kes ini ke mahkamah dan Mahkamah Tinggi Johor Bahru telah membuat keputusan pada tahun 2010, lapan tahun yang lalu memihak kepada masyarakat Orang Asli ini iaitu pampasan hendaklah diberi.

Akan tetapi lapan tahun sampai sekarang, pampasan pengambilan tanah yang tidak sah itu yang diputuskan oleh mahkamah itu, mereka ini tidak dapat lagi pampasan itu. Oleh itu yang ingin dijelaskan di sini ada tiga orang defendan yang dituntut. Pertama, Pengarah Tanah dan Galian Johor, yang kedua Majlis Perbandaran Johor Bahru dan yang ketiga Ketua Pengarah Hal Ehwal Orang Asli. Jadi saya berharap kepada Jabatan Perdana Menteri yang sekarang menjaga Jabatan Kemajuan Orang Asli ini supaya memberi perhatian isu ini. Sebab mereka ini golongan yang terpinggir yang lemah mereka pergi mahkamah, mahkamah sudah putuskan memihak kepada Orang Asli ini tetapi sampai sekarang tidak dapat sudah lapan tahun. Takkanlah Orang Asli ini hendak buat satu prosiding *contempt court* kepada kerajaan. Jadi ini pertimbangan kepada kerajaan yang baharu.

Kedua, Tuan Pengerusi muka surat 92 Butiran 030900 - Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman. Secara ringkas saya ingin mengutarakan iaitu masalah kurang hakim, khususnya di Mahkamah Tinggi Muar yang biasanya ada dua orang hakim, seorang Hakim Mahkamah Tinggi Sivil, seorang Hakim Mahkamah Tinggi Jenayah. Akan tetapi sekarang Hakim Mahkamah Sivil tidak ada, terpaksa Hakim Mahkamah Tinggi daripada Melaka berkongsi datang ke Muar dan saya rasa perkara ini perlu diatasi.

Satu lagi butiran yang terakhir muka surat 91 ialah 030000 – Pengurusan Kehakiman dan Perundangan. Saya ingin mengemukakan ialah masalah Mahkamah Sivil di Johor Bahru. Sekarang sudah bertahun-tahun menumpang, menyewa di Menara MSC Cyberport kerana bangunan mahkamah di Jalan Dato Onn dan Jalan Air Molek itu sudah khusus kepada Mahkamah Jenayah. Saya difahamkan sama ada betul atau tidak minta kepastian, dengar cerita sudah ada tanah di Kota Iskandar, di Iskandar Puteri, di Nusajaya di sana tanah untuk dibangunkan Kompleks Mahkamah Johor Bahru tetapi kalau ikut betul, kenapa sampai sekarang tidak dibina dan ertinya sampai bilakah Mahkamah Sivil di Johor Bahru ini hendak menumpang di bangunan orang lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekarang Yang Berhormat Rasah.

4.49 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana peluang yang diberikan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan jawatankuasa untuk JPM. Perkara pertama yang saya hendak sentuh adalah di bawah maksud Bekalan 9 iaitu di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, di bawah Butiran 010200 di bawah Kewangan, Akaun dan pembangunan, di bawah Emolumen. Saya mendapati walaupun bilangan jawatannya kekal pada 45, tetapi anggaran untuk tahun 2019 berkurangan daripada tahun sebelum itu lebih RM18 juta kepada RM1.8 juta sahaja. Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak JPM kenapa berlaku pengurangan yang begitu mendadak iaitu kurang kepada 90 peratus berbanding tahun sebelumnya walaupun bilangan jawatan adalah sama.

■1650

Perkara kedua di bawah Maksud Bekalan 9 juga iaitu di bawah Operasi, Butiran 020100 – Siasatan dan Butiran 020200 – Perisikan. Saya nampak ada penambahan yang agak banyak iaitu khasnya untuk siasatan di mana melibatkan penambahan tujuh ataupun lapan kali peruntukan berbanding dengan tahun sebelumnya. Apakah ini menunjukkan bahawa fokus yang sangat mendalam, fokus khas akan diberikan terhadap siasatan kes-kes yang melibatkan 1MDB dan sebagainya? Saya mohon penjelasan berkenaan dengan perkara ini.

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan Tuan Pengerusi adalah berkenaan dengan Maksud Bekalan 8 di bawah Jabatan Peguam Negara. Saya mendapati di bawah Pengurusan iaitu Butiran 010200, di mana bilangan jawatan adalah kekal sama iaitu 377, jawatan tiada penambahan. Akan tetapi anggaran pada tahun 2019 adalah lebih kurang 25 peratus berbanding dengan tahun sebelum ini. Jadi, kalau berlaku emolumen kenaikan yang begitu mendadak dalam masa setahun sahaja ada kenaikan sebanyak 25 peratus, saya rasa satu penjelasan perlu diberikan supaya rakyat faham kenapa berlaku perkara ini.

Perkara ketiga yang saya hendak bangkitkan Tuan Pengerusi adalah berkenaan dengan Maksud Bekalan 6 iaitu di bawah Jabatan Perdana Menteri, khasnya di bawah Butiran 050100 – Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP). Berbanding RM418 juta yang diperuntukkan pada tahun 2018 tetapi tahun 2019 hanya RM324 juta sahaja yang diperuntukkan. Jadi terdapat pengurangan lebih daripada 20 peratus. Saya hendak tanya, apakah sebab ataupun kenapa berlaku pengurangan sebegini?

Apakah tujuannya di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap ini yang berjumlah RM324,866,000 ini? Apakah ia berkenaan dengan peruntukan kawasan untuk setiap Ahli Parlimen kerajaan? Bagaimana agihannya untuk setiap Ahli Parlimen kerajaan? Bukan setakat jumlah peruntukan untuk setiap Ahli Parlimen tetapi bagaimana dengan agihan pecahannya yang akan diberikan. Supaya kami sebagai Ahli Parlimen di sebelah kerajaan tahu bagaimana hendak mengagihkan peruntukan yang diberikan untuk disalurkan demi kesejahteraan, kepentingan dan kebajikan rakyat di kawasan masing-masing.

Tuan Pengerusi, perkara terakhir yang saya hendak sentuh pada petang ini adalah berkenaan dengan Maksud Bekalan 4 di bawah Suruhanjaya Pilihan Raya di bawah Butiran

010400 – Pejabat Pilihan Raya Negeri. Saya mendapati bahawa di bawah perkhidmatan dan bekalan, anggaran pada tahun 2019 bertambah kepada lebih RM6 juta berbanding dengan RM2 juta tahun sebelumnya. Padahal kita menjangkakan tiada PRU pada tahun depan. Jadi, kenapa peruntukan untuk pejabat pilihan raya negeri bertambah dengan begitu mendadak?

Perkara terakhir yang saya hendak tanya di bawah maksud yang sama iaitu di bawah Butiran 010100 – Pengurusan. Saya mendapati bahawa emolumen perkhidmatan dan bekalannya berkurangan begitu mendadak sekali iaitu masing-masing daripada RM14 juta kepada RM7 juta dan RM320 juta kepada RM10 juta sahaja. Jadi saya hendak tanya, apakah berlaku pembuangan ataupun penyingkiran kakitangan kontrak? Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang Yang Berhormat Lembah Pantai.

4.54 ptg.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 1 – Parlimen. Di bawah Butiran 010200 – Pengurusan Dewan. Saya ingin bertanya, apakah boleh kita wujudkan satu *recycling centre* memandangkan kita ada banyak kertas-kertas yang di-*print*, yang diedarkan dan akhirnya masuk ke dalam tong sampah. Saya rasa ini adalah satu perkara yang perlu diwujudkan untuk memastikan kita membudayakan kitar semula bukan sahaja di Malaysia tetapi kita bermula di Parlimen.

Kedua, saya memohon agar diusahakan satu pusat pengarkiban ataupun pusat yang boleh mengumpul sejarah bangunan Parlimen ini sendiri. Banyak daripada kita tidak mengetahui, sebagai contoh, kita ada satu *crest* daripada Queen Elizabeth yang ada pada sudut luar di atas jalan masuk Diraja. Di situ ada satu *crest* yang mana daripada British High Commission pun mereka tidak tahu bila masa *crest* ini dibawa, jata ini dibawa dan dilekatkan di bangunan Parlimen. Jadi saya mohon ini dipertimbangkan.

Ketiga, berkaitan dengan Butiran 010100 – Pentadbiran Am. Saya ingin memohon mendapatkan maklumat sama ada emolumen terutama untuk *overtime* bagi para pekerja, staf-staf di Parlimen termasuk bentara-bentara. Adakah dari segi *overtime* semua ini mencukupi? Jika tidak, saya harap boleh diberikan pertimbangan agar mereka yang berkhidmat demi rakyat mendapat sedikit emolumen ataupun pertambahan dari segi *overtime*, dari segi itu.

Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 4 – Suruhanjaya Pilihan Raya. Khususnya Butiran 030100 – Program Belah Bagi Bahagian Pilihan Raya, yang mohon RM1.021 juta bagi tahun 2019. Saya ingin bertanya, apakah prinsip yang akan diguna pakai memandangkan banyak daripada kawasan Parlimen kami mengandungi jumlah pengundi yang agak berbeza, agak besar dan agak ketara.

Sebagai contoh di Lembah Pantai mempunyai lebih kurang 80,000 pengundi tetapi di Damansara sejumlah 150,000 pengundi. Apakah prinsip yang akan diguna pakai?

Memandangkan tidak lama lagi pihak kerajaan akan berusaha untuk menurunkan had umur minimum undi ke 18 tahun, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memastikan orang ramai memahami mengapa kita mengusahakan perkara ini?

Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 6 – Jabatan Perdana Menteri. Khususnya Butiran 020500 – Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang menyaksikan penurunan jumlah peruntukan sebanyak hampir RM6 juta daripada RM21.6 juta menjadi RM15.3 juta. Adakah ini satu langkah yang memadai? Adakah ini satu langkah yang wajar memandangkan kita bakal menghadapi musim tengkujuh? Apakah perancangan kita untuk tahun hadapan? Adakah ia mencukupi?

Saya ingin menyentuh juga Maksud Bekalan 7 – Jabatan Perkhidmatan Awam. Khususnya Butiran 030300 – Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Apakah program-program yang akan dilaksanakan oleh INTAN bagi tahun hadapan? Memandangkan ada peningkatan sebanyak RM3 juta. Khususnya untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan dan disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkait dengan mutu perkhidmatan awam.

Saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan— maaf. Saya kembali kepada Maksud Bekalan 6 di bawah Jabatan Perdana Menteri. Di bawah Butiran 040300 – Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Saya ingin memohon agar dipertimbangkan elaun KAFA bagi guru-guru KAFA dipertingkatkan dan juga dari segi menyelesaikan masalah guru-guru yang bekerja sebagai kontrak di sekolah-sekolah rendah agama. Agar mereka dijadikan daripada kontrak kepada guru-guru yang *permanent*, dengan izin.

Juga saya ingin memohon bagi Butiran 040400 – Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Saya mendapati bahawa mungkin Mufti Wilayah Persekutuan merupakan antara mufti-mufti amat dihormati dalam media sosial dan oleh anak muda. Saya harap boleh dipertingkatkan lagi program daripada pejabat mufti untuk memastikan lebih ramai warga Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan yang dapat manfaat daripada ilmu beliau.

Saya juga ingin menyentuh Maksud Bekalan 9 – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Khususnya Butiran 010800 – SPRM Negeri. Saya mohon diberikan perincian. Sehingga kini, sehingga suku ketiga tahun 2018, apakah statistik yang boleh diberikan dari segi jumlah siasatan yang telah dibuat dan berapa banyak yang telah dibawa ke mahkamah? Berapa banyak yang telah berjaya dihadapkan atau dikenakan hukuman? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Akhir sekali, Yang Berhormat Labis. Silakan.

4.59 ptg.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya merujuk kepada satu perkara sahaja iaitu Maksud Bekalan 6 – Jabatan Perdana Menteri, di bawah Butiran 020300 – Penyelidikan, yang melibatkan anggaran peruntukan sejumlah lebih kurang RM63 juta.

■1700

Baru-baru ini, kejutan agensi perisikan tempatan yang dikenali sebagai Pertubuhan Perisikan Luar Malaysia atau *Malaysian External Intelligence Organisation* (MEIO) yang telah menjadi isu hangat selepas timbulnya skandal bekas pengarahnya iaitu Datuk Hasanah Abdul Hamid. Menurut beliau, MEIO menggunakan nama rasmi Bahagian Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri. Menurut beliau juga, MEIO mempunyai lebih kurang 1,000 pegawai atau ejen yang beroperasi di seluruh dunia.

Pada 23 Mei tahun ini, Yang Amat Berhormat Langkawi pada satu sidang media telah mengatakan bahawa kegiatan MEIO tidak baik untuk kerajaan ini dan kerajaan tidak memerlukan mereka. Saya telah dimaklumkan bahawa MEIO tidak akan dibubarkan buat masa sekarang walaupun kegiatan mereka tidak baik untuk kerajaan dan negara. Ia telah disalahgunakan oleh kerajaan lama seperti mana skandal bekas pengarahnya. Ingin saya tahu, berapakah jumlah wang yang telah diperuntukkan untuk MEIO oleh kerajaan lama? Bilakah MEIO akan dibubarkan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Setakat ini 28 orang Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas. Ini suatu angka yang agak tinggi, saya ingat. Sekarang saya menjemput Menteri-menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab. Silakan.

5.01 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah pun mengambil peranan dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2019.

Yang Berhormat Arau— dalam perjalanan ke kerusi, beliau telah pun membangkitkan dalam Maksud Bekalan 7 - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Butiran 040200 mengenai Emolumen Kakitangan Kontrak. Beliau telah pun mencadangkan agar kerajaan mengambil semula para pegawai kontrak yang telah pun ditamatkan baru-baru ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan ataupun penyambungan perkhidmatan pegawai kontrak hanya akan dilaksanakan oleh kerajaan sekiranya terdapat keperluan perkhidmatan yang mendesak, mengambil kira keperluan semasa kementerian, jabatan ataupun agensi kerajaan masing-masing, selain mengambil kira keupayaan kerajaan untuk menampung perbelanjaan mengurus ataupun *operating expenditure* (OE) yang semakin meningkat.

Penamatan perkhidmatan pegawai kontrak yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bukanlah dibuat secara terburu-buru, sebaliknya dibuat berdasarkan penelitian dan juga semakan yang teliti bagi memudahkan urusan pegawai kontrak termasuk mencari pekerjaan serta sumber pendapatan baharu. Pegawai yang ditamatkan kontrak termasuk pegawai yang ditamatkan kontrak lebih awal daripada kontrak asal akan diberi sama ada notis penamatan selama satu bulan atau dibayar satu bulan gaji jika notis penamatan diberi kurang daripada satu

bulan sebagaimana ditetapkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2018 mengenai dasar dan juga prosedur pelantikan secara kontrak.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat jawab ini, saya tahu, pegawai tulis ya. Akan tetapi, saya hendak *wisdom*, dengan izin, daripada Yang Berhormat sendiri. Yang Berhormat sampai hatikah melihat orang-orang yang diberi kontrak ini, dia tidak ada pilihan kehidupannya? Kita sudah beri syarat dahulu bahawa pegawai kontrak yang berkhidmat selama beberapa tahun, saya kurang pasti sama ada 10 tahun atau 15 tahun, diberikan jawatan tetap.

Akan tetapi mereka yang berkhidmat sekarang ini diberhentikan. Yang Berhormat kalau betul-betul hendak berhentikan, berilah ruang dan tempoh yang mencukupi untuk mereka mencari ruang kehidupan yang lain. Mereka ini bukan ahli perniagaan. Kalau syarikat-syarikat, beri kontrak satu bulan, *alright*. Akan tetapi mereka ini kerja dengan kerajaan. Walaupun gaji murah, sesetengahnya RM1,000 dan sebagainya, tetapi mereka sudah ada komitmen kehidupan.

Yang Berhormat, Pakatan Harapan ini ialah kerajaan baharu, Malaysia Baharu seperti Menteri Kewangan sebut, Malaysia yang mempunyai pandangan baharu, cita-cita baharu. Apakah kita sampai hati melihat mereka yang membuat pinjaman kereta, anak-anak bersekolah dan sebagainya terbengkalai? Akan berlaku masalah kehidupan yang luar biasa, masalah sosial, kalau Yang Berhormat buat macam ini. Sebab apa? Mereka yang diberhentikan bukan daripada syarikat tetapi daripada anggota kerajaan. Pegawai kerajaan yang membuat jawapan ini mereka tidak wajar menjawab macam itu sebab mereka tidak kena berhenti. Kalau mereka kena berhenti, mereka akan terasa. Ini sudahlah pegawai kontrak, diberhentikan.

Jadi, saya minta ihsan daripada kerajaan untuk mempertimbangkan semula. Tidak payah beri jawapan yang lain. Beri jawapan, "*Akan dipertimbangkan semula*", cukup, puas hati sudah. Boleh tidur dengan nyenyak ataupun boleh mati tutup mata.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Arau. Sekiranya kita lihat daripada segi perundangan, Yang Berhormat, apabila mereka bersetuju untuk menandatangani bahawa mereka akan diberikan kontrak untuk berkhidmat kepada kerajaan, mereka faham bahawa mereka akan berkhidmat pada masa-masa yang ditentukan dalam kontrak tersebut. Jadi mereka kenalah terima bahawa mereka adalah secara kontrak dan akan berkhidmat pada masa tempoh yang diberikan dalam kontrak tersebut. Jadi, ini adalah perundangan. Akan tetapi, mereka kenalah ambil maklum bahawa mereka hanya diberikan tempoh masa untuk bekerja bersama dengan kerajaan. Jadi, itu sahaja yang saya dapat jawab dalam perkara ini, Yang Berhormat, kerana memandangkan ada lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit, sedikit, Yang Berhormat. Sedikit ya. Oleh sebab Menteri Kewangan ada depan ini, dia ini seorang yang baik hati. Apakah Yang Berhormat kata boleh atau tidak hendak rujuk kepada Menteri Kewangan? Menteri Kewangan

masa Yang Berhormat Port Dickson cakap, dia boleh jawab tentang elaun nelayan. Apakah hari ini Yang Berhormat Menteri Kewangan ingin mencelah bahawa benda ini akan dipertimbangkan? Sebab, Yang Berhormat sebagai seorang yang mempunyai masa depan yang cemerlang, kena nampak rakyat Malaysia sayang pada kita, bukan syak wasangka. Apakah Yang Berhormat Menteri Kewangan ingin menolong? Beri tempoh setahun lagilah. Beri mereka ada ruang untuk cari peluang pekerjaan di tempat lain. Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tuan Pengerusi, saya minta ruang mencelah supaya beri pertimbangan yang...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Saya rasa Yang Berhormat ...

Tuan Pengerusi: Menteri Kewangan rujuk kembali kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Menteri Kewangan telah beri *signal* boleh dipertimbangkan. Jadi Yang Berhormat tolong jawab yang itu boleh tidak?

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sekarang ini— saya tadi mencadangkan potong. Saya hendak suruh tambah gaji Yang Berhormat RM10 lagi sebab Yang Berhormat telah berjaya menjawab dan memberi ruang. Yang Berhormat, ini kehidupan. Undang-undang— ya lah, undang-undang. Akan tetapi kalau undang-undang tidak mencapai masalah kehidupan— dalam Islam Yang Berhormat tahu, dia mencuri, potong tangan, tetapi Sayidina Umar hentikan potong tangan kerana rakyat menderita kehidupan. Jadi undang-undang kena lihat daripada aspek ini. Semasa kesusahan yang begitu teruk, kita kata ini undang-undang, itu susah. Sekarang kita zaman susah, Yang Berhormat. Tolong kata, "*Pertimbangkan*" pun cukup. Yang lain saya tidak mahu. Pertimbangkanlah. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Saya ambil maklum apa Yang Berhormat Arau...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Menteri, pencilahan.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih rakan saya...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kapar bangun. Silakan.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Tuan Pengerusi, saya meneliti dan hujahan saya pun ada dalam butiran tersebut Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi tetapi belum sampai lagi. Namun, saya hendak memberikan pandangan tentang pekerja kontrak ini.

Pekerja kontrak ini telah pun dilaksanakan sebegitu lama dan mereka ini sebenarnya dalam proses pengambilan dahulu dilihat akan menjadi pekerja *permanent*. Falsafah kerajaan yang telah dibuat pada hari ini, 15 tahun ke atas mereka menjadi pekerja tetap. Namun yang jelas pada hari ini ialah di kalangan mereka yang bekerja dalam lingkaran 10 tahun hingga ke 15 tahun, yang berterusan pekerjaan mereka yang memang telah dikehendaki *job specification* mereka.

Namun, apa yang boleh saya sarankan ialah pertimbangkan kembali untuk mereka ini dipastikan kalau boleh diletakkan di mana-mana kementerian yang memerlukan tugas-tugas mereka kerana mereka ini berpengalaman 10 tahun hingga 15 tahun. Saya ingin mencadangkan

supaya mempertimbangkan kedudukan mereka ini supaya mereka juga diberikan peluang untuk mereka menyambung kehidupan yang berbaki beberapa tahun. Saya percaya mereka ini adalah kelompok umur 38 tahun ke 50 tahun. Saya harap dipertimbangkanlah saranan supaya pekerja kontrak yang telah menyumbang belasan tahun ini diberikan peralihan kerja yang sesuai di kementerian-kementerian yang lain yang boleh membantu mereka.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ada berkaitan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Arau sokong Yang Berhormat Kapar ya. Yang Berhormat Arau sokong Yang Berhormat Kapar.

■1710

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ada kaitan – Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mencadangkan supaya pekerja kontrak ini yang tidak mendapat pinjaman kerajaan, pinjaman perumahan, pinjaman untuk membeli kereta misalnya, mungkin boleh difikirkan bagaimana untuk membantu mereka. Kalau pinjaman perumahan ini mengambil masa lama, agak sukar tetapi pinjaman untuk kenderaan misalnya jika dibolehkan untuk pekerja kontrak boleh dipertimbangkan harapnya. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar dan juga Yang Berhormat Pontian. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa kerajaan telah pun memutuskan bahawa pegawai lantikan secara kontrak perkhidmatan ataupun *contract for service* yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun boleh dilantik secara tetap tertakluk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan telah dilantik kontrak sebelum ataupun pada 23 Oktober 2015.

Tempoh 15 tahun dijadikan sebagai syarat pelantikan tetap berdasarkan asas berikut:

- (i) menunjukkan kesetiaan pegawai lantikan kontrak untuk terus kekal berkhidmat dalam perkhidmatan awam;
- (ii) merupakan suatu bentuk penghargaan ke atas perkhidmatan pegawai lantikan kontrak tersebut; dan
- (iii) mengekalkan perkhidmatan pegawai yang telah mempunyai kepakaran dan juga kemahiran untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

Buat masa ini Tuan Pengerusi, kerajaan tidak bercadang mengurangkan tempoh syarat perkhidmatan iaitu sekurang-kurangnya 15 tahun kepada tempoh yang lebih rendah lagi bagi tujuan lantikan ke jawatan tetap. Jadi Yang Berhormat Arau, dia tidak ada. Bagaimana Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ada, ada, masih ada di belakang.

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat telah pun membangkitkan mengenai apakah tindakan yang tegas yang telah pun diambil oleh kerajaan untuk menghadapi ancaman kehadiran kapal *China Coast Guard* di Beting Petinggi Ali di perairan Sarawak?

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui Arahan Gerakan MKN Bil. 1, 2013, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah diarahkan untuk melaksanakan operasi khas yang dikenali sebagai OPS Wira di kawasan perairan Petinggi Ali untuk memantau pencerobohan aset *China Coast Guard*. Selain itu, insiden pencerobohan tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian Luar Negeri untuk tindakan sewajarnya termasuklah mengemukakan nota bantahan diplomatik kepada negara Republik Rakyat China.

Yang Berhormat Arau juga telah pun menyentuh mengenai isu Perlembagaan mengenai...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, sedikit sahaja Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Okey.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tahu ini jawapan yang akan dibagi oleh pihak pegawai-pegawai MKN, saya tahu. Dahulu pun saya menjawab seperti ini. Jadi saya hendak sedikit perubahan jawapan Yang Berhormat. Perubahan jawapannya ialah perkataan pantau sebab saya mengalami sendiri di Beting Petinggi Ali, saya nampak sendiri kapal TLDM berada dalam jarak 20 kilometer daripada kapal *China Coast Guard*. Kemudian kapal-kapal kecil APMM ada dalam jarak lebih kurang tiga kilometer. Akan tetapi kapal China sendiri berada dalam jarak lima kilometer dari Beting Petinggi Ali seolah-olah mereka mempunyai hak ke atas Beting Petinggi Ali dibandingkan dengan TLDM.

Sekarang ini tidak ada kapal boleh masuk ke Indonesia. Tidak ada kapal boleh masuk ke Vietnam. Di Laut China Selatan yang sama, tiada kapal yang boleh masuk kawasan Filipina tetapi ada kapal lain boleh masuk ke Malaysia. Mereka menggunakan operasi ketenteraan dengan mengejar kapal itu keluar. Kapal yang datang ini bukan kapal tentera China tetapi *China Coast Guard*. Jadi bermakna mereka boleh dikeluarkan – kalau tentera berperang tetapi ini *Coast Guard* kena keluar. Bantahan diplomatik, China sendiri tidak mengiktiraf UNCLOS. Bagaimana kita hendak membuat bantahan diplomatik kalau dia sendiri tidak mengiktiraf undang-undang laut yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu?

Jadi Yang Berhormat, kapal *Coast Guard* berada di sana sejak tahun 2013 sehingga sekarang. Sampai bilakah kita hendak suruh mereka berada di sana? Itu persoalannya. Apakah kita hendak bagi syarat supaya mereka keluar dalam tempoh tiga hari dan sebagainya. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, kapal-kapal ini pernah keluar sebulan semasa Presiden China melawat Malaysia, dia keluar sebulan.

Selepas itu apabila Presiden balik, dia pun datang balik. Jadi permainan ini tidak harus dibiarkan berterusan, kita kena hentikan serta-merta kalau tidak operasi mengeluarkan hasil minyak dan juga gas tidak dapat dibuat kerana keberadaan kapal tersebut di sana. Yang Berhormat tidak payah jawab sebab ini agak *complicated* sedikit, akan dipertimbangkan, cukuplah, puas hati sudah.

Datuk Liew Vui Keong: Fasal memandangkan ini adalah...

Tuan Pengerusi: Lain kali Yang Berhormat jawab sendirilah. [*Ketawa*]

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Pengerusi. Memandangkan ini dalam peringkat Jawatankuasa Perbincangan Bajet 2019, saya rasa perkara itu kita akan ambil maklum.

Jadi Tuan Pengerusi, di sini juga saya ingin membangkitkan isu Yang Berhormat Gerik dan juga bersama dengan Yang Berhormat Rantau Panjang di mana Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mengetahui status dan juga jumlah kakitangan pegawai kontrak di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 16 November 2018, bilangan pegawai kontrak dalam perkhidmatan awam adalah seramai 18,781 orang. Daripada jumlah tersebut, 15,628 orang iaitu 83.21 peratus adalah lantikan *contract of service* dan 3,153 orang iaitu 16.79 peratus adalah lantikan *contract for service*.

Kerajaan tidak meletakkan komitmen pegawai lantikan kontrak akan dilantik atau diserap ke jawatan tetap sebaiknya adalah menjadi tanggungjawab pegawai lantikan kontrak untuk memohon jawatan secara tetap dengan pihak berkuasa melantik yang berkenaan berdasarkan kelayakan akademik dan juga pengalaman yang dimiliki. Pengalaman berkhidmat secara kontrak tersebut sewajarnya boleh digunakan oleh pegawai tersebut semasa proses temu duga jawatan tetap.

Tuan Pengerusi, saya di sini ingin menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai mengenai program yang akan dilaksanakan oleh INTAN untuk menyahut saranan Perdana Menteri bagi meningkatkan mutu perkhidmatan awam berikutan dengan penambahan peruntukan sebanyak RM3.6 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, INTAN akan meningkatkan program-program memperkasakan modal insan penjawat awam dengan memfokuskan kepada kursus-kursus berkaitan integriti dan juga tadbir urus perkhidmatan awam yang lebih telus.

Selain itu, INTAN juga akan meneruskan seminar secara bersiri bagi memberikan pendedahan dan juga pengetahuan mengenai isu-isu tadbir urus dan juga integriti penjawat awam. Program-program INTAN juga akan sentiasa berdasarkan pembangunan terkini dasar-dasar kerajaan sedia ada sebagai mempersiapkan penjawat awam dengan perkembangan semasa.

Tuan Pengerusi...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri, mencelah. Penjelasan. Lembah Pantai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat Lembah Pantai silakan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan ini saya bangkitkan kerana Perdana Menteri ada menyebut tentang mungkin dengan peralihan kuasa dengan adanya pentadbiran baharu ini mungkin masih memerlukan sedikit anjakan paradigma di kalangan terutama mungkin beberapa dari kalangan *civil service* dengan izin, perkhidmatan awam. Adakah program-program yang diadakan ini ditujukan khas kepada mana-mana kumpulan yang mungkin

dipercayai memerlukan sedikit bukan *reeducation* dengan izin tetapi mungkin pemahaman baru tentang pentadbiran yang dibawa oleh Kerajaan Baharu Pakatan Harapan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sememangnya pihak kerajaan ingin mengadakan rancangan untuk memaklumkan kepada penjawat awam mengenai pentadbiran urus Pakatan Harapan, kerajaan yang baharu ini. Jadi setakat ini kita tunggu bahawa rancangan yang akan digubal oleh pihak INTAN dalam perkara ini.

■1720

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Rantau Panjang dan juga Yang Berhormat Arau telah pun membangkitkan mengenai NADMA iaitu di mana Yang Berhormat Arau memohon penempatan pegawai NADMA di peringkat negeri berbandingkan dengan pegawai perjawatan Majlis Keselamatan Negara. Manakala Yang Berhormat Rantau Panjang mengatakan masalah komunikasi tidak akan diulangkan lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini belum ada perancangan lagi penempatan pegawai NADMA di setiap negeri selaras dengan keputusan Kabinet. Di peringkat negeri, pengurusan bencana negeri kekal diselaraskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Manakala di peringkat daerah, pengurusan bencana diselaraskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

Di kedua-dua peringkat jawatankuasa, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia berfungsi selaku sekretariat. Berdasarkan masalah komunikasi yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang semasa bencana sebelum ini, NADMA telah mengambil tindakan berbincang dengan syarikat-syarikat telekomunikasi untuk meningkatkan keberkesanan talian. NGO juga akan membantu dari segi penggunaan radio amatour. Syarikat telekomunikasi juga telah bersetuju untuk memberikan hebahan melalui sistem pesanan ringkas ataupun SMS akan amaran banjir kepada para pengguna telefon bimbit melalui poskod yang didaftarkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, sikit.

Datuk Liew Vui Keong: Tunggu sekejap ya. Di kalangan agensi penyelamat pula, *Government Integrated Radio Network* akan digunakan. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih. Sebahagian daripada jawapan ini seperti lah yang lama-lama ya. Tetapi dulu kerajaan pernah berjanji bahawa kerajaan akan menempatkan pegawai NADMA di peringkat negeri. Yang Berhormat saya ingin maklum sekali, pegawai MKN di peringkat negeri mempunyai gred yang tinggi. Contohnya macam sebuah negeri, grednya 54. Tetapi pegawai APM grednya 44. Dia bagaimana sekretariat hendak *command* kerja kalau sekiranya grednya rendah dengan pengarah-pengarah jabatan yang lain. Itu yang saya maksud.

Kalau sekiranya kita tidak mahu menempatkan pegawai NADMA bergred tinggi di peringkat negeri, kita kena naikkan gred pengarah-pengarah APM peringkat negeri. Kalau tidak Yang Berhormat dia nampak macam tidak ada perubahan. Jadi Yang Berhormat kena ingat

bahawa menguruskan bencana bukan dia kita tahu banjir datang ini, kita esok hendak pergi. Yang Berhormat pergi esok, banjir sudah hilang. Jadi kena pergi hari ini. Jadi kena cari orang yang betul-betul boleh, mempunyai gred yang tinggi dan boleh mengeluarkan arahan seperti pegawai-pegawai MKN pada masa yang lepas.

Sekarang ini masalah gred APM rendah. Jadi bagaimana dia hendak *command* semua pengarah-pengarah yang mempunyai gred yang tinggi. Jadi saya cadangkan supaya gred APM dinaikkan ataupun ditempatkan pegawai NADMA di peringkat negeri kerana pegawai NADMA yang ada di ibu pejabat boleh diagihkan tanpa mewujudkan jawatan yang baru, mereka boleh diagih-agihkan di peringkat negeri. Sebab kita dulu MKN cuma dikendalikan oleh 12 orang pegawai PTD. Sekarang kita mempunyai dekat 100 orang pegawai PTD di NADMA yang saya rasa boleh diagihkan di peringkat negeri. Terima kasih. Yang Berhormat, tidak dapat, Yang Berhormat boleh jawab secara bertulis. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih, terima kasih kepada Yang Berhormat Arau, cadangan untuk memberikan jawapan secara bertulis. Tapi untuk maklumat Yang Berhormat bahawa di kawasan saya juga sering dilanda dengan bencana seperti banjir dan juga berbagai-bagai bencana. Jadi, saya faham dengan isu-isu yang telah pun dibangkit oleh Yang Berhormat Arau. Di sini Tuan Pengerusi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Lagi satu, sikit saja. Sikit.

Datuk Liew Vui Keong: Ada lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sikit saja.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, sudah cukup.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Semua Ahli Parlimen ini telah dibagi pangkat Kolonel Kehormat. Semua Ahli Parlimen. Yang baru-baru belum lagi. Saya ingat boleh bagi lepas ini. Apakah kami boleh berkhidmat masa bencana ini, pegawai-pegawai, Ahli-ahli Parlimen yang telah pun dibagi Kolonel Kehormat dari APM. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Itu kena jaga keselamatanlah Yang Berhormat. Walaupun kita kena berkhidmat pada masa bencana tersebut, pihak keselamatan ini kena pastikan bahawa kita sebagai Ahli Parlimen ini di *train* ataupun diberi latihan untuk menjaga keselamatan kita dalam keadaan sedemikian. Kita boleh memberikan perkhidmatan kepada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, tidak Yang Berhormat. Macam ini Yang Berhormat. Yang Berhormat ada salah faham. Semua Ahli-ahli Parlimen, macam saya Menteri lah kan, kita bagi pangkat Kolonel Kehormat kepada semua Ahli Parlimen yang sebahagian besarlah, termasuk daripada Bagan, dia pun Kolonel Kehormat. Masa saya melawat Penang, saya 4 *star*, dia Kolonel Kehormat. Sekarang dia 4 *star*, saya Kolonel Kehormat. Okey, apakah kami masih diiktiraf, nombor satu. Yang kedua apakah Yang Berhormat ingin bagi Kolonel Kehormat kepada Ahli Parlimen yang lain. Hal ini juga saya minta jawapan bertulis. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Saya akan memberikan jawapan bertulis. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya ingin penjelasan sebab berkaitan dengan soalan saya juga.

Datuk Liew Vui Keong: Okey, boleh.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya. Terima kasih, saya ingin tahu apakah Menteri Besar-Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri terlibat dalam Majlis Keselamatan Negara ini terutama di peringkat negeri dan saya ingin tahu juga berkaitan dengan yang disebutkan tadi berkaitan dengan program-program yang dilaksanakan tidak melibatkan kami sebagai Ahli Parlimen. Jadi sejauh mana dasar yang dibuat oleh kerajaan untuk memastikan kebajikan dan kita teruskan sama-sama kita dapat pertahankan untuk kebajikan rakyat. Minta penjelasan

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sememangnya kerajaan mengambil maklum dengan cadangan Yang Berhormat dan untuk memastikan bahawa semua Ahli-ahli Parlimen ini dapat mengambil peranan dalam situasi bencana yang kita tidak ingin dialami oleh rakyat kita. Tetapi apabila perkara itu berlaku, kita kena bekerjasama untuk pastikan bahawa semua rakyat dalam keadaan itu di keadaan yang selamat. Jadi kita bolehlah bersama-sama mengambil peranan dalam perkara ini. Jadi...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Peranan Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang saya tanya tadi. Macam mana.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, saya akan memberi, boleh jawapan bertulis seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Arau dalam perkara ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Salak.

Datuk Liew Vui Keong: Ah! Rakan lama saya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tadi Yang Berhormat Arau cakap bagi tahu dia kata ini kita orang semua ada pangkat dalam RELA ini.

Datuk Liew Vui Keong: Saya tidak ada pangkat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya *Brigadier General*. You all kena tabik semua dengan kita. *[Ketawa]*

Datuk Liew Vui Keong: *All right*. Tabik hormat kepada Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Kepada perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Kapar, yang telah..

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Yang telah memaklumkan bahawa ada 29 kakitangan MPM telah ditamatkan perkhidmatan kontrak mereka. Jadi menyarankan bahawa 29 orang kakitangan Majlis Profesor Negara ini tidak dipecat disebabkan MPM telah pun dibubarkan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pendang, minta laluan.

Datuk Liew Vui Keong: Mengenai?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Mengenai APM juga.

Datuk Liew Vui Keong: APM?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ya.

Datuk Liew Vui Keong: Belum lagi saya sampai APM ini.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jadi sekarang ini keselamatan negara.

Datuk Liew Vui Keong: MKN?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: MKN, *sorry*.

Datuk Liew Vui Keong: MKN.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: MKN. Okey. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta penjelasan. Pendang hendak minta penjelasan semua Ahli Parlimen kalau berlaku musibah di kawasan Parlimen masing-masing, boleh tidak kami ini menjadi ejen, Ahli Parlimen semua menjadi agen untuk kita mendapat pertolongan serta-merta dengan kita menelefon MKN supaya dapat bantuan segera. Ada benda yang perlu bertindak dengan segera. Ini minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Boleh atau tidak boleh?

Datuk Liew Vui Keong: Saya rasa itu satu cadangan yang baik bahawa apabila berlakunya bencana dan juga di mana ada isu-isu keselamatan rakyat dalam bencana itu, Ahli-ahli Parlimen bukan saja Ahli Parlimen, saya rasa sesiapa saja boleh maklumkan kepada pihak MKN.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tidak pernah dijemput. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri. Walaupun kawasan saya setiap tahun banjir, kami Ahli Parlimen tidak dijemput dalam Mesyuarat MKN dan saya pun tidak puas hati macam mana ahli MKN tidak tahu MB terlibat kah Ketua Menteri terlibat. Macam mana Yang Berhormat Menteri, tidak tahu.

Datuk Liew Vui Keong: Saya akan maklum kepada pihak MKN untuk memastikan bahawa Ahli-ahli Parlimen di kawasan yang dilanda banjir ataupun bencana itu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri tidak jawab betul itu, kata itu dulu Kerajaan BN kata. *[Ketawa]*

Datuk Liew Vui Keong: *[Ketawa]*. Jadi, Tuan Pengerusi saya tidak akan ulang apa di...

Tuan Pengerusi: Ya, ya, saya ingat.

Datuk Liew Vui Keong: Saya tidak akan ulang lagi.

Tuan Pengerusi: 5 minit lagi.

Datuk Liew Vui Keong: Saya terus kepada isu MKN ini. Untuk maklumat Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Yang Berhormat Papar minta laluan. Pasal MKN. Yang Berhormat Papar.

Datuk Liew Vui Keong: Okey, Yang Berhormat Papar, okey. Rakan seperjuangan saya.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Okey.

Tuan Pengerusi: Sebab dari Sabah.

■1730

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Seperti mana yang kita tahu, Butiran 00101 di mana peruntukan untuk tahun 2019 ialah lebih daripada RM258 juta. Jadi apa yang saya ingin tahu di sini ialah penempatan di Papar, Kinarut adalah dikendalikan oleh MKN, di seluruh Sabah, misalkan termasuk Labuan. Apa yang saya ingin katakan di sini ialah kedudukan dan tempat penempatan, persekitarannya semuanya dalam keadaan daif. Tidak ada jalan raya yang teratur, tidak ada perparitan yang teratur, tidak ada perumahan yang teratur dan tiada bekalan elektrik begitu juga air.

Soalan saya, apakah MKN dapat membantu dengan secara tulus supaya orang-orang di penempatan ini dapat merasai apa yang orang-orang kita rasai. Itu yang soalan saya. Soalan saya ini bukan untuk di Papar sahaja tetapi semua penempatan di Sabah. Kita kasihan kepada mereka kerana sudah bertahun-tahun mereka tidak diberi keutamaan daripada segi pembangunan. Mereka ini kebanyakannya memegang IMM13 tetapi apabila sudah bertahun-tahun berlalu, mereka sudah memegang kad pengenalan. Jadi di sini, saya ingin minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri supaya mereka dapat pembelaan. Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Datuk Liew Vui Keong: Ya. Terima kasih kepada rakan seperjuangan saya dari Papar. Saya akan merujuk isu-isu yang telah pun dibangkit oleh Yang Berhormat kepada pihak MKN. Saya akan menyusulkan perkara ini untuk memastikan bahawa penempatan ini diberikan keutamaan kepada semua di kawasan yang terlibat.

Yang Berhormat Kapar Tuan Pengerusi, juga telah pun membangkitkan isu kenaikan pangkat di kalangan pegawai daripada skim PTD. Sebelum itu, saya belum lagi jawab mengenai Majlis Profesor tapi tak apa, saya akan jawab juga perkara ini dulu mengenai skim PTD. Urusan ataupun proses kenaikan pangkat bagi semua skim perkhidmatan awam adalah sama iaitu berdasarkan kepada kekosongan jawatan di gred kenaikan pangkat.

Kekosongan perjawatan di gred kenaikan pangkat diisi berdasarkan kompetensi dan juga potensi. Setiap skim perkhidmatan mempunyai set kompetensi masing-masing. Walau bagaimanapun, kerajaan telah mewujudkan peluang supaya kerjaya lebih baik melalui gred flexi ataupun *time-based* bagi mewujudkan keseimbangan peluang kenaikan pangkat bagi pelbagai gred dan juga skim perkhidmatan.

Selain daripada itu, terdapat juga laluan kerjaya khusus bagi skim tertentu seperti guru dan doktor serta ruang kenaikan pangkat melalui pelaksanaan Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus iaitu *subject matter*, dengan izin.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, pencelahan.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, silakan.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri, saya memahami apa yang Yang Berhormat Menteri cuba utarakan dalam konteks sistem yang kita ada. Namun yang jelas ialah saya ingin membuka, dibuka ruang luaskan sedikit kepada kementerian-kementerian yang ataupun gred-gred yang dilihat tidak membantu jika dibandingkan dengan PTD itu sendiri. Jadi saya memohon supaya perjawatan kenaikan pangkat itu dipertimbangkan daripada prospek untuk mereka ini mendapat ataupun memperoleh kenaikan pangkat yang sepatutnya.

Saya bagi contoh, kalau dia bekerja dalam sumber manusia di bawah perusahaan. Seseorang Penolong Pengarah itu sampaikan 30 tahun lebih masih dalam kedudukan itu sedangkan mereka pun *graduated* yang sama dengan pengeluaran pekerja-pekerja PTD. Jadi apa yang saya hendak cadangkan bahawa penilaian kenaikan pangkat itu jangan menjurus kepada satu rekomendasi daripada KSU tetapi menyeluruh kepada keseluruhan yang ada supaya kumpulan-kumpulan yang terpinggir ini dapat juga mendapat kenaikan atas *contribution service* yang mereka lakukan bertahun-tahun dan ini juga memberikan kesan kepada masa depan.

Juga di lain-lain kumpulan-kumpulan dalam skim E, skim C dan juga skim F yang mengharapkan anjakan ini mereka peroleh daripada yang dipanggil sebagai pemerolehan daripada kerajaan baharu yang dilihat sistem itu sudah ada kelapukannya atau sudah ketinggalan zaman. Daripada zaman penjajah kita amalkan ini dan kegagalan yang lepas itu jangan kita ulangi daripada apa yang berlaku pada hari ini. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, masa dah habis tapi Menteri belum jawab yang pasal perundangan tadi. Apakah nak jawab bertulis sekali lagi pasal 71(3), 71(4) Perlembagaan Malaysia.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

Datuk Liew Vui Keong: Isu yang telah pun dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat Kapar, saya ambil maklum dan akan memberikan jawapan secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Secara bertulis.

Datuk Liew Vui Keong: Akan tetapi mengenai Yang Berhormat dari Arau, seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah Perlembagaan di mana kuasa adalah tertinggi sekali, *supreme* daripada kuasa yang terdapat dalam Perlembagaan Negeri. Jadi, saya sememangnya telah pun berjumpa dengan pihak Yang Berhormat Arau sebelum ini mengenai isu ini dan penjelasan secara bertulis telah pun disediakan untuk pihak Yang Berhormat daripada pihak Peguam Negara. Jadi saya akan serahkan kertas itu kepada pihak Yang Berhormat supaya Yang Berhormat boleh membaca. Memandangkan kita dalam

Jawatankuasa Perbekalan Bajet ini, jadi saya akan memberikan tulisan secara bertulis, jawapan secara bertulis dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, ada masa kah, tak ada lagi?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tak ada masa lagi ya.

Datuk Liew Vui Keong: Saya akan...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mohon ucapan saya mengenai Parlimen dapat dijawab.

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat Kuala Krau ya? Itu daripada Yang Berhormat Kuala Krau, telah pun membangkitkan dan memohon penjelasan adakah peruntukan bagi Maksud Bekalan B.1 termasuk elaun dan juga saraan bagi Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi Maksud Bekalan B.1 Parlimen merangkumi peruntukan elaun dan juga saraan bagi Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara sebanyak RM89,142,500. Yang Berhormat Kuala Krau juga memohon supaya peruntukan ke persidangan dan juga lawatan luar negara bagi delegasi Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Ahli-ahli Parlimen ditambah kerana peruntukan sentiasa tidak mencukupi.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan ke persidangan dan juga lawatan ke luar negara bagi delegasi Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Ahli-ahli Parlimen tahun 2019 adalah sebanyak RM2,250,000 iaitu peningkatan sebanyak RM1,200,000 berbanding dengan tahun 2018.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Boleh saya kasi tamat dulu soalan ini? Ya, jawapan saya iaitu Yang Berhormat juga seterusnya memohon maklumat mengenai status dan juga kos bagi pembinaan projek fasa 3B yang terlibat. Di sini Yang Berhormat, Projek Cadangan Menaik Taraf dan juga Membaik Pulih Bangun Parlimen Malaysia fasa 3B telah pun dimulakan pada 28 September 2015 dengan kos projek sebanyak RM200,700,000. Projek yang dijalankan secara tender terbuka ini dijangka dapat disiapkan pada 3 Ogos tahun depan. Kos kontrak asal ialah RM181,578,000 dan kos kontrak semasa ialah RM183,948,181.

■1740

Penambahan kos ini adalah disebabkan beberapa arahan perubahan kerja yang dikeluarkan kepada kontraktor termasuk perubahan saiz bilik Ahli Parlimen daripada 4x3 meter kepada 8x6 meter. Antara komponen utama projek ini adalah pembinaan blok Ahli Parlimen dan juga pentadbiran, dewan serba guna, gelanggang tenis, pembesaran balai pengawal utama, tapak semeaian dan juga nurseri, sistem pembentukan berpusat dan juga jaringan jalan. Mungkin ada gim seperti yang telah pun dicadangkan oleh Tuan Pengerusi. Sehingga 15 November tahun ini, status kemajuan fizikal sebenar adalah 74.11 persen berbanding dengan jadual 75.18 peratus. Berlaku sedikit kelewatan iaitu kurang lebih 1.7 peratus disebabkan kelewatan pembinaan *external surveillance* sepanjang Jalan Parlimen di mana pembinaan *main*

hall yang perlu dianjak dari lokasi asal bagi mengelakkan terkena jajaran kabel TNB 11kv. Walau bagaimanapun, masalah ini sedang diselesaikan dengan pihak berkaitan.

Yang Berhormat Kuala Krau juga memohon penjelasan, adakah Dewan sementara akan dikekalkan penggunaannya dan juga apakah kegunaan untuk masa akan datang. Adakah Ahli-ahli Dewan boleh menggunakan bilik Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan juga Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, Dewan sementara ini akan dikekalkan penggunaannya. Buat masa ini, Parlimen menggunakan Dewan sementara bagi mengadakan persidangan belia, persidangan mahasiswa, mesyuarat prapersediaan Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara dan mesyuarat-mesyuarat lain yang berkaitan.

Di samping itu, dewan sementara juga digunakan bagi mengadakan program-program bersama pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti *Young Presidents' Organization* (YPO), *Westminster Foundation for Democracy* (WFD), program *round table on electoral reform of Malaysia* dan juga *seminar on Parliamentary reform in Malaysia*. Pejabat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara di Dewan sementara akan diubahsuai untuk dijadikan pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa kerja-kerja naik taraf blok menara dijalankan dalam projek fasa 2C. Kerja-kerja ini dijangka dimulakan pada bulan September tahun depan.

Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jelas di dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan ini disebut bahawa Speaker dan juga delegasinya dianggap sebagai *second track diplomacy*. Jelas di dalam buku ini. Kalau disebut sebagai *second track diplomacy*, RM2 juta setahun untuk menghadiri lima persidangan iaitu AIPA, IPU, CSPOC, CPA dan PUIC, sekali pergi sahaja.

Pengalaman kita, Yang Berhormat Menteri, RM2 juta sekali pergi. Kalau lima persidangan setahun, dua kali lima, kena RM10 juta. Ini telah dilakukan bertahun-tahun dan belum lagi dicampur, diambil kira daripada rombongan yang delegasinya diketuai oleh Timbalan-timbalan Speaker. Saya haraplah supaya daripada RM2 juta ini ditambah menjadi RM20 juta setahun untuk Speaker dan Timbalan-timbalan Speaker Dewan Rakyat, Dewan Negara untuk membawa rakan-rakan ke luar negara di dalam persidangan-persidangan yang saya sebut tadi. Ini telah dinyatakan di dalam Buku Anggaran Perbelanjaan bahawa mereka atau Speaker ini dan rombongannya sebagai *second track diplomacy*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya harap Yang Berhormat Bagan akan mengambil maklum dengan cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Kuala Krau mengenai penambahan kewangan untuk persidangan ke luar negara oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Ahli-ahli Parlimen yang sedemikian.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Soalan yang terakhir, Tuan Pengerusi, boleh? Saya hendak tanya, dalam Kajian Separuh Penggal, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963. Saya ingin bertanya Menteri, bilakah akta ini dicadangkan untuk dibawa ke dalam Dewan Rakyat ini? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Untuk makluman Yang Berhormat, pihak jawatankuasa yang melibatkan Speaker dan juga Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Parlimen daripada pihak pembangkang dan juga kerajaan telah pun mengadakan satu mesyuarat baru-baru ini, tidak silap saya...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah tiga kali mesyuarat.

Datuk Liew Vui Keong: Sudah tiga kali mesyuarat dalam perkara ini. Buat setakat ini masih lagi dalam peringkat jawatankuasa. Kita akan mengadakan satu Suruhanjaya Parlimen Perkhidmatan, mungkin, dalam perkara ini dan masih lagi dalam proses *work in progress* untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Jadi, apabila dah siap semua mesyuarat tertentu, saya rasa pihak kerajaan akan membentangkan undang-undang ini.

Tuan Pengerusi, memandangkan masa tidak mengizinkan lagi, saya banyak lagi yang tidak dapat menjawab, jadi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh tak jawab secara bertulis?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bertulis. Sila.

Datuk Liew Vui Keong: Saya akan menjawab secara bertulis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, banyak saya timbul itu ya.

Datuk Liew Vui Keong: Banyak, banyak. Jadi dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, saya ada sedikit saja. Ini untuk kesihatan kita semua.

Datuk Liew Vui Keong: Untuk kesihatan, boleh, Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak— tadi semasa Yang Berhormat Rantau Panjang bahas, saya ada masuk sedikit, iaitu apakah pendirian Yang Berhormat Menteri kalau kawasan merokok itu yang telah ditukar tak boleh hisap rokok dah, kita pinda tempat itu untuk kawasan letakkan— memandangkan kita pada hari ini ramai OKU khususnya orang buta tidak ada pekerjaan, kita bawa mereka datang sini untuk berikan, jadikan kawasan tempaturut refleksologi untuk diurut kaki. Kita boleh bawa yang mana lelaki dan perempuan yang mereka OKU, petang-petang kita boleh. Jadi kalau bunyi loceng pun, kita boleh masuk tengah hari. Tempat ini— memandangkan ramai, apa salahnya pendirian Menteri tengok sikit untuk dilaksanakan dalam sesi yang mendatang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi peluang Menteri untuk jawab sedikit.

Datuk Liew Vui Keong: Memandangkan, Yang Berhormat, kita akan ada satu blok yang baharu di bangunan ini di mana banyak fasiliti yang akan dibina untuk kesihatan kita. Jadi, tidak semestinya kita mesti nak urut badan kita untuk kesihatan, kita kena pastikan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Urut kaki, bukan badan. Urut kaki, pembetulan.

Datuk Liew Vui Keong: Akan tetapi urut kaki saja tidak mencukupi, Yang Berhormat. Kita kena pastikan kita *exercise* dan pastikan kita gunakan alat-alat sukan untuk kita punya badan.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih sekali lagi.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Menteri, apa salahnya letak saja kerusi urut satu dua, boleh Ahli Parlimen hilang lenguh. Nak tunggu siap, bila itu? Lambat lagi projek itu.

Datuk Liew Vui Keong: Saya ambil maklum, saya akan bawa cadangan ini kepada pihak...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri, sekurang-kurangnya kita membantu OKU. Kita bantu OKU, bagi sikit dia ada *income* apa semua. Itu saja.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tamatkan daripada Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada semua yang berkenaan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang saya ingin menjemput Menteri yang kedua, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ahli Parlimen Parit Buntar untuk menggulung perbahasan Belanjawan 2019 peringkat jawatankuasa.

5.48 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong doa]* Tuan Pengerusi, terlebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2019 di peringkat jawatankuasa serta menyentuh hal-hal berkaitan dengan hal ehwal Islam. Secara jujur, pandangan-pandangan yang diberikan itu ada baiknya. Ada juga cadangan-cadangan yang dikemukakan itu semuanya telah dicatat oleh pegawai-pegawai saya dan kami juga bagi pihak kerajaan bertanggungjawab untuk menjelaskan cadangan-cadangan, teguran-teguran yang telah disarankan oleh Yang Berhormat sekalian.

■1750

Memulakan jawapan ialah daripada Yang Berhormat Kuala Krau sahabat saya, yang sebentar tadi berbisik supaya saya macam mana pun perlu jawab juga walaupun dia kata, '*kalau saya tidak ada Dewan pun, tolonglah jawab*'. Oleh kerana dia ada di dalam Dewan, pasti saya akan jawab. Tentang JAKIM dan secara konsisten Yang Berhormat Kuala Krau dalam soalan dia

kepada Jabatan Perdana Menteri sering mengambil berat tentang kedudukan JAKIM yang diminta supaya dinaikkan taraf sebagai kementerian.

Begitu juga cadangan bahawa Ketua Pengarah JAKIM dinaikkan sebagai KSU dengan sekurang-kurangnya seperti yang dicadangkan Turus III. Bukan sahaja soal JAKIM saya amat bersetuju kalau kita ada Kementerian Hal Ehwal Agama, jadi saya jadi Menteri Hal Ehwal Agama. Akan tetapi buat masa ini apa yang kita ada, adalah Hal Ehwal Agama duduk di bawah Jabatan Perdana Menteri walaupun Menteriannya itu adalah *full Minister* dari segi perjawatan bukan *second class Minister* tapi *full Minister*, kita juga ada kekangan-kekangan seperti peraturan-peraturan, perundangan-perundangan serta isu-isu yang melibatkan agensi-agensi yang berkepentingan.

Oleh sebab itu dalam hal ini, walaupun JAKIM dalam banyak hal dilihat sebagai satu jabatan yang inferior tetapi ia sebenarnya duduk di bawah Jabatan Perdana Menteri di mana Ketua Pengarah JAKIM itu sendiri adalah merupakan sebagai ketua agensi penyelaras dalam hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan. Saya kena sebut itu sebab kita tahu dalam pentadbiran Islam, kita ada hubungan antara negeri dengan federal yang kita kena cermati. Oleh itu untuk persoalan sama ada Ketua Pengarah JAKIM ini yang dikatakan mungkin sama taraf dengan agensi-agensi lain lalu bagaimana dia itu hendak mendapat satu kedudukan yang tinggi.

Saya ingin memaklumkan di sini bahawa dari segi jawatan, Ketua Pengarah JAKIM pada masa ini adalah pada Gred Utama A Turus III. Maknanya kedudukan dia itu memang satu kedudukan yang ada posisi yang tinggi dari segi perjawatan walaupun dia bukan satu yang bebas dari segi dia berdiri sendiri tetapi dari sudut perjawatan dia masih lagi berada sama taraf dengan yang lain.

Yang Berhormat Parit Sulong telah membangkitkan isu tentang halal. Saya ingin respons di sini beberapa isu yang dibangkitkan antaranya ialah berapa pemegang sijil halal dalam kategori Bumiputera. Itu soalan yang telah...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, isu saya yang kedua tentang ajaran fahaman Syiah.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Sebenarnya saya berbincang tadi sama ada saya nak jawab atau tidak sebab yang itu tidak ada dalam butiran tetapi saya ingin merujuk kepada soalan yang sama daripada Yang Berhormat Kuala Krau pada 1 November 2018, bertanya tentang Syiah dan saya harap boleh rujuk kepada jawapan yang telah saya jelaskan di dalam Parlimen bagi menjimatkan masa.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Sijil halal.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Tentang?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh mencelah?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Menteri, ia timbul- Tuan Pengerusi sekejap. Yang Berhormat Tanjong Karang boleh? Tuan Pengerusi, isu ini timbul apabila soalan saya dijawab sebelum ada kenyataan daripada Mufti Pulau Pinang. Ini perbincangan saya setelah ada kenyataan daripada Mufti Pulau Pinang itu yang saya minta komen dan saya minta komen terhadap apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri apabila ditanya oleh pihak media.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Itulah saya kata kalau saya nak jawab benda ini tidak ada dalam butiran. Jadi kalau itu lebih kepada soalan dasar tapi saya akan ulang bahawa fatwa itu tetap kekal fatwa dan ia adalah di atas kuasa negeri-negeri. Cuma respons saya, yang itu saya tidak bertanggungjawablah. Apa yang Mufti Pulau Pinang kata, dia nak nilai balik itu bukan saya punya bidang kuasalah. Akan tetapi saya yang bercakap apabila ditanya ialah keperluan kita meneliti sama ada hanya dengan menjadi seorang itu penganut Syiah sudah dianggap satu kesalahan kerana kalau ikut fatwa memang ia satu kesalahan sebab ada dua fatwa berkenaan dengan Syiah ini.

Satu, yang menyatakan bahawa semua ajaran dalam Syiah tanpa pengecualian adalah sesat itu jelas. Kedua ialah Malaysia mengamalkan *Ahli Sunah Wal Jamaah*. Jadi siapa yang bersalahan dengan fatwa yang telah digazet itu boleh dianggap tidak menghormati fatwa, itu satu premis. Satu lagi premis ialah dia ada dalam Akta Wilayah Persekutuan dan saya kira ada juga dalam enakmen-enakmen negeri lain yang menyatakan apa sahaja doktrin dan fahaman itu ia tidak boleh dikembangkan dan itu bersesuaian dengan Artikel 11(4).

Jadi, saya *stick* kepada apa yang ada dalam peruntukan Perlembagaan itulah respons saya. Adapun apa yang Mufti Negeri cakap itu di bidang kuasa negeri dia dan biarlah mereka para alim ulama membincangkannya dalam kadar mereka, saya bercakap sebagai Menteri yang menjaga undang-undang. Itu saya punya respons. Saya harap jelas di situ.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan Artikel 11(4).

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Ya, silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat..

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Akan tetapi saya nak bagi ingatan..

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sekejap.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Sekejap, sekejap. Saya nak bagi ingatan Tuan Pengerusi saya ada 20 lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Betul, ini peringkat Jawatankuasa.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Ya betul.

Tuan Pengerusi: Ya, ini bukan peringkat dasar. Peringkat dasar sudah lepas sudah, ini peringkat jawatankuasa.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sikit saja, saya tanya pendek saja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ringkas, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tadi apabila Yang Berhormat Menteri sebut Artikel 11(4), boleh Yang Berhormat Menteri beritahu negeri manakah yang belum lagi melaksanakan Artikel 11(4) yang mana, negeri-negeri boleh membuat enakmen untuk menghalang agama lain dikembangkan. Boleh beritahu tidak negeri mana dan apakah peranan JAKIM untuk memastikan negeri-negeri tersebut melaksanakan enakmen ini— membuat enakmen mengikut Artikel 11(4).

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Sila.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya menyatakan tadi bahawa dalam konteks soalan awal lah, saya layan soalan awal iaitu tentang Syiah. Semua negeri Yang Berhormat telah mempunyai fatwa untuk mengharamkan ajaran Syiah dan semua negeri juga telah ada apa yang dinamakan sebagai kawalan terhadap akidah di mana tidak boleh mana-mana ajaran lain dikembangkan kepada orang Islam. Benda itu sudah ada di mana dalam semua enakmen-enakmen negeri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, minta izin.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri kena betul tentang ini. Saya nak tanya, wilayah ada kah tidak?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Wilayah ada.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Pulau Pinang ada kah tidak?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya kalau Wilayah saya tahu adalah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Wilayah ada enakmen ini?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Ya ada, tidak boleh mengembangkan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Pulau Pinang?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Pulau Pinang saya yakin di semua negeri memang ada yang...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya minta Yang Berhormat Menteri tengok betul-betul dululah.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Tidak, yang saya maksud Artikel 11 itu ialah dalam Perlembagaan Persekutuan maksud saya yang itu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Maksud saya bila Artikel 11(4) itu negeri-negeri kena buat enakmen supaya agama lain tidak boleh disebar di kalangan orang Islam.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Ya ada, Wilayah ada.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jadi sebab itu ada negeri yang belum lagi enakmen-enakmen ini.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Pulau Pinang ada, Sabah, Sarawak...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sarawak belum ada. Saya itu tidak apalah, Sabah Sarawak saya faham.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya ada yang belum ada di sini. So, terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ulanglah balik. Tadi Yang Berhormat kata semua sudah ada, sebab itu saya bangun tanya. Tidak betul jawapan itu.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Mana negeri yang belum ada itu maksud saya. Boleh baca tidak negeri yang belum ada.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Kalau ikut jawapan di sini 11(4) negeri yang belum ada Enakmen Kawalan Sekatan tadi yang disebut Wilayah, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya bangun tadi bila Yang Berhormat kata Wilayah pun ada, saya terkejut.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Tidak saya yang sebut Wilayah tentang pengembangan doktrin lain.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, Enakmen 11(4).

■1800

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jadi bila saya bangun, saya minta maaf, saya kena betulkan. Jangan mengelirukan keadaan.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: *I stand corrected.*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri jaga agama.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: *I stand corrected.*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau Yang Berhormat Menteri salah cakap nanti, banyak salah faham.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, sudah ada penjelasan.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: *I stand corrected.*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jadi Yang Berhormat kena betulkan.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: *I stand corrected.*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu sebab saya tidak bersetuju dengan jawapan Yang Berhormat. Saya tahu lah jawapan, hendak tengok Yang Berhormat faham kah tidak faham, itu sahaja.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: *I stand corrected. Thank you very much.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya minta Yang Berhormat Parit Buntar teruskan.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Saya hendak teruskan lagi. Ada lagi isu halal tadi yang saya hendak *address* yang lebih besar lagi iaitu tentang jumlah pemegang sijil halal dalam kategori bumiputera. Itu soalan dia ya.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, kalau boleh celah sikit. Sikit yang tadi. Kalau wilayah belum ada lagi akta, adakah berhasrat untuk dibawa akan datang?

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Sekejap, saya hendak masuk dah kepada sijil halal.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri teruskan. Tidak ada pencelahan lagi.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Sebab jumlah pemegang sijil halal dalam kategori bumiputera adalah sebanyak 5,532, Yang Berhormat Parit Sulong ya. Sebanyak 5,532 mewakili 29 peratus daripada keseluruhan 18,796 pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia. Itu jawapan dia. So, 29 peratus lah.

Tentang apa usaha kerajaan untuk memastikan supaya pihak bumiputera ditambah jumlah pemegang sijil halal ini, kita melalui JAKIM ada program-program untuk meningkatkan usaha dalam berbagai bentuk iaitu promosi melalui ceramah juga dialog industri malah di khutbah-khutbah Jumaat, kita menerangkan serta pameran-pameran bagi sesi penerangan untuk menarik lebih ramai pengusaha-pengusaha bumiputera mendapat sijil pengesahan. Itu kita punya usahalah.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Ya.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Silakan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih juga di atas fakta yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat. Daripada jumlah Yang Berhormat nyatakan tadi cuma kalau – mungkin tidak ada sekarang bersama Yang Berhormat tapi boleh tidak diberikan secara bertulis sekiranya maklumat itu tidak ada.

Berapa peratus kah yang jumlah tadi itu, jumlah itu berapa peratus pada keseluruhan yang memohon? Sebab saya mendapat *feedback* ada sedikit kesukaran, masih ada lagi walaupun dulu telah dibuat pelbagai cara untuk memudahkan syarikat-syarikat atau pun individu-individu yang hendak mendapatkan *certification* halal tersebut. Akan tetapi saya hendak tahu berapa peratus daripada jumlah keseluruhan yang memohon? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Saya tidak ada maklumat secara terus, saya akan rujuk dan saya akan memberi jawapannya secara bertulis. Akan tetapi tentang isu proses itu biasalah kita tidak boleh pada waktu yang sama hendak menggalakkan pensijilan halal tetapi kita longgar pula dalam pemberian itu. Itu biasalah benda yang terpaksa dilalui dan saya akan bagi dengan jawapan yang tepat kepada soalan itu. Akan tetapi ada satu soalan lebih penting yang diajukan tadi sebagai sambungan daripada isu halal ini ialah macam mana yang dikatakan Akta Majlis Halal Malaysia akan dapat memperkasakan persijilan.

Majlis Halal Malaysia adalah platform yang komprehensif, menyelaras agensi-agensi terbabit sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri. Maknanya Majlis Halal Malaysia ini

terdiri daripada berbagai-bagai kementerian yang lain. *Across Ministry*, ada Kementerian Pertanian, ada Ministry of International Trade and Industry, ada macam-macam, *of course* JAKIM dan sebagainya di mana di sini kerajaan melihat keperluan untuk meneruskan dia. So, tidak timbullah tadi, saya ingat Yang Berhormat Pontian pun ada mencelah sama ada Majlis Halal ini diteruskan atau tidak, jawapannya diteruskan kerana melihat kepada...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Melihat kepada ianya satu yang penting bagi kita meneruskan lima inisiatif untuk perkongsian iaitu:

- (i) pemerkasaan Halal Professional Board bagi tujuan pembangunan;
- (ii) penubuhan International Halal Authority Board bagi pengiktirafan pensijilan di peringkat antarabangsa;
- (iii) penubuhan Halal International Research Academy (HIRA);
- (iv) penubuhan Malaysia International Halal Academy (MIHA); dan
- (v) penubuhan Halal Innovation and Technology Centre.

Semua inovasi ini diharap dapat mempertingkatkan apa yang telah dihasratkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong.

Seterusnya saya berpindah kepada Yang Berhormat Rembau, walaupun Yang Berhormat Rembau tidak ada tetapi di atas sebab kepentingan tajuk ini iaitu pewujudan Mahkamah Syariah Persekutuan. Sejauh mana perlaksanaannya? Memandangkan masih terdapat isu-isu yang belum selesai. Dari segi penguatkuasaan terutamanya isu nafkah. Saya rasa ini penting sebab ia melibatkan banyak kepentingan dan kebajikan isteri-isteri yang telah diceraikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan berusaha untuk mempertingkatkan dan menambah baik aspek pentadbiran, perundangan dan kehakiman syariah Malaysia. Penubuhan Mahkamah Syariah diperuntukkan dalam Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Bagi mewujudkan Mahkamah Syariah Persekutuan ia perlu dilihat secara holistik dengan kita mengambil kira peruntukkan perlembagaan persekutuan dan bidang kuasa negeri. Di sinilah selalunya yang menjadi apa kita kata satu isu kerana kita juga perlu melihat kuasa-kuasa yang ada kepada negeri dan ini adalah perkara-perkara yang perlu dilihat secara holistik.

Adapun isu penyampaian saman dan penguatkuasaan perintah ia sebenarnya tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa seperti tatacara Mahkamah Syariah yang diguna pakai di negeri-negeri. Akan tetapi kita sedang berusaha satu inisiatif yang saya rasa dalam masa terdekat Tuan Pengerusi, kita akan dapat satu bahagian mahkamah yang kita namakan sebagai Mahkamah Syariah yang khusus untuk membicarakan kes nafkah sahaja.

Usaha tersebut sudah pun dicadangkan dan saya telah pun membaca dan menelitinya hanya untuk diajukan kepada pihak yang berkaitan seperti pejabat peguam dan lain-lain sebelum ianya dapat dikemukakan untuk pengetahuan dan kelulusan Kabinet. Itu juga adalah antara inisiatif yang kita buat hari ini bagi menyelesaikan mahkamah yang khusus bahagian nafkah.

Yang Berhormat Gerik bertanya pasal JAKIM lagi. Ada Yang Berhormat Gerik? Kalau tidak ada saya boleh bertulis padanya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Secara bertulis.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Sama sahaja, yang mana harapan dia supaya JAKIM itu lebih berfungsi dan sebagainya. Sama sahaja JAKIM Yang Berhormat Gerik ni ya.

Seterusnya ialah Yang Berhormat Rantau Panjang yang sering kali dengan penuh prihatin kepada isu-isu ini menyumbang pandangan dan pendapatnya. Salah satu daripada cadangan yang baik yang telah diajukan ialah perluasan KAFA ke peringkat sekolah menengah. Kami menyambut baiklah cadangan tersebut dan kita akan halusi sejauh mana kita dapat jayakan hasrat untuk meningkatkan KAFA ini dari segi perluasannya kepada peringkat sekolah menengah.

Kita pada waktu yang sama di sebalik cadangan itu kita juga berusaha meningkatkan yang ada sekarang ini supaya ia lebih berkesan daripada yang sebelumnya yang melibatkan perubahan kurikulum, yang kita pentingkan juga sahsiah pelajar, pentaksiran serta naik taraf guru dan penyelia sedia ada sebelum dapat kita ajukan cadangan tersebut ke peringkat menengah. Doakan Yang Berhormat semoga perkara ini dapat kita lanjutkan. Silakan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih banyak Yang Berhormat Menteri di atas sokongan Yang Berhormat Menteri di atas cadangan itu dan kita mengharapkan perkara ini disegerakan untuk menangani pelbagai gejala sosial terutama melibatkan pelajar di peringkat menengah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa: Ini ada juga kaitan dengan KAFA juga ya. Ini boleh dimanfaatkan jawapan ini kepada semua pihak yang telah diajukan oleh sahabat daripada Yang Berhormat Ledang. Diajukan beberapa isu iaitu premis KAFA, jumlah hari dan jam yang tidak seragam, senarai tugas guru KAFA yang tidak seimbang dan yang paling penting ialah adakah kerajaan benar-benar ingin menyerap guru dan penyelia KAFA ke jawatan tetap JAKIM. Saya rasa itu yang kita dah dengar berapa kali, Timbalan saya khususnya telah memberikan jaminan bahawa ini merupakan salah satu *priority* kami dalam memperkasakan KAFA.

■1810

Saya ingin *respond* kepada soalan-soalan tersebut untuk berlaku adil kepada yang diajukan. Premis yang digunakan untuk pelaksanaan kelas KAFA adalah pelbagai. Memang betul. Bergantung kepada agensi pelaksanaan KAFA di negeri berkenaan. Dengan kata lain, kami tidak campur tangan dalam urusan di mana KAFA itu hendak dibuat sebab ini adalah urusan negeri. Pihak JAKIM hanya menyediakan peruntukan untuk pembayaran elaun guru KAFA. Elaun sahaja yang kita ada hubungan dalam institusi KAFA ini. Manakala pihak agensi pelaksana menyediakan infrastruktur dan premis untuk pelaksanaan kelas KAFA yang boleh dibuat sama ada di sekolah kebangsaan, masjid, surau atau tanah persendirian. Itu semua kita serah kepada kebijaksanaan dasar di peringkat pelaksana di negeri-negeri.

Dari sudut jam yang dikatakan tadi, kami daripada *federal*, institusi KAFA menetapkan bahawa pelaksanaan KAFA adalah selama tiga hari seminggu selama setiap hari tiga jam. Tiga kali seminggu, setiap hari, tiga jam. Itu yang kita letakkan. Sama ada hendak ditambah waktu mengajar, itu adalah merupakan inisiatif pihak agensi pelaksana KAFA di negeri-negeri. Kita hanya beri *guideline*. Itu dia kena *meet the guideline*. Yang memasukkan kurikulum agama negeri berkenaan bersama dengan pelaksanaan KAFA. Dia *integrate* sekali yang negeri dengan KAFA dia masuk sekali.

Berkaitan dengan senarai tugas yang dikatakan tidak seimbang, kenapa jadi begitu? Ketidakseimbangan adalah kerana kadang kali tentang jumlah hari mengajar dan jam kelas yang kadang kali melebihi daripada yang ditetapkan. Pun demikian kita tidak campur tangan. Itu adalah urusan guru-guru KAFA dengan negeri masing-masing.

Untuk makluman – ini yang saya rasa menjadi perhatian semua pihak. Dari sudut kelayakan, nak jadi guru KAFA ini minimumnya SPM dari sekolah menengah aliran agama. Itu syarat kena begitu. Apabila kita buat semakan daripada 32,764 orang guru KAFA, kita dapati 4,270 ada kelulusan ijazah. Bermakna 4,270 itu memiliki ijazah. Dengan kata lain, mereka mengajar pada kelayakan yang jauh daripada yang dituntut syarat untuk menjadi guru KAFA. Ini dari satu segi memang tidak adil. Maka itu kerajaan sangat mengambil berat berkaitan dengan kedudukan guru dan penyelia KAFA. Kami sedang berusaha untuk memperkasakan dari sudut perjawatan agar dia punya ijazah itu sesuai dengan dia punya perjawatan sebagai guru KAFA.

Apa yang kami buat? Perkara pertama adalah menubuhkan *taskforce*. Ia adalah bertujuan untuk mewujudkan perjawatan guru dan penyelia KAFA di mana ia telah dipengerusikan dan sedang berjalan dengan giat oleh Timbalan Menteri saya iaitu Yang Berhormat Puan Fuziah yang secara khusus melihat perkara itu dan *taskforce* ini bukan kami sahaja sebab akhirnya dia melibatkan pelbagai pihak iaitu KPM, JPA, JPM, MOF dan lain-lain.

Jadi alhamdulillah untuk pengetahuan semua, walaupun dalam bajet ini kami tidak termampu untuk melaksanakannya buat masa ini tetapi jawatankuasa ini sedang berjalan bagi menyediakan satu kerangka apa yang kita namakan sebagai laluan kerjaya guru dan penyelia KAFA. Laluan kerjaya ini termasuklah dalam kerangka latihan ikhtisas yang perlu dilalui oleh guru-guru bagi melayakkan mereka dilantik ke jawatan yang lebih terjamin. Itu adalah *respond* kepada keprihatinan pihak kerajaan hari ini kepada *carrier path* guru-guru KAFA yang kita kira melibatkan 5,000 orang untuk pada fasa pertama ini.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Ya, Yang Berhormat Sik, ada kaitan dengan KAFA?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya, KAFA.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Silakan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan *taskforce* yang ditubuhkan untuk melihat perjawatan guru KAFA ini. Apa kriteria yang menjadi dasar utama kepada pelantikan guru-guru ke jawatan tetap ini sama ada latar belakang

pendidikan mereka ataupun pengalaman mereka. Oleh sebab ada di antara guru-guru KAFA ini yang sudah berkhidmat lebih 20 tahun walaupun pendidikan mereka agak minimum iaitu SPM.

Kedua, dari segi penyelia KAFA itu sendiri. Adakah ketika ini penyelia KAFA itu juga bertindak sebagai guru ataupun perjawatan itu akan diasingkan? Kedua kriteria ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sik yang prihatin kepada guru KAFA. Sudah tentu *taskforce* ini akan mengambil kira proses-proses tersebut. Pasti dalam proses itu kita tidak akan menyampingkan mana-mana pihak. Contohnya, sijilnya mungkin tidak layak tetapi dia ada pengalaman. Saya rasa benda-benda itu akan jadi kita punya perkiraan dalam menetapkan dia punya – yang macam saya sebut tadi, syarat minimum tadi SPM. SPM dan juga diploma dan STPM serta STAM. Itu *basic*. So, kalau ada kes-kes yang saya rasa mungkin terpencil, akan diambil kira oleh pihak *taskforce* ini.

Kedua tentang... tentang apa tadi? Penyelia, penyelia.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Penyelia KAFA.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Kalau ikut dari segi perjawatan, penyelia diasingkan kalau ikut dari segi perjawatan. Dia menyelia guru-guru KAFA. Maknanya kalau ikut, dia lebih kepada menguruskan seliaan terhadap guru-guru KAFA. Saya tidak tahu sama ada kes-kes yang guru KAFA dia juga mengajar. Itu saya akan rujuk nanti.

Yang Berhormat Lembah Pantai juga mengajukan soalan yang sama dan keprihatinan Yang Berhormat terhadap kenaikan elaun guru KAFA.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: [*Bangun*]

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Macam saya katakan tadi, guru KAFA ini kalau kita tengok daripada awal dia ditubuhkan mulai tahun 1990 hingga tahun 1992, elaunnya hanyalah kiraan jam, tujuh jam dengan RM168 sebulan. Dulu pada mula dulu. Selepas itu kita telah menaikkan elaun pada tahun 2006 sebanyak RM500 sebulan. Tahun 2011 dinaikkan sebanyak RM800 dan pada tahun 2017, dinaikkan kepada RM900. Dengan *taskforce* ini, apabila telah berlaku laluan perjawatan ini, sudah tentu secara automatik dia akan mengikut gred yang telah ditetapkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri ada satu minit lagi.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar minta laluan.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Menteri boleh mencelah?

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Boleh Papar mencelah?

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Soalan KAFA tadi.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Okeylah oleh kerana Yang Berhormat Ledang dia tanya, saya kena bagi kepada dia.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar. Papar, Papar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan asal dibenarkan bertanya.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Keadilan untuk bertanya. Manakala yang lain itu saya harap kalau boleh jangan tanya sebab saya ada lagi empat helaian lagi.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Ini sekejap sahaja.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi Yang Berhormat Ledang dulu.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Pasal KAFA lagi. Saya juga tadi ada bertanya berkenaan dengan cadangan untuk menyerap mereka ini secara berperingkat. Bermakna sekiranya tidak dapat diserapkan keseluruhan penyelia dan juga guru tetapi tidak mungkinkah dipertimbangkan supaya ada penyerapan secara berperingkat untuk tahun hadapan dan dengan itu dapat meredakan sedikit dan memberikan sumbangan mereka yang telah berkhidmat selama berpuluh tahun sebagai penyelia dan guru KAFA. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Yang Berhormat Papar.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Yang Berhormat Papar, perkara yang sama?

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekejap sahaja. Ini saya nak bertanya pasal gaji. Gaji minimum sekarang ialah RM1,100 pada tahun 2019. Jadi apakah kementerian akan menyeragamkan gaji RM900 ini kepada RM1,100 untuk guru KAFA? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Itulah sekarang ini kedudukan – macam Yang Berhormat Ledang. Yang Berhormat Ledang, memang perkara itu akan dilalui. Kita tidak akan buat 30,000 semua. Kita melihat angka yang agak rasional untuk kita buat tapisan ini, memulakan projek ini ialah 5,000 guru KAFA yang terlibat. Seramai 5,000 orang.

■1820

Kemudian, Yang Berhormat Papar— yang itu saya kata elaun sahaja. Oleh sebab itulah apa yang dihasratkan dengan gaji minima itu, kalau betul kita dapat menjayakan laluan perjawatan ini, sudah tentu ia akan lebih daripada RM1,100. Kalau mengambil gred S29, ia akan memulakan dengan RM2,000 lebih. So, dia akan menjangkau daripada apa yang diletakkan sebagai minimum.

Saya beralih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian yang ada dalam Dewan ini. Terima kasih kerana menunggu. Soalan yang agak penting juga berkenaan dengan Mahkamah Syariah. Saya difahamkan tadi ada soalan juga tentang.... [Disampuk] Bukan KAFA. J-QAF ya. J-QAF itu dia duduk bawah Kementerian Pendidikan dan mungkin nanti boleh dibangkitkan.

Akan tetapi, ada satu yang lebih penting diajukan iaitu sejauh manakah Mahkamah Syariah berjalan mengikut hukum syarak. Di antara contohnya ialah hukuman sebat pada orang Islam yang bersalah minum arak.

Jawapannya ialah pelaksanaan hukuman di Mahkamah Syariah yang ada hari ini adalah di bawah Akta Mahkamah Jenayah Syariah yang berlandaskan kepada hukum syarak. Maksudnya hukuman yang diperuntukkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah berdasarkan hukuman takzir, bukan hudud. Memang itu satu yang diterima bahawa undang-undang yang ada adalah hanya bersifat takzir semata-mata.

Walau bagaimanapun, setakat mana hukuman yang dibenarkan adalah berdasarkan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau yang dikenali sebagai Akta 355. Itu dia punya yang setakat dapat dilaksanakan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Silakan, Yang Berhormat Kubang Kerian.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sedikit sahaja saya. Dalam keseluruhan kesalahan Mahkamah Syariah, kita terima bahawa dia diletakkan di bawah hukum takzir kecuali dalam kes kesalahan minum arak. Dia termasuk hukum hudud dari segi syarak. Dia tidak hukum takzir. Jadi mungkin penilaian boleh dibuat dan mekanisme boleh dicari supaya ia selaras dengan kehendak syarak. Terima kasih.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya ambil nota atas cadangan yang diberikan tadi.

Kemudian, ada Yang Berhormat Beaufort?

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, sambungan pada yang tadi. Kalau memang tiga kesalahan jenayah...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Tuan Pengerusi, adakah saya diberikan masa lagi, masa kecederaan? Tetapi tidak apalah, rakan saya Yang Berhormat Kuala Nerus saya akan bagi.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, ini isu penting. Tiga kesalahan jenayah dalam enakmen yang ada sekarang termasuk Akta Wilayah Persekutuan adalah melibatkan hudud iaitu minum arak, kemudian zina. Jadi tiga perkara ini atas sebab itulah kita mengusahakan untuk dipinda Akta 355. Maka adakah Yang Berhormat Menteri berhasrat untuk membantu perkara ini agar tiga hukuman itu dapat dinaik taraf hingga sesuai dengan syarak? Satunya minum arak; kedua, zina; ketiga, *qazaf* atau tuduhan berzina. Terima kasih.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Seperti mana yang telah dijawab sebelum daripada ini pada soalan yang sama, penumpuan kita yang paling utama sekarang ialah melihat pemeraksanaan Mahkamah Syariah ini secara holistik. Bukan sahaja secara jenayahnya sahaja tetapi secara holistik. Pihak kerajaan telah memulakan aspek pemeraksanaan ini dengan melihat pelbagai perkara termasuk tahap kecekapan tadbir urus Mahkamah Syariah, sistem penyampaian Mahkamah Syariah, perkara yang mengukuhkan kedudukan Mahkamah Syariah serta kredibiliti pegawai Mahkamah Syariah termasuk hakim-hakim syarie, pendakwa syarie dan juga peguam-peguam syarie.

Maknanya itu pun menjadi kita punya perkiraan juga. Sekarang kami tidak melihat dalam aspek meningkatkan hukuman tetapi kita melihat aspek yang secara holistik yang telah kita jelaskan sebelum ini.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Setuju pandangan Yang Berhormat Menteri, sangat setuju. Cuma yang tiga tadi....

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Boleh saya teruskan kepada *next*...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta supaya diteruskan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...Isunya, Yang Berhormat Menteri, bila bercakap tentang holistik, mesti merangkumi semua. Jadi peningkatan hukumannya macam mana? Termasuk juga atau tidak?.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya masuk. Itulah termasuklah semua itu.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Akan masuk peningkatan hukuman takzir kepada hudud bagi tiga kesalahan jenayah akan dimasukkan dalam senarai gerak kerja Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya telah membuat jawapan seperti yang disebut. Kami melihat secara holistik. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya tunggu jawapan itu nanti. Terima kasih.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Yang Berhormat Beaufort— saya kena bagi keadilan di sini. Orang Beaufort jauh. Dia tanya berkaitan penubuhan lima peringkat Mahkamah Syariah. Ini pun salah satu aspek holistik juga, Yang Berhormat Kuala Nerus. Ia bukan isu politik tetapi isu yang lebih utama iaitu melihat secara holistik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang meneliti cadangan untuk menaik taraf hierarki Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. Saya mewarisi usaha ini daripada Menteri sebelumnya dan saya tidak ada halangan untuk kita mempergiatkan lagi peningkatan terhadap penubuhan lima peringkat ini. Ia perlu juga dilihat secara menyeluruh dengan mengambil kira beberapa aspek yang selalu saya ulang iaitu peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedang ada diamalkan.

Oleh kerana Yang Berhormat Labuan daripada Wilayah Persekutuan, menjadi tanggungjawab saya juga untuk ...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Ada satu lagi yang saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Ya, Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Tentang Majlis Guaman Syariah Diraja Malaysia itu untuk memartabatkan peguam-peguam syariah di negara kita Malaysia, menjaga integrasi dan sebagainya. Seperti mana ada Majlis Peguam untuk peguam-peguam sivil, kita adakan untuk peguam-peguam syariah.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Beaufort, satu akta di peringkat wilayah, bukannya negeri, di bawah kita, kita ada satu draf yang dinamakan Akta Profesion Guaman Syarie. Maknanya ia melibatkan Akta Profesion Peguam Syarie di mana hasrat Yang Berhormat Beaufort untuk melihat satu akta yang memandu dari sudut kualitinya dan sebagainya itu sedang didrafkan. Ia di antara beberapa akta yang kita cuba masukkan secepat mungkin dalam persidangan kita untuk diluluskan bagi meletak *benchmark* kepada negeri-negeri lain supaya mereka pun boleh mengikut contoh.

Untuk Yang Berhormat Labuan...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Oleh sebab undang-undang agama ini adalah di bawah Raja-raja, jadi saya ada menyebutkan tadi supaya apa yang kita wujudkan ini ialah Majlis Guaman Syariah Diraja Malaysia supaya kita menghormati Raja-raja khususnya di Semenanjung Malaysia ini.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya akan rujuk perkara itu kepada Majlis Raja-raja sebab keputusan itu akan ditentukan dan akan diputuskan oleh Majlis Raja-raja.

Yang Berhormat Labuan untuk jawapan yang terakhir— ini yang terakhirlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya pun telah mengambil masa rakan-rakan saya. Tentang status pembinaan masjid dan surau di Labuan sebab ia bawah Wilayah. Terdapat empat buah projek— Yang Berhormat Labuan ada? Yang Berhormat Labuan? Oh! Yang Berhormat Labuan, kawan lama saya.

Terdapat empat buah projek di bawah MAIWP. Ada empat buah iaitu Masjid Jamek An-Nur, Masjid Siratul Islam, Surau Al-Ikhlasiah dan Surau Baitul Makmur. Dokumen tender projek tersebut kini sedang disemak dan dijangka akan dibuka pada Januari 2019 dan saya harap Yang Berhormat boleh memantau dan mempercepatkan memaklumkan kepada kita jika ada apa-apa kelambatan dalam projek tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh *last sekali? Last sekali.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau tidak jawab.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau, Yang Berhormat Menteri tidak jawab langsung.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Yang Berhormat Arau tanya fasal apa?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Eh, kacau *sat* ini, Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Ahli Sunnah Wal Jamaah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau Yang Berhormat memilih untuk tidak berkawan dengan saya, jadi saya terpaksa untuk pakai perkataan...

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Tidak, tidak, tidak. Ertinya bukan itu niat saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau Yang Berhormat pilih untuk berkawan, Yang Berhormat jawab kepada saya fasal Wahabi dan juga apa yang saya timbulkan tadi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sudah cakap, kalau Yang Berhormat tidak boleh, mungkin terdesak kerana masa, Yang Berhormat jawab secara bertulis.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Macam saya cakap tadi— terima kasih, ya, ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat buat secara bertulis, Yang Berhormat, untuk Yang Berhormat Arau.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya akan jawab sebab itu saya lebih mementingkan butiran-butiran yang ada. Itu saya pasti saya akan cuba jawab tentang istilah Wahabi itu. Saya pun tidak guna istilah itu tetapi orang *dok* cakap Yang Berhormat Arau pun Wahabi juga. Itu yang saya pening itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak. Sebab saya cakap fasal Turus 2 tadi, bukan Turus 3. Turus 2 kepada KP JAKIM.

Kedua, tentang perkataan Wahabi supaya diharamkan penggunaannya oleh mana-mana pihak. Tidak ada Wahabi di Malaysia. Yang ada adalah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

■1830

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Ya, ya. Memang itu sudah jelas dengan fatwa yang telah digazet bahawa semua di Malaysia ini mengamalkan Ahli Sunah Waljamaah. Wahabi itu hanyalah satu aliran.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi Yang Berhormat dengan ini diisytiharkan sebagai menteri sunah. Bukan lagi liberal. Terima kasih.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: [*Ketawa*]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh sedikit tidak? Yang Berhormat boleh sedikit sahaja?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Untuk pengetahuan, saya baru menang kes sahaja tentang tuduhan saya liberal itu di mahkamah kelmarin.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit sahaja boleh Yang Berhormat?

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Saya rasa okeylah tetapi jangan timbul masalah lah. Sebab masa sudah lewat sudah ni.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jangan mengambil masa orang lain. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit saja. Masalah mesti mahu ada. Tidak ada masalah tidak ada kerjalah kita. Ini masjid, cerita pasal masjid tadi Yang Berhormat sebut Kuala Besut Labuan punya masjid kan. Kita cerita pasal masjid. Boleh tidak kerajaan memperuntukkan jumlah yang tertentu agak mencukupi untuk *maintenance* masjid. Kita buat cantik-cantik. Kalau tidak ada *maintenance* lama-lama dia jadi buruk, jadi rosak dan juga kadang-kadang kita tengok kebersihan tandas-tandas masjid juga tidak terjaga sebab tidak ada peruntukkan yang cukup. So ini amal jariah Yang Berhormat Menteri. Kalau bolehlah peruntukkan kata RM5,000 sebulan ke sebuah masjid. Tidak sampai ratus-ratus juta tau.

Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Salak yang prihatin terhadap *maintenance* masjid. Untuk pengetahuan, kita ada dalam bajet baru ini beberapa peruntukkan khusus dalam masjid. Cuma dari sudut saya punya jabatan ini, segala pengendalian pembaik pulih masjid, dia duduk bawah dua agensi. Satu, ICU. Nanti boleh tanya dekat rakan saya akan menjawab. Kedua ialah dia duduk di bawah Majlis Agama Negeri. Jadi saya harap kalau di Pasir Salak kita boleh *push* supaya masjid-masjid ini dikawal dan dijaga

dengan baik supaya dilihat sebagai masjid-masjid yang menunjukkan imej yang baik, bersih dan sebagainya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Salak yang soalnya begitu sopan santun pada akhir ucapan saya. Sekian dahulu saya akhiri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Ahli Parlimen Parit Buntar. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menggulung perbahasan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang ini sedap.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa diberikan 30 minit.

6.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi pihak Unit Pembangunan Ekonomi Masyarakat India (SEDCI), Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA), dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan jabatan-jabatan ini dalam perbahasan Belanjawan 2019 peringkat jawatankuasa.

Pertama sekali Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada persoalan daripada Yang Berhormat Batu Kawan mengenai pemotongan bajet JAKOA. Memang diperakui terdapat pemotongan bajet. Walau bagaimanapun JAKOA akan memohon peruntukkan tambahan daripada Kementerian Kewangan. Untuk makluman Yang Berhormat, bajet yang diluluskan kepada JAKOA hanya mampu menampung usaha-usaha bagi melengkapkan keperluan masyarakat Orang Asli semasa.

Bagi permohonan Bajet 2019, JAKOA telah memohon sebanyak RM95 juta bagi program sambungan dan program baharu. Walau bagaimanapun peruntukkan yang diluluskan hanyalah RM56.5 juta iaitu 59.5 peratus daripada jumlah permohonan. Pelan perancangan agihan projek 2019 adalah tertumpu pada projek-projek komited yang sedang dilaksanakan dengan penumpuan untuk melengkapkan infrastruktur asas dan projek bekalan air terawat di perkampungan Orang Asli.

Yang Berhormat Gerik pula telah membangkitkan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan Yang Berhormat. Sedikit sahaja. Jelutong ya. Terima kasih. Saya juga berada di sini ketika Yang Berhormat Batu Kawan memberi pandangan berbahas tadi. Beliau juga telah menyentuh perkara mengenai pengagihan jumlah ini kepada pihak-pihak yang tertentu. Di mana beliau ingin memastikan bahawa jumlah agihan yang ditetapkan itu— kita pastikan bahawa ia sampai kepada pemuda-pemudi India atau golongan sasaran untuk kita pastikan bahawa tidak berlakunya apa-apa skandal seperti di bawah kerajaan dahulu di mana kita lihat jumlah wang lebih kurang RM90 juta dan sebagainya dibelanjakan untuk satu projek menanam cili dan cili padi.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Yang Berhormat saya ingat Yang Berhormat tersilap. Saya sebenarnya sedang menjawab mengenai soalan JAKOA sekarang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, saya akan sampai ke situ.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Ya.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Yang Berhormat minta. Sentuh JAKOA kerana kawasan saya pun ada tiga kawasan atau kampung Orang Asli laut. Mereka dalam keadaan teruk. Walaupun saya faham JAKOA pada zaman Barisan Nasional memang ada peruntukan. Akan tetapi selepas saya semak dengan mereka, tidak sampai kepada mereka. Apa-apa bantuan pun tidak ada. Jadi saya berharap Kerajaan Pakatan Harapan dalam pengagihan bantuan kepada mereka ada buat semakan atau audit setiap tahun supaya orang kampung khususnya Orang Asli ini dapat bantuan. Saya sendiri akan kawal selia selepas ini kalau pengagihan memang akan diturunkan kepada mereka. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Silakan menteri.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Saya dapat memberi kepastianlah dalam kerajaan baharu ini semua agihan akan dibuatkan secara yang terbetul dan sekiranya Yang Berhormat menerima apa-apa aduan, bolehlah Yang Berhormat hubungi saya untuk tindakan selanjutnya.

Jadi seterusnya saya ingin beralih kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik bahawa terdapat penempatan Orang Asli yang besar seperti di RPS Kemar dan RPS Banun. Dalam tahun 2019, JAKOA akan meneruskan program dan melaksanakan perancangan jangka masa pendek dan panjang bagi memastikan masyarakat Orang Asli menikmati tahap sosial ekonomi yang lebih baik menerusi pendapatan yang tetap. Di RPS Kemar, JAKOA telah melaksanakan projek ladang getah dengan kerjasama FELCRA mulai tahun 1991 dan telah diserahkan kepada Orang Asli untuk diuruskan sendiri pada tahun 2008 dengan keluasan 1,203 hektar.

Pada tahun 2018, Jabatan Alam Sekitar telah meluluskan untuk melaksanakan projek tanam semula seluas 453 hektar dalam fasa 1. Penerima manfaat adalah seramai 479 peserta. Di RPS Kemar, JAKOA telah melaksanakan projek ladang masyarakat dengan tanaman getah yang diusahakan sendiri oleh Orang Asli mulai tahun 2012 dengan keluasan 174.83 hektar. Penerima manfaat adalah seramai 144 peserta.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Gerik tadi tidak ada Yang Berhormat. Boleh teruskan secara bertulis.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Yang Berhormat Arau tiada.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau tidak ada.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Bagaimana pula dengan Yang Berhormat Batu Kawan ada?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Batu Kawan ada.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Ya. Yang Berhormat Batu Kawan juga merujuk kepada peruntukkan JAKOA yang menurun daripada RM115 juta kepada RM111 juta. Sedangkan bilangan jawatan masih kekal. Meskipun bajet pengurusan menurun, namun ianya

tidak menjejaskan gaji kakitangan JAKOA. Penurunan ini hanya melibatkan butiran di bawah perkhidmatan dan bekalan yang digunakan untuk operasi JAKOA. Manakala bagi bajet pembangunan JAKOA telah mengalami penurunan daripada tahun 2018 ke 2019 sebanyak RM78.5 juta kepada RM56 juta. Peruntukkan asal yang telah dipohon adalah RM90 juta dan antara komponen projek yang terkesan adalah projek pembangunan bersepadu Gua Musang, projek pembangunan ekonomi, pembangunan infrastruktur dan sebagainya.

■1840

Walaupun peruntukan dikurangkan, JAKOA akan memastikan pelaksanaan projek di buat mengikut peruntukan yang telah diluluskan. Manakala peruntukan tambahan pula akan dikemukakan kepada agensi pusat untuk kelulusan. Dan...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: ...Yang Berhormat Kota Tinggi seterusnya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kota Tinggi.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri sedikit penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada. Ya Yang Berhormat Batu Kawan minta penjelasan, sila.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu berdasarkan apa yang ingin Yang Berhormat Menteri katakan tadi permohonan awal adalah lebih RM90 juta, tetapi yang diluluskan adalah RM56 lebih juta dan ada perancangan daripada kementerian, maaf Menteri untuk memohon untuk tambahan belanjawan. Saya ingin tahu, apakah tempoh masa ataupun KPI yang akan digunakan?

Contoh dalam pertengahan tahun ataupun *first quarter, second quarter, what is your* modus operandi untuk masukkan permohonan tersebut? Sebab saya faham mana-mana kerajaan tidak akan memberikan peruntukan begitu sahaja sekiranya tidak melihat ke mana peruntukan yang awal itu dibelanjakan. *I can understand, so what would be the guide for you to put in this application?* Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat.. Permohonan tersebut akan dimasukkan dalam *first quarter* tahun hadapan Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Kota Tinggi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kota Tinggi, ada.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Sini Yang Berhormat Menteri, baju kuning.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Ya, okey, terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tudung kuning.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tudung kuning.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Yang Berhormat Kota Tinggi telah membangkitkan isu perumahan dan perlu naik taraf kehidupan Masyarakat Orang Asli terutamanya kampung Orang Asli di Kampung Sungai Selangi seramai 85 orang. Jadi manakala bajet bagi pembangunan JAKOA telah mengalami penurunan sebanyak RM78.5 juta kepada RM56 juta yang saya sebutkan tadi. Walaupun ia dikurangkan, JAKOA akan memastikan pelaksanaan projek dibuat mengikut peruntukan yang telah diluluskan. Manakala peruntukan tambahan akan dikemukakan kepada agensi pusat untuk kelulusan.

Peruntukan bagi bantuan perumahan juga disediakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pada tahun 2019, JAKOA telah diluluskan bajet sebanyak RM6 juta bagi membina baru dan RM800 ribu untuk peruntukan baik pulih. Permohonan Yang Berhormat Kota Tinggi akan dipertimbangkan dan saya juga percaya dan saya telah berbincang dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga terdapat memaklumkan kepada saya bahawa terdapat bantuan perumahan untuk golongan B40. Jadi saya akan berbincang juga dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mendapatkan bantuan bagi membantu kawasan Yang Berhormat di Kota Tinggi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, orang kampung Orang Asli ini tidak ada B40. Dia memang miskin, miskin, miskin tegar. Itu sahaja. Dia masuk dalam senarai e-Kasih. Jadi permohonan saya tadi Yang Berhormat, dua sahaja rumah bina baru dan sembilan baik pulih, itu saja. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh buat lah untuk kampung saya. *The one and only Kanaq, spesies Kanaq in the world.* Takkan dua dengan sembilan tidak boleh Yang Berhormat Menteri? *Thank you.*

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Saya rasa permintaan Yang Berhormat adalah berpatutan lah. Saya akan berbincang dengan Ketua Pengarah...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: ...Dan akan...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya suka Menteri macam ini.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Berani.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: *Thank you.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Lulus *on the spot* ni.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Belum lagi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tadi kata sudah pertimbangkan, makna lulus lah itu.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Tidak, tidak. Maksudnya dia kata, saya ingat...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: *On the spot.* Kalau Menteri jawab memang *on the spot.* Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Saya akan bincang dan akan...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Dua rumah bina baru, sembilan baik pulih. Terima kasih banyak.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Saya akan bincang dan akan menjalankan apa yang perlu. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan ubah-ubah cakap.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Seterusnya Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Gudang ada.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Ada, okey. Juga telah membangkitkan seramai 49 Orang Asli Seletar berasal dari kampung Orang Asli telah diarahkan berpindah ke Kampung Orang Asli Seluang Laut. Keputusan mahkamah telah memutuskan pampasan kepada Orang Asli, tetapi sehingga kini lapan tahun tiada dapat pampasan. Saya sebenarnya saya amat bersimpati dengan Masyarakat Kampung Orang Asli Seluang Laut ini, tetapi pada masa sekarang, pada hari ini saya tidak dapat memberikan jawapan yang selengkapnya kerana saya difahamkan terdapat satu lagi tuntutan baharu dibuat pada tahun 2016. Jadi saya akan semak balik dengan Pengarah di Negeri Johor dan akan kemukakan jawapan secara bertulis pada Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih. Seterusnya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ekonomi masyarakat India boleh? Cerita sekarang.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Sekarang ya. Seterusnya saya beralih kepada Yang Berhormat Batu Kawan yang bertanya bagaimana peruntukan RM100 juta tersebut akan diagihkan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kerana telah memperuntukkan RM100 juta kepada SEDIC. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan RM100 juta tersebut akan dibahagikan mengikut kepentingan berdasarkan kepada lima tonggak utama iaitu pertama pendidikan akan diperuntukkan sebanyak RM40 juta. Kedua, ekonomi dan kerjaya RM20 juta. Ketiga, pembangunan sosial dan kebajikan RM10 juta. Keempat, keterangkuman dan identiti RM20 juta dan kelima projek pembangunan khas RM10 juta.

Saya di sini ingin memberikan kepastian kepada Yang Berhormat bahawa pada tahun 2019, tidaklah akan berulang perkara seperti mana yang berlaku pada tahun-tahun sebelum ini. Di mana tiada terdapat ketelusan tentang jumlah wang yang telah diagihkan kepada masyarakat India.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri. Minta pencerahan sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Segamat ingin mencelah, silakan Yang Berhormat Segamat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya ingin pencerahan adakah yang RM93 juta yang dulu yang telah dipulangkan itu akan diberi kembali ataupun SEDIC telah memulangkan RM93 juta dan sekarang diberikan

RM100 juta. Maknanya tambah RM7 juta. Maknanya RM93 juta telah dipulangkan kembali yang dulu, tambah RM7 juta, kerajaan bagi balik RM100 juta ataupun RM100 juta ini akan juga diberikan RM93 juta yang telah dipulangkan terlebih dahulu.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Saya ingin menyatakan bahawa jumlah RM100 juta ini adalah untuk tahun berikutnya 2019. Walau bagaimanapun, setelah melaksanakan program-program di dalam suku penggal pertama, pihak SEDIC akan membuat peruntukan tambahan bagi menjalankan projek-projek tambahan. Menaiktarafkan kehidupan masyarakat India.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pasir Salak Tuan Pengerusi, minta kebenaran.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Pasir Salak dulu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kebenaran. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Pengerusinya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita lupakan cerita lama *okey*, sekarang kita *move forward*. Saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, program ekonomi untuk masyarakat India, tadi disebut. Program pendidikan dan lain-lain, semua ini saya *support*, saya sokong. Boleh *dak* bagi sedikit pendetilan apa yang dimaksudkan dengan program ekonomi dan program pendidikan untuk masyarakat India? Sebelum Yang Berhormat menjawab, saya hendak bagi sedikit cadangan untuk pertimbangan Yang Berhormat. Cadangan yang dulu saya pernah hendak buat, hendak tolong masyarakat India akan tetapi, tidak kesampaian. *Because we lost the election. [Ketawa] iaitu I was...*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, *you waited 60 years. Nothing happens, luluslah time.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya. Minta tidak diganggu, Yang Berhormat Jelutong minta tidak diganggu. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dengar baik-baik. Saya Timbalan Menteri empat tahun, bukan 60 tahun...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Baharu empat tahun.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Ha! Baharu empat tahun. Sebelum itu bukan masa saya, masa saya, saya cakap ini. *What I wanted to do when I was there only four years. You all tak bagi chance* lebih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, ini peringkat Jawatankuasa. Ini bukan peringkat dasar.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia kacau saya tadi kan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kena jawab itu. Saya hendak bagi cadangan kepada Yang Berhormat Menteri yang boleh bagi jawapan *on the spot* tadi.

Masalah ekonomi yang pertama ialah masalah perumahan masyarakat India. Macam mana kita hendak mengatasi masalah perumahan ini? Mereka bekerja dengan GLC's, *Sime Darby lah, plantation companies*. Saya cadangkan Yang Berhormat Menteri *initiate*, minta tanah daripada syarikat-syarikat besar ini, 10 atau 50 ekar tidak menjejaskan *plantation business* dia orang.

■1850

Tanah ini ialah boleh digunakan sebagai tapak rumah untuk masyarakat India. Kalau hendak tunggu tanah *state government*, sudah tidak ada tanah *and then*, mungkin kena pindah jauh-jauh. Akan tetapi kalau dalam kawasan *estate* mereka itu sama ada dia orang beri secara percuma berdasarkan kepada CSR ataupun kerajaan beli pada premium yang rendah, saya rasa dapat menyelesaikan masalah perumahan masyarakat India. Lain-lain itu saya serah kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Minta Menteri untuk menggulung.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, dengan izin. Saya juga ingin mencelah dan minta pandangan Yang Berhormat Menteri untuk memastikan bahawa seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, jumlah wang yang telah diagihkan itu, yang telah ditetapkan untuk di belanja dipastikan untuk sampai kepada golongan sasaran. Kita lihat seperti yang telah saya sebut tadi skandal tanaman cili yang melibatkan seorang Timbalan Menteri, RM19 juta di mana yang telah diagihkan oleh kerajaan dahulu tidak membawa sebarang manfaat kepada masyarakat India. Sehingga hari ini, tidak ada sebarang penjelasan daripada Timbalan Menteri yang terlibat mengenai penglibatan beliau dan juga wang yang dikatakan telah pun diselewengkan oleh Yayasan Naam.

Akan tetapi, saya yakin bahawa Timbalan Menteri yang telah diberikan kepercayaan yang juga telah seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri dalam satu berita yang kita lihat baru-baru ini, akan memastikan bahawa masyarakat India akan mendapat pembelaan yang sepatutnya. Saya mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada Yang Berhormat Langkawi dan juga kerajaan baharu yang telah meningkatkan lagi jumlah dana bagi memastikan bahawa kebajikan dan masa depan masyarakat India akan lebih terbela jika dibandingkan dengan kerajaan yang dahulu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Minta...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: [Bangun]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sikit Menteri. Sikit hendak sambung. Sikit sahaja. Ini fasal perumahan orang India. Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat, satu projek perumahan PPR waktu saya menjadi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dulu kita sudah lancar dan saya pun sudah usahakan untuk mendapatkan tanah daripada Berjaya Group di Sungai Tinggi, Juntai Bestari. Jadi saya berharap Yang Berhormat kalau betul-betul hendak tolong masyarakat India kerana rumah itu memang untuk pekerja *estate* di Sungai Tinggi dan kawasan persekitaran. Jadi harap dapat membantu supaya projek ini dilaksanakan dan dapat

berbincang dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini supaya projek yang telah diluluskan ini dilaksanakan demi untuk perumahan pekerja-pekerja *estate* di Sungai Tinggi, Juntai Bestari.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, berkaitan peruntukan kepada masyarakat India. Saya pohon kalau Yang Berhormat Menteri tidak dapat menjawab, beri secara bertulis. Pada Bajet 2018 bukan 2019, RM50 juta diperuntukkan khusus untuk Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) untuk masyarakat India. Berapa ramaikah yang telah menggunakan faedah itu? Kemudian RM50 juta lagi untuk masyarakat India untuk program-program sosioekonomi dalam bajet yang lepas.

Satu lagi ialah satu pengumuman 1.5 bilion unit tambahan Amanah Saham 1Malaysia untuk masyarakat India kepada 30,000 unit setiap pelabur. Setakat manakah perkara itu memberikan faedah kepada masyarakat India atas pengumuman-pengumuman pada bajet yang lepas? Kalau tidak dapat jawab, jawab bertulis.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sila Menteri untuk respons, menjawab.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jawab yang Yang Berhormat Pontian dululah. Yang Berhormat Pontian, saya tidak mempunyai angka-angka tersebut pada hari ini. Saya akan beri jawapan bertulis. Jadi...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri, sedikit lagi minta penjelasan mengenai isu ini. Seperti yang dinyatakan, saya berbangga kepada kerajaan ini di atas peruntukan yang bertambah dari Kerajaan BN. Akan tetapi saya ingin tahu apa mekanisme untuk memohon untuk bantuan-bantuan ini yang telah dinyatakan. Adakah ia melalui pejabat Parlimen atau ada agensi-agensi terlibat? Saya khuatir seperti dahulu apabila ada agensi-agensi dua atau tiga sebagai orang tengah, maka di situlah wujud kerenah birokrasi yang dihadapi oleh pemohon. Jadi, saya mohon sedikit penjelasan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Menteri.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali saya ingin menjawab saudara saya dari Pasir Salak yang telah memberikan satu cadangan yang amat bernas, sangat bagus. Saya ucapkan tahniahlah...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tepuklah.

[Dewan tepuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Menteri.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Itu adalah cadangan yang amat baik kerana masyarakat India sebelum ini telah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saudara Yang Berhormat Pasir Salak. Saudara.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Menteri. Teruskan.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Okey, jadi itu adalah cadangan yang amat bagus kerana sebelum ini masyarakat India memang bekerja di *estate* dan di antara tahun 1970 hingga 2000 mengikut kajian yang dijalankan, lebih 600,000 orang. Sehingga tahun 2012, dianggarkan sebanyak 800,000 orang telah terpaksa keluar daripada *estate*, telah disingkirkan daripada *estate* tanpa satu program tanah yang baru. Jadi, saya akan mengambil kira cadangan tersebut. Memang cadangan ini pun memang ada dalam pelan kita sebelum ini yang kita kemukakan dulu kepada Kerajaan Barisan Nasional dulu. Jadi memandangkan saya sekarang adalah Menteri yang bertanggungjawab, saya akan melaksanakan cadangan ini dan juga akan berbincang dengan syarikat-syarikat besar.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh saya minta Yang Berhormat datang Pasir Salak, tolong buat untuk masyarakat India saya.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Boleh, boleh.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, lulus *on the spot*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Menteri ada enam minit lagi.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Okey, bagi menjawab Yang Berhormat Tanjong Karang pula yang menyatakan Berjaya Group telah meluluskan— melalui rundingan dengan Berjaya Group, suatu projek telah diluluskan di Sungai Tinggi. Jadi saya akan— saya tidak ada maklumat. Jadi terima kasih atas makluman tersebut, saya akan *follow up*. Terima kasih.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Batu Kawan tentang mekanisme-mekanisme yang akan digunakan, saya dapat nyatakan di sini, mekanisme yang akan digunakan adalah suatu yang lebih efektif yang akan sampai kepada masyarakat di peringkat akar umbi. Cuma terdapat satu sahaja agensi yang bertanggungjawab iaitu SEDIC. Sesiapa yang memerlukan apa-apa bantuan boleh membuat permohonan terus tanpa melalui orang tengah, terus kepada SEDIC. SEDIC juga akan memantau segala bantuan yang diberikan bukan sahaja kepada individu, malah kepada pertubuhan-pertubuhan lain yang menjalankan, yang membantu kerajaan menjalan program-program sosioekonomi bagi masyarakat India.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Menteri, Pendang.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak kongsi sedikit, di kawasan saya tidak banyak India, ada 112 orang lebih. Mereka dulu pekerja-pekerja *estate* dan sekarang *estate* ini telah sudah tiada lagi dan mereka ada tempat duduk tetapi rumah mereka sangat daif. Mereka diketuai oleh Gunasegaran, Ketua PH di kawasan Pendang dan juga ahli majlis. Saya minta pihak Menteri tolong tumpu sikit membina baik pulih rumah-rumah mereka yang sangat daif. Kami ada satu benda yang sangat signifikan dan *very sentimental* dengan izin, di mana sebuah rumah orang India ini sangat baik, orang Melayu pakat tolong gotong-royong kutip duit bina untuk orang India ini, sebuah keluarga di tengah kampung Melayu.

Inilah sentimentalnya orang Melayu. Kalau kamu menghormati hak budaya orang Melayu, dia dijadikan sebagai satu keluarga. Ini saya hendak minta, saya sebut nama siapa ketua

orang India di kawasan *estate* dipanggil kilang besar. Di sini mereka ada sedikit masalah berdepan dengan pengambilan tanah tauke-tauke *estate* dahulu. Saya minta pihak Menteri Perpaduan ini tolong tengok sikit, kita bantu. Kalau perlu hendak turun ke sana, saya boleh bawa pergi ke tempat yang ada ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong dengar itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Minta Menteri.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Memandangkan Yang Berhormat telah menyatakan— Saya kurang faham sikitlah, kata ada pihak yang ingin mengambil tanah. Jadi saya ingat lebih elok sama ada saya ataupun wakil saya turun ke Pendang untuk berjumpa dengan yang Yang Berhormat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Boleh berjumpa dengan nama Gunasegaran, dia sekarang ini menjadi ahli majlis bagi pihak PH di kawasan Parlimen Pendang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

■1900

Tidak mengapa kita tidak kisah, perbezaan politik ini kita hendak bantu kaum rakyat kita yang tidak kisah. Sebab mereka juga ada sumbangan, kalau mereka senang, mereka juga membantu pembangunan ekonomi negara.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pendang.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Jadi saya juga ingin menyatakan –

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya minta masa sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Saya teruja ada pemimpin UMNO, PAS bela orang India. Mana pergi pemimpin MIC semua, balik sudah? Mana pergi? Mana pergi MIC? Dahulu masa dalam kerajaan pun tidak bela, *la ni* bukan dalam kerajaan pun tidak bela juga. Tidak boleh haraplah MIC.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita bela MIC *[Ketawa]*.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, saya kena betulkan sedikit untuk Yang Berhormat Jelutong itu, sebab saya hendak maklumkan dalam Dewan yang Ahli Parlimen Cameron Highlands dia tengah mengikuti kursus CPA sekarang ini dan dia tidak dapat berada dalam Dewan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, kursus tidak penting, kita pun ada kursus, tetapi kita ada di sini. Kita kena bela rakyat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Bukan Yang Berhormat, *you* kena *respect* juga masing-masing ada dia punya – *come on* lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *People don't vote you to go for kursus*, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: *You* jangan gunakan isu begini di dalam Dewan ini. Kita daripada Barisan Nasional okey, daripada Barisan Nasional tidak kira kaum setiap orang kita pertahankan, okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul kah? Betul kah? Jangan lawak jenaka.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi: Okey dengar penjelasan. Yang Berhormat Cameron Highlands sedang mengikuti kursus CPA. Perlu direkodkan juga Yang Berhormat Jelutong, nanti tidak adil untuk yang lain.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, sebenarnya kena minta kebenaran Tuan Pengerusi, kalau tidak hadir di Dewan, kalau ada kursus. Saya di sini membangkitkan perkara ini sebab ini adalah perkara penting. Kita bincangkan masyarakat, nasib orang India. Saya berterima kasihlah ada pemimpin UMNO dan PAS.

Tuan Pengerusi: Okey Yang Berhormat Jelutong, *point taken*. Yang Berhormat Menteri silakan, tinggal 30 saat.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, sebab yang ini adalah - minta maaf Tuan Pengerusi. Ini adalah nama yang dicadangkan kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi sendiri. Apabila diminta, sebab itu saya hendak *put it on record* okey.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Tuan Pengerusi. Selanjutnya saya beralih kepada bahagian perpaduan. Terdapat persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rembau, tetapi beliau tidak ada di sini.

Jadi, saya akan terus kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai ada?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bagan Serai pun tidak ada. Jawapan bertulis, selalu Yang Berhormat Bagan Serai ada. Tidak ada dah.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Yang Berhormat Tasek Gelugor? Pun tidak ada. Yang Berhormat Kubang Kerian?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: ... pun tidak ada dan seterusnya Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Jelutong memohon justifikasi bagi pengurangan bajet bagi Jabatan Perpaduan. Memandangkan banyak isu perpaduan dan keperluan lebih *engagement*.

Jadi, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah memohon peruntukan mengurus bagi tahun 2019 sebanyak RM257,711,000 namun peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM208,316,300. Walaupun peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2019 berlaku pengurangan, jabatan akan mengoptimumkan bajet yang diterima bagi melaksanakan program-

program yang dirancang dan berimpak tinggi dalam usaha meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Seterusnya saya beralih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri atas isu perpaduan itu.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya telah mencadangkan dalam perbahasan saya untuk pihak jabatan Yang Berhormat Menteri memberi pendekatan yang lebih, kalau boleh berbalik kepada pendekatan yang digunakan sebelum ini. Ketika saya masih kecil lagi, saya lihat dalam RTM1 dan RTM2 banyak juga program-program yang ditunjukkan yang boleh memupuk perpaduan di antara rakyat berbilang kaum.

Kita lihat sekarang siaran dalam televisyen baik RTM1, RTM2, TV3 dan sebagainya, kita lihat program-program hanya ia menjurus kepada *commercial* sahaja, dengan izin Tuan Pengerusi. Tidak memberi sebarang komitmen kepada perpaduan nasional. So, ini adalah perkara yang penting. Saya rasa TV adalah media massa yang begitu baik yang menjadi tumpuan kepada kanak-kanak pada masa sekarang.

So, daripada bangku sekolah lagi kita harus memupuk perpaduan di antara rakyat yang berbilang kaum dan saya minta jabatan Yang Berhormat Menteri menggunakan dana yang ada untuk mewujudkan rencana-rencana. Kalau boleh sebelum berita disiarkan, kalau dulu kita lihat Francissca Peter menyanyikan lagu yang boleh menyemarakkan lagi semangat perpaduan di antara rakyat berbilang kaum. So, demi rakyat Malaysia, saya tak pandai nyanyi lagu itu. So saya minta kalau boleh Yang Berhormat..

Seorang Ahli: Setia, setia.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Setia, setia. Lagu yang dipanggil Setia. Baru-baru ini kita lihat rencana-rencana seperti itu dan program-program seperti itu kurang mendapat sambutan, mengapa? So, mungkin ini adalah perkara-perkara yang boleh - kita hanya melihat tumpuannya semasa perayaan, sama ada Hari Raya, Deepavali dan Tahun Baru Cina sahaja. Kita lihat *open house* dan sebagainya, tetapi perpaduan di Malaysia lebih daripada itu.

So, saya minta kalau boleh, kita minta syarikat-syarikat dan sebagainya kalau boleh menggunakan konsep *corporate social responsibility* untuk bersama-sama kita, bersama-sama dengan jabatan untuk merencanakan program-program baru yang boleh lagi memastikan bahawa perpaduan di antara rakyat Malaysia berbilang kaum ini terjamin. Lebih-lebih lagi sekarang, terutamanya bila ada pihak-pihak tertentu yang cuba memecahbelahkan kita. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong atas cadangan-cadangan yang bernas tersebut. Saya pastinya akan berbincang dengan Menteri Telekomunikasi untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

Seterusnya saya beralih kepada cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang agar tidak menjalankan program-program yang akan menjejaskan keharmonian negara dan juga pendirian kerajaan berhubung dengan ICERD. Jadi, untuk makluman semua Yang Berhormat, saya telah pun memperjelaskan pendirian kerajaan berhubung dengan isu meratifikasi ICERD semasa waktu pertanyaan Menteri kepada soalan Yang Berhormat Pengerang pada hari Khamis yang lalu, serta semasa ucapan penggulungan perbahasan Belanjawan 2019 peringkat dasar di Dewan yang mulia ini pada hari Isnin yang lalu.

Kerajaan memberi jaminan seperti mana yang saya katakan pada hari tersebut, saya sekali lagi ingin menyatakan bahawa kerajaan memberi jaminan bahawa Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan tidak akan dipinda ataupun dimansuhkan. Sekiranya ICERD ini perlu diratifikasi kelak, maka pendirian, pendapat dan cadangan daripada semua pihak akan diambil kira. Kita akan *engage public* dan semua wakil-wakil kerajaan dan juga wakil-wakil pihak pembangkang, semua sekali akan diambil kira dan hanya selepas itu sekiranya perlu sahaja akan diambil tindakan yang sewajarnya oleh kerajaan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apakah kesan kalau kita tidak perlu tandatangani isu ini?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ini peringkat sekarang, peringkat bukan peringkat dasar.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Jadi apakah selama ini sebelum ini dalam keadaan negara kita tidak menandatangani kita boleh hidup dengan aman. Akan tetapi, apa perlunya kita menandatangani dalam keadaan kita terikat ...

[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi: Butiran, khusus *on* butiran. Silakan Yang Berhormat Menteri, teruskan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tandatangani isu ini, maka memberi kesan, kita akan terikat ...

[Pembesar suara dimatikan].

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, semua ini sudah dibincangkan pada peringkat dasar. Teruskan Yang Berhormat Menteri untuk menggulung.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Mengapa pula tutup, minta supaya kerajaan mengkaji sebaik-baiknya jangan tandatangani.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan silakan.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Tuan Pengerusi, dengan itu saya telah selesaikan penjelasan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjung Piai. Betul kah sebutan saya?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Md Farid bin Md Rafik]: Betul, betul. Tanjung Piai.

Tuan Pengerusi: Betul.

Dr. Md Farid bin Md Rafik: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

■1910

Pertama sekali, saya berdiri bagi mewakili Unit Penyelarasan Pelaksanaan ataupun ICU untuk cuba menjawab beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam berbahasan kita di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, pertama sekali dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Parit Sulong mengenai permohonan pembinaan semula beberapa masjid dan beliau ada membangkitkan adakah kerajaan meletakkan sebarang had jumlah peruntukan untuk menaik taraf masjid atau pun surau. Untuk Yang Berhormat daripada Parit Sulong, yang pertama tiada had yang telah ditetapkan atau kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menetapkan had jumlah peruntukan bagi menaik taraf masjid ataupun surau. Agihan peruntukan ini bergantung terutamanya kepada kemampuan kewangan kerajaan dan keutamaan akan diberikan kepada projek-projek yang benar-benar mendesak yang diperlukan oleh masyarakat setempat. Terdapat empat masjid yang dibangkitkan iaitu:

- (i) Masjid Kampung Air Putih;
- (ii) Masjid Jamek Parit Betong;
- (iii) Masjid Jamek Nurul Huda; dan
- (iv) Masjid Jamek Parit Simis.

Betul ya? Setakat ini, apa yang telah dimaklumkan daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Kementerian telah meluluskan untuk meneruskan projek pembinaan Masjid Kampung Air Putih dan Masjid Jamek Parit Betong dengan kos berjumlah RM4 juta. Kerajaan sentiasa komited terhadap keperluan rakyat dan akan terus mempertimbangkan permohonan lain berdasarkan kemampuan kewangan semasa. Jadi, dua daripada empat yang dipohon semula telah diluluskan dan saya mohon jasa baik untuk dua lagi iaitu Masjid Jamek Nurul Huda dan Masjid Jamek Parit Simis, agar permohonan itu dibuat lagi pada tahun yang hadapan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. Silakan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai ini, saya maklum ada lawatan yang dibuat oleh ICU. Sebenarnya sebelum PRU ada lawatan dan telah diluluskan peruntukan tersebut. Malah, kerja-kerja awal dalam mengkaji semula mengenai perkara itu telah pun dilaksanakan. Cuma, apabila Yang Berhormat menyatakan dua daripada empat, hanya dua daripada empat yang akan diteruskan, saya hendak bertanya— minta maaf. Ini selepas daripada yang dibangkitkan tempoh hari.

Jadi, saya hendak tanya apakah kekangan mengenai dua lagi, dua lagi daripada empat permohonan yang tidak dapat diteruskan? Ini kerana masjid ini memang dalam keadaan yang

memang terdesak sangat untuk di baik pulih ataupun di buat baru. Kalau sekiranya ia diteruskan, kita khuatir kemungkinan dia akan memberikan suatu impak yang tidak baik kepada masyarakat setempat dengan keadaan surau itu yang kayu itu sudah terlampau lama, dah reput. Saya hendak minta pertimbangan Yang Berhormat sebab surat telah dihantar mengenai perkara ini. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Parit Sulong. Saya ambil maklum dan saya akan dapatkan terlebih dahulu *detail* yang terperinci mengenai hasil daripada lawatan yang telah dilakukan. Kita amat faham sebenarnya Yang Berhormat daripada kekangan utama yang dihadapi semestilah keadaan kewangan negara pada masa ini dan kita mempunyai banyak lagi projek-projek yang perlu diluluskan semula. Bila kita lihat *case to case basis* benda ini akan diteliti semula. Dua lagi masjid yang diutarakan itu, saya akan dapatkan maklumat lagi daripada pegawai-pegawai di peringkat ICU. *Insya-Allah* akan berikan secara bertulis ataupun saya akan jumpa dengan Yang Berhormat sendiri pada masa akan datang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi: Ya. Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin tahu jika ada angka berapa banyak projek yang menerima nasib yang sama di seluruh negara, ditangguhkan ataupun di tarik balik termasuk dua jambatan di Pontian itu. Berapa jumlah nilai keseluruhan projek yang terlibat, mungkin ratusan juta agaknya. Apakah perancangan Yang Berhormat Timbalan Menteri ICU dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memastikan yang mana *priority* utama itu diteruskan. Terima kasih.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Berkenaan masjid.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Saya ingin tanya juga berkenaan masjid yang rancangan hendak bina di *hi-tech*, satu masjid yang amat canggih dan serba serbi *updated*. Pada masa ini, dekat kawasan Klang Lama jadi sesak, yang ini tidak perlu jawab pun tidak apa. Sila bagi secara bertulis. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, masjid dahulu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya juga hendak tanya perkembangan masjid Puchong. Ahli Parlimen Puchong pun ada dalam ini. Itu dahulu telah diluluskan lama tetapi saya difahamkan bahawa peruntukan itu telah pun ditarik balik. Jadi, adakah kerajaan akan timbang semula untuk membuat masjid di Puchong dan harap Ahli Parlimen Puchong kena bantu, jadi kita tahan... *[Disampuk]* Okey.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Kita akan sentiasa timbang semula dan buat masa ini Yang Berhormat terdapat 40 projek melibatkan pembinaan masjid, pembaikan masjid dan pembaikan kelas Kafa yang berjumlah sebanyak 89 juta telah pun diluluskan semula pada

hari ini. Dia punya senarai mengikut negeri ada bersama saya dan kita boleh dapatkan selepas ini. Mana-mana Yang Berhormat terutamanya daripada Pontian dan sebagainya, kalau ada lagi projek yang belum diluluskan kita akan sentiasa memberikan kerjasama melihat balik permohonan tersebut dan mencari jalan untuk meluluskannya.

Kekangan utama Yang Berhormat seperti yang saya katakan tadi adalah kekangan dari segi kewangan yang di peruntukan. Sumber kewangan yang di peruntukan daripada EPU dan juga daripada ICU untuk melaksanakan projek-projek ini. Jumlah keseluruhan tidak ada pada saya pada hari ini tetapi kita boleh dapatkan jika ia diperlukan secara bertulis daripada jabatan yang berkenaan mengenai projek-projek yang mana yang telah terlibat daripada segi pembatalan ataupun penangguhan semula.

Seterusnya Yang Berhormat, perkara yang sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Beaufort dan Yang Berhormat Labuan. Jadi, perkara ini sebenarnya telah pun— daripada Yang Berhormat Kota Tinggi saya mohon Masjid Jamek Al-Firdaus, Kampung Sedili Besar ini kita akan lihat balik permohonan semula. *Insyah-Allah* daripada kawasan Yang Berhormat nanti banyak perkara yang boleh kita lihat dan kita pastikan, *insyah-Allah* kalau ada kemampuan projek-projek ini akan kita laksanakan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri. Tadi yang Masjid Al-Firdaus itu di kawasan Gugusan Lok Heng dan di Kampung Sedili Besar itu ialah projek jalan yang dibatalkan. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Maaf, Maaf. Ya, projek jalan yang kedua itu. Seterusnya, daripada Yang Berhormat Batu Kawan. Yang Berhormat Batu Kawan membangkitkan mengenai penjelasan bagi tajuk-tajuk peruntukan dan juga pengurusan dan perbekalan yang terletak di bawah ICU yang mana Butiran 93000 – Projek-projek Kecil, Butiran 93500 – Projek Khas dan Butiran 93600 iaitu Projek Mesra Rakyat. Di mana peruntukan ini berjumlah sebanyak 536 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, butiran bagi 93000 ataupun Projek-projek Kecil berjumlah RM87.8 juta adalah projek-projek kecil yang diselarasakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang mana ia akan dilaksanakan oleh pihak ICU Jabatan Perdana Menteri. Bagi Butiran 93500 – Projek Khas berjumlah RM150 juta adalah untuk membiayai pelaksanaan projek-projek sedia ada yang sedang dilaksanakan oleh ICU JPM melibatkan pelbagai projek seperti pembinaan masjid, surau, dewan, infrastruktur asas dan infrastruktur awam yang mana jumlah ini sebelum ini diletakkan di bawah perbelanjaan pengurusan.

Seterusnya, bagi Butiran 93600 – Projek Mesra Rakyat berjumlah RM298.5 juta adalah untuk di peruntukan kepada kawasan-kawasan Parlimen bagi melaksanakan Projek Mesra Rakyat seperti menaik taraf infrastruktur kecil, pembelian mesin, membaiki rumah golongan miskin, bantuan kepada golongan miskin dan lain-lain projek mesra rakyat selaras dengan garis panduan yang disediakan oleh ICU Jabatan Perdana Menteri.

Seterusnya, Yang Berhormat Batu Kawan juga ada mengatakan...

Tuan Pengerusi: Penanya, Yang Berhormat Batu Kawan tidak ada di sini.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Tiada? *Sorry.*

Tuan Pengerusi: Jawapan bertulis saya ingat.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Okey. Jawapan bertulis. Yang Berhormat Kubang Kerian?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kubang Kerian. Ada? *[Disampuk]* Tidak ada. Jawapan bertulis.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Yang Berhormat Nibong Tebal?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Nibong Tebal tidak ada. Jawapan bertulis.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Jawapan bertulis. Yang Berhormat Rantau Panjang?

Tuan Pengerusi: Baru keluar. Jawapan bertulis.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Yang Berhormat Pontian pun sudah balik dan Yang Berhormat Rembau pun tiada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rembau pun tiada.

Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik: Saya rasa itu sahaja daripada ICU Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM137,435,200 untuk Maksud B.1, RM2,531,000 untuk Maksud B.2, RM152,723,700 untuk Maksud B.3, RM58,596,000 untuk Maksud B.4, RM39,899,200 untuk Maksud B.5, RM3,693,538,800 untuk Maksud B.6, RM1,491,250,100 untuk Maksud B.7, RM169,324,700 untuk Maksud B.8, RM286,774,900 untuk Maksud B.9 dan RM16,000,000 untuk Maksud B.40; di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM137,435,200 untuk Maksud B1, RM2,531,000 untuk Maksud B.2, RM152,723,700 untuk Maksud B.3, RM58,596,000 untuk Maksud B.4, RM39,899,200 untuk Maksud B.5, RM3,693,538,800 untuk Maksud B.6, RM1,491,250,100 untuk Maksud B.7, RM169,324,700 untuk Maksud B.8, RM286,774,900 untuk Maksud B.9 dan; RM16,000,000 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,696,461,400 untuk Maksud P.6 dan RM49,450,000 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Wang sebanyak RM3,696,461,400 untuk Maksud P.6 dan RM49,450,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua Mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 26 November 2018. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.22 malam]